

Jilid III
Bil. 47



Hari Selasa
14hb November, 1989

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 8549]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1990

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 1 hingga B. 12 [Ruangan 8597]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1990

Jawatankuasa—

Maksud P. 7 dan P. 8 [Ruangan 8597]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N.,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang
Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar
Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P.
(Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P.,
S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P.,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR
HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K.
(Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG
KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,
S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N.
(Hulu Langat).

„ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RALEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI AHMAD DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

Yang Berhormat TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN @ SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL @ MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG @ GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

- Yang Berhormat TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tengah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).

Yang Berhormat TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungei Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG @ TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 14hb November, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PROJEK
PERTANIAN BERSEPADU

1. Tuan Douglas Uggah Embas minta Menteri Pertanian menyatakan apakah masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Projek Pertanian Bersepadu (IADP) Kalaka-Saribas, di negeri Sarawak.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, sejak dilancarkan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) Kalaka-Saribas pada tahun 1986, berbagai masalah telah dihadapi. Masalah utama yang dihadapi oleh projek berkenaan ialah:

Penyertaan yang kurang memuaskan dari pemilik-pemilik tanah akibat daripada status tanah "Native Customary Right", dengan izin, yang belum diukur dan mempunyai hak tuntutan oleh individu. Kerja-kerja kaji ukur lazimnya mengambil masa yang lama dan terdapat halangan daripada tuan tanah yang tidak mahu tanah mereka diukur.

Di samping itu terdapat juga masalah-masalah lain yang turut dialami oleh projek berkenaan seperti:

- (i) masalah mendapatkan khidmat tenaga buruh untuk bekerja di skim-skim kelapa sawit terutama di musim menuai padi;

- (ii) proses pengambilan tanah yang mengambil masa yang agak panjang menyebabkan beberapa projek pembinaan lewat;
- (iii) hampir kesemua kawasan cadangan pembangunan kelapa sawit tidak dihubungi dengan jalan; dan
- (iv) kedudukan lot-lot peserta yang menyertai skim kelapa sawit bertaburan menyebabkan kerja-kerja pembangunan kawasan mengambil masa serta menyukarkan penyelenggaraan.

Walaupun menghadapi berbagai masalah dan rintangan, Kementerian Pertanian terus berusaha untuk menjayakan projek berkenaan. Di antara langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah adalah seperti berikut:

- (i) menubuhkan Badan Petugas Khas untuk bergerak di kawasan projek dengan tujuan untuk menarik tuan-tuan tanah menyertai skim kelapa sawit. Di samping itu banyak majlis-majlis penerangan, perjumpaan sivik, dialog dan perjumpaan susulan dengan pemimpin-pemimpin masyarakat dan penghuni-penghuni rumah panjang serta penduduk-penduduk kampung berkaitan telah diadakan;
- (ii) mengadakan lawatan-lawatan sambil belajar bagi pemimpin-pemimpin masyarakat seperti Tuai Rumah, Temenggong, Pemancar dan Ketua Kampung di kawasan-kawasan projek pertanian yang berjaya;

- (iii) memberi surat hakmilik tanah kepada peserta yang menyertai skim kelapa sawit;
- (iv) menambahkan bilangan unit ukur tanah untuk mempercepatkan kerja-kerja ukur dan proses pengambilan tanah;
- (v) membina jalan-jalan sementara untuk memudahkan perhubungan;
- (vi) menyediakan kemudahan kediaman sementara untuk menggalakkan penghuni rumah panjang bekerja di skim kelapa sawit di samping mengadakan kemudahan-kemudahan pengangkutan pergi-balik ke skim kelapa sawit.

Datuk Peter Tinggom anak Kemarau: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Kita telah mendengar Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu masalah-masalah yang dihadapi oleh orang-orang di Skim Kalaka-Saribas IADP masa dahulu. Tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar pada masa sekarang keadaan sudah berubah iaitu orang-orang punya tanah kebanyakannya di Kalaka-Saribas sekarang mahu masuk skim IADP Kalaka-Saribas?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, kami memang sedar ada perubahan sedikit sebanyak tetapi ini bukan menyeluruh. Masih ada lagi poket-poket yang belum lagi dapat diusahakan secara keseluruhannya. Inilah masalah yang kita hadapi seperti soal jalan dan lain-lain lagi.

JALAN RAYA DIPERBAIKI UNTUK KAWASAN PERINDUSTRIAN

2. **Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Kerjaraya menyatakan apakah langkah positif yang diambil oleh Kementerian setakat ini supaya jalan raya yang menghubungkan kawasan perindustrian di Kuching, Sibu, Sarikei, Kapit, Bintulu, Miri, Limbang dan Lawas di Sarawak diperbaiki untuk mempercepatkan pelaburan asing di negeri itu. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerjaraya sentiasa memberikan perhatian dan mengambil langkah-langkah positif untuk memperbaiki jalan-jalan Persekutuan di negeri Sarawak termasuk jalan raya yang menghubungkan beberapa kawasan perindustrian yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat.

Dua langkah utama yang diambil oleh Kementerian Kerjaraya dan JKR Sarawak adalah:

- (a) melaksanakan sistem proses penapisan kelayakan terhadap kontraktor-kontraktor supaya hanya mereka yang mempunyai kelayakan teknikal, kemampuan kewangan atau financial capability, dengan izin, serta pengalaman yang luas dalam kerja-kerja pembinaan jalan raya sahaja layak membuat tawaran bagi projek-projek jalan raya utama;
- (b) untuk menarik minat penyertaan kontraktor-kontraktor besar yang berkemampuan, Kementerian Kerjaraya telah bersetuju untuk menyambung beberapa projek ke dalam "package" yang lebih besar seperti berikut:

(1) Bau Lundu-Semantan	58 kilometer
(2) Serian-Tebedu	38 kilometer
(3) Miri-Bintulu Road, Batu 38 ke Belulu- Batang Tingar Bridge	54 kilometer
(4) Batang Tingar Bridge ke Long Lama ke Sungai Mendamit	136 kilometer
(5) Mendamit-Limbang	41 kilometer

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa bekas Menteri Kerjaraya sedang membuat satu jaminan dalam Dewan ini kepada saya bahawa jalan raya utama di negeri Sarawak itu akan ditarkan secara keseluruhannya pada tahun 1992 tetapi selepas itu JKR Negeri Sarawak pun sudah mengumumkan bahawa ini tarikh yang tidak dapat dicapai. Maka bolehkah Yang Berhormat Timbalan

Menteri memberi satu penjelasan sama ada tarikh sasaran (target) ini akan dikaji semula ataupun projek mengetarkan jalan raya utama di negeri Sarawak itu akan dicapai seperti yang dijadualkan.

Keduanya ialah sebahagian yang paling teruk dalam jalan raya utama di negeri Sarawak itu adalah sebahagian daripada Setapang ke Patau di Bahagian Keempat. Bilakah projek ini boleh disiapkan supaya jalan ini ditarkan serta di antara Kuching dan Lundu ada satu jambatan batu kawal. Bilakah ianya akan dilaksanakan? Itu dua soalan sahaja.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan untuk mengetarkan keseluruhannya jalan raya Sarawak telah ada tetapi malangnya kontraktor-kontraktor yang kita dapat gagal dan sekarang ini projek mengetar ini telah kebelakangan dan ketinggalan. Oleh sebab itu, satu jadual yang baru perlulah diperuntukkan dan pada masa ini jadual baru ini belum ditetapkan. Oleh sebab itu, kita hendak mengatur baru projek-projek apa yang saya sebutkan tadi, kita hendak memperbesar projek-projek supaya kontraktor-kontraktor lebih besar, lebih kemampuan boleh mengambil tender-tender ini.

Berkenaan dengan soalan yang kedua, saya tidak ada angka-angka sekarang ini, saya minta Yang Berhormat memberi notis tetapi berkenaan jambatan ini, sekarang tender akan dipanggil.

Tuan Mutang Tagal: Dengan ada satu Menteri dan Timbalan Menteri dari negeri Sarawak sebagai Menteri Kerjaraya dan satu lagi Timbalan Menteri yang "associated" dengan Sarawak, saya berharap jalan raya di Sarawak dapat diperbaiki pada masa yang akan datang dan saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri "status" Pelan Perindustrian Negeri Sarawak dalam konteks Pelan Induk Perindustrian Negara oleh kerana saya tahu bahawa penekanan telah diberi untuk melaksanakan proses perindustrian yang hebat di Semenanjung tetapi bukan di Sarawak dan saya ingin tahu yang keduanya, apakah projek pakege yang telah diberitahu oleh Timbalan Menteri tadi.

Bilakah pakege ini dilaksanakan dan siapakah kontraktor-kontraktor yang akan mengendalikan pakege ini. Dan satu pakege, berapa besar—\$30 juta atau \$40 juta atau bagaimana? Kalau dilaksanakan, apakah peranan kontraktor-kontraktor negeri tempatan iaitu negeri Sarawak dalam melaksanakan ini supaya dapat memperbaiki dan meninggikan taraf jalan perindustrian di negeri Sarawak. Dan bagaimanakah JKR, pihak di peringkat Persekutuan bekerjasama dengan JKR Negeri Sarawak dalam menjalankan semua urusanniaga mengenai jalan raya di negeri itu?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan soalan yang pertamanya, saya rasa lebih sesuai soalan ini dijawab oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian oleh sebab soalan ini berkenaan dengan Pelan Induk Perindustrian dan bukan Kementerian saya.

Berkenaan dengan soalan yang kedua, berkaitan pakege-pakege yang saya sebutkan tadi, saya telah sebutkan lima pakege yang kita sediakan.

Dan pakege pertama itu Bau-Lundu-Sematan—58 kilometer. Kosnya dianggarkan sebanyak \$69.6 juta. Rekabentuk sekarang dijangka siap pada Mac, 1990 dan tender (tawaran) akan dipanggil pada bulan Jun, 1990 dan kerja-kerja pembinaan dijangka bermula pada Ogos, 1990. Tempoh pembinaan dijangka 24 bulan dan oleh sebab itu belum ada kontraktor.

Pakege kedua—Serian-Tebedu—38 kilometer. Rekabentuk ini dijangka siap pada Mac, 1990 dan tender dipanggil pada Jun, 1990. Tempoh pembinaan ialah 24 bulan dan kos yang dianggarkan sebanyak \$45.6 juta.

Pakege ketiga—Miri-Bintulu Road, Batu 38 ke Beluru, Batang Tinggal Bridge—54 kilometer. Jalan ini ialah sebatang jalan yang sedia ada dan perlu dinaikkan tarafnya. Perunding akan dilantik pada awal tahun 1990 dan kerja-kerja kajian dan rekabentuk dijangka siap awal tahun 1991. Tender dijangka dapat dipanggil pada Jun, 1991 dan kerja-kerja pembinaan dapat dimulakan pada Ogos, 1991 dan dijangka

siap pada Ogos, 1993. Kos projek ini dijangkakan sebanyak \$64.8 juta.

Pakage keempat—jadual pelaksanaan pakage ini adalah sama seperti pakage ketiga di atas yang saya sebutkan tadi. Kos projek ini dijangkakan sebanyak \$163.2 juta.

Dan pakage kelima, itu pun ikut jadual pakage ketiga yang disebutkan tadi dan kos ini dijangkakan sebanyak \$49.2 juta.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Law Lai Heng.

Tuan Law Lai Heng: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang keempat.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, minta maaf. Yang ketiga dahulu. Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah. Silap.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ketiga.

PROJEK LANDASAN KERETAPI BERKEMBAR

3. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Pengangkutan menyatakan Kabinet telah meluluskan landasan Keretapi berkembar di antara Kuala Lumpur-Kelang dan dari Rawang-Seremban untuk dilaksanakan baru-baru ini. Adakah pihak Keretapi Tanah Melayu (KTM) sudah bersedia untuk memindahkan setinggan-setinggan yang menduduki tanah-tanah rizab KTM sepanjang-panjang laluan yang terlibat. Jika sudah, di manakah mereka ini akan ditempatkan dan berapakah jumlah rumah-rumah setinggan yang terlibat di dalam projek meluaskan landasan kawasan berkembar ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, keputusan Kerajaan meluluskan projek landasan keretapi berkembar di antara Kuala Lumpur-Pelabuhan Kelang dan Rawang-Seremban memerlukan pemindahan

setinggan yang menduduki tanah rizab Keretapi Tanah Melayu (KTM) di sepanjang laluan projek ini. Oleh yang demikian, Pentadbiran KTM telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk melaksanakan keputusan ini, iaitu:

- (i) mengenalpasti bilangan keluarga setinggan dan lokasi melalui bancian di sepanjang koridor yang terlibat; dan
- (ii) mengadakan perbincangan dengan pihak Dewan Bandaraya, Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Negeri Sembilan untuk mencari jalan penyelesaian bagi memindah dan menempatkan keluarga setinggan ini.

Bancian mengenai kumpulan setinggan-setinggan yang benar-benar terlibat telah pun selesai. Dari bancian tersebut didapati sebanyak 4,106 keluarga menduduki tanah rizab KTM di kawasan-kawasan projek ini. Bilangan keluarga setinggan mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah Keluarga</i>
Selangor	2,551
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	1,533
Negeri Sembilan	22
Jumlah	<u>4,106</u>

Cara dan masa pemindahan setinggan ini masih sedang dirundingkan.

Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah benar Sepang dalam negeri Selangor akan menerima penempatan setinggan hasil daripada pemindahan dari tanah-tanah rezab keretapi? Jika benar, berapa bilangannya dan di mana kawasan yang dikenalpasti dan adakah Kerajaan telah memikirkan kesan-kesan sosial dan juga keperluan-keperluan umum seperti pembesaran sekolah-sekolah rendah kebangsaan, sekolah agama dan juga sekolah menengah serta pembesaran masjid-masjid di tempat yang dikenalpasti itu.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan tadi mengenai pemindahan ini sedang dirundingkan cara pemindahan dan juga penempatannya. Jadi, tidak dapat saya memberikan maklumat-maklumat terperinci mengenainya sekarang.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan setinggan-setinggan atas tanah rizab KTM apabila ada terlibat dalam projek KTM untuk memperbaiki landasan ataupun untuk projek-projek yang lain, sama ada Yang Berhormat boleh memberikan satu jaminan bahawa semua setinggan-setinggan yang ada terlibat dalam projek seperti ini akan diberikan tempat perlindungan yang lain. Memandangkan bahawa dalam Wilayah Persekutuan di mana DBKL menghadapi masalah mengenai kekurangan rumah kos rendah untuk menempatkan semula semua setinggan-setinggan, suka saya mendapat tahu sama ada pihak KTM ada rancangan untuk memajukan kawasan lapang kepunyaan KTM untuk membina rumah-rumah kos rendah untuk menempatkan semula semua setinggan-setinggan yang ada terlibat dalam projek KTM?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, jaminan memang ada selagi Kerajaan Barisan Nasional memerintah. (*Tepuk*) KTM sebenarnya memang ada rancangan-rancangan untuk memajukan tanah-tanah KTM tetapi tidaklah semua tanah-tanah itu boleh dibangunkan, misalnya rumah-rumah ataupun rumah-rumah pangsa untuk kediaman oleh kerana projek ini kita hendak laksanakan secepat mungkin maka itulah sebabnya kita berunding dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Kerajaan Negeri Selangor dan juga Kerajaan Negeri Sembilan di mana mereka boleh ditempatkan dalam projek-projek perumahan yang sedia ada kita tempatkan dulu. Sekiranya ada pula tempat-tempat yang kosong yang lapang yang boleh diadakan rancangan-rancangan yang baru,

maka diadakan rancangan-rancangan yang baru. Walau bagaimanapun mereka ini terjaminlah, Kerajaan tidak zalim. Kerajaan Barisan Nasional berjiwa rakyat. (*Tepuk*)

IMPORT DAGING LEMBU/ KERBAU/KAMBING BEBIRI

4. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) jumlah dan kos pembelian daging lembu dan kambing dari luar negeri mengikut negara sejak tahun 1988 hingga hari ini; dan
- (b) apakah usaha-usaha Kerajaan untuk mengurangkan pengimportan bahan-bahan ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pengimportan daging lembu/kerbau dan kambing adalah dijalankan oleh pihak swasta dan Kementerian Pertanian Malaysia melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan hanya mengeluarkan permit-permit import sahaja.

Pengimportan daging lembu/kerbau dan kambing mengikut negara sejak tahun 1988 hingga hari ini adalah seperti dijadual berikut:

Pengimportan Daging Lembu/ Kerbau Bagi Tahun 1988/89

Negara	Jumlah (Tan Metrik)		Anggaran Nilai (M\$ Jula)	
	1988	1989 (Sepi)	1988	1989 (Sepi)
Australia	1,473.0	1,512.0	8.30	7.6
Brazil	126.0	83.0	0.80	0.7
India	25,000.0	17,913.0	82.50	60.0
Netherlands	18.0	—	0.50	—
New Zealand	560.0	642.0	6.30	5.0
U.S.A.	100.0	97.0	6.30	2.5
Uruguay	—	45.0	—	0.2

Pengimportan Daging Kambing/ Bebiri Bagi Tahun 1988/89

Negara	Jumlah (Tan Metrik)		Anggaran Nilai (M\$ Jula)	
	1988	1989 (Sepi)	1988	1989 (Sepi)
New Zealand	2,170.0	2,186.0	10.0	9.0
Australia	4,390.0	2,488.0	20.0	9.0

Langkah-langkah sedang diambil oleh pihak Kerajaan bagi meningkatkan kecukupan pengeluaran dan memperbaiki mutu daging lembu/kerbau dan kambing bebiri dari sumber tempatan melalui langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Penubuhan beberapa buah ladang khusus untuk menghasilkan baka-baka ternakan yang bermutu dan sesuai untuk dipelihara oleh pen-ternak-penternak tempatan.
- (ii) Perlaksanaan berbagai projek dan program pengembangan penternakan untuk mengintegrasikan penternakan dengan tanaman kekal.
- (iii) Mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan pengembangan khas untuk menambahkan kesuburan membiak, mengurangkan kematian dan meningkatkan daya penghasilan ternakan tempatan.
- (iv) Meneruskan kerja-kerja di bidang biak-baik, pengurusan, pemakanan dan kesihatan ternakan serta pemerosesan bahan-bahan ternakan supaya industri ternakan tempatan dapat dimajukan lagi.
- (v) Penubuhan institusi penternakan, pemindahan teknologi terutama di bidang pembiakan dan latihan bercorak komersial juga sedang digiatkan. Langkah-langkah juga sedang diambil untuk mempergiatkan pengeluaran daging dari jenis ternakan-ternakan lain iaitu seperti ayam-itek, arnab, rusa dan sebagainya sebagai sumber alternatif kepada protin haiwan dan perubahan selera.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, tadi kita mendengar bahawa daging-daging lembu ataupun kambing kebanyakannya diimport daripada negeri-negeri yang bukan Islam seperti India, Netherlands, Uruguay, New

Zealand, Australia dan lain-lain lagi. Saya bukan hendak persoalan sangat tentang Islam tidak Islam ini tetapi saya hendak tanya apabila disebutkan negara ini sebagai negara yang begitu kebanyakan daging itu daging tidak sembelih dan bila sampai ke mari daging itu memanglah tidak halal dan banyak dimakan oleh rakyat tempatan yang kebanyakannya beragama Islam.

Apakah langkah-langkah Kementerian bagi memastikan perkara-perkara yang tidak halal ini dapat dinikmati secara halal? Maksudnya adakah usaha-usaha yang telah dibuat oleh pihak Kementerian ini kepada negeri-negeri ini bagi menjadikan daging-daging import itu sebagai makanan yang halal?

Yang kedua, kita lihat daging-daging ini lama, saya hendak tahu jangka lama dan sehubungan dengan ini juga kita lihat daging-daging yang diimport ini terutama daripada India dan juga Pakistan murah harganya—kalau hati lembu di sini \$10.00 dia \$6.00, kalau daging di sini \$10.50, dia mungkin \$7 sahaja. Jadi kemurahan harga itu menyebabkan wujudnya satu pertandingan yang boleh menjejaskan pendapatan dan juga pasaran harga-harga daging lembu ataupun daging kambing di sini. Soalan saya, apakah langkah-langkah Kementerian bagi memastikan bahawa pengimportan daging-daging lembu daripada luar negeri tidak menjejaskan harga pasaran lembu-lembu ataupun kambing di Malaysia?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah mengambil peluang ini menghurai sedikit sebanyak tentang keadaan negara-negara pengeksport daging ke negara kita pada hari ini.

Saya suka nyatakan di sini bahawa kita menjalankan pengimportan daging ini mengikut cara Islam kita sendiri. Umpamanya di Australia pada hari ini, kita mempunyai tidak kurang daripada 70 buah rumah sembelih yang mana penyembelihan itu dikendalikan secara Islam. Pegawai

Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan pegawai daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam kita pun telah melawat ke tempat-tempat itu dan telah memberi pengesahan bahawa penyembelihan ini dilakukan mengikut cara-cara Islam. Pada hari ini beberapa buah rumah sembelih secara Islam diwujudkan di negara-negara berikut:

<i>Negara</i>	<i>Rumah Sembelih Secara Islam</i>
Brazil	7 buah
Argentina	5 buah
Holland	1 buah
India	2 buah
England	3 buah
Netherlands	1 buah
New Zealand	32 buah
Amerika Syarikat (USA)	16 buah
Uruguay	10 buah

Sukacita saya nyatakan juga bahawa di semua tempat ini terdapat pertubuhan atau orang perseorangan yang boleh mengeluarkan sijil penyembelihan secara halal yang diiktiraf oleh negara-negara Islam yang lain termasuk negara kita sendiri. Jadi di sini saya suka nyatakan bahawa dari segi persoalan haram-halal itu, maka kita telah mewujudkan sistem penyembelihan cara Islam yakni mengikut kehendak Islam sendiri. Sukacita saya tegaskan di sini, bahawa inilah Kerajaan kita, Kerajaan Barisan Nasional, yang sentiasa memikir tentang rakyat kita (*Tepuk*).

Yang kedua, suka saya nyatakan berhubung dengan bagaimana daging yang datang daripada luar negeri ini sepatutnya tidak menjejaskan quality daging yang ada di negara kita. Soal murah itu memang elok. Semua rakyat mahu harga daging yang lebih murah. Tetapi apa yang perlu kita melaksanakan pada hari ini ialah meningkatkan pemeliharaan supaya bekalan lembu kita akan bertambah banyak dan dengan sendirinya dapat kita menyembelih dengan lebih banyak lagi. Dengan pengantaran itu harga daging kita akan berada di paras yang sesuai untuk dimakan oleh rakyat di negara kita ini.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang daging itu dibawa daripada Australia, Amerika dan negeri-negeri yang tersebut tadi, dibawa ke mari dengan kapal terbangkah atau kapal laut. Kalau sekiranya kapal laut, memberi erti bahawa daging itu terlampau lama barulah sampai ke Malaysia ini, ertinya tidak kurang daripada 6 bulan daripada tarikh disembelih, tidak kurang daripada 6 bulan kalau daripada Amerika, ertinya setahun agaknya baru sampai ke mari, kalau sekiranya daripada tarikh sembelih itu. Oleh itu apabila terlampau lama walaupun dalam kapal itu memang ada peti aisnya, tetapi apabila terlampau lama sangat, maka sebab itulah daging-daging yang diimport ini dia tidak berapa sedap dimakan dan rasanya pun begitu juga agaknya kerana terlampau lama. Jadi oleh itu bagi pihak Kerajaan, adakah telah menengok ataupun pergi mengurus dalam soal ini supaya tidak begitu lama sangat daging itu sampai ke negara kita kalau dengan kapal laut, kalau dengan kapal terbang kargo itu tidak tahulah. Itu satu.

Yang keduanya, daripada setahun ke setahun perbezaan daging import ini bertambah kurangkah ataupun bertambah banyak. Kalau bertambah banyak memberi erti bahawa daging kita dalam negara ini banyak tidak cukup. Kalau bertambah kurang ertinya bahawa bekalan daging kita meningkat. Apakah selain daripada apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi tentang kegiatan Kerajaan untuk memajukan ternakan begitu-begini, maka adakah pihak Kerajaan telah berusaha secara bersungguh-sungguh supaya targetkan beberapa tahun lagi, bahawa kita tidak akan import daging-daging daripada luar negeri, disebabkan memandangkan kepada daging-daging yang datang daripada luar negeri tadi, tentang lamanya boleh sampai ke mari harus dalam segi kesihatan apabila dimakan daging-daging yang terlampau lama tadi, jadi saya harap dapatlah Yang Berhormat memberi pandangan dalam Dewan ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, pertama berhubung dengan bagaimana pengimportan ini

dilaksanakan sama ada dengan kapal lautkah ataupun dengan pengantaran kapalterbang.

Saya suka nyatakan di sini bahawa kapal laut pada hari ini tidak serupa dengan kapal laut pada masa dahulu. Kapal laut sekarang ini adalah moden dan "sophisticated", yang mana perjalanannya bukanlah mengambil masa 2-3-4 bulan. Pendek kata dari India, tidak sampai dua minggu pun kita dapat menerima daging itu dengan begitu elok sekali. Jadi saya tidak payah panjangkan cerita ini.

Berhubung dengan soalan kedua tentang bagaimana kedudukannya dari segi pengimportan daging pada hari ini, saya suka nyatakan bahawa dari segi pengimportan kita masih lagi mengimport, tetapi ianya berkurangan. Itulah sebabnya saya berharap pada hari ini supaya penternak-penternak kita mengambil peluang ini untuk menternak sebanyak mana yang boleh mengikut kebolehan mereka masing-masing. Kalau boleh dengan secara berkelompok. Jangan hanya dengan secara individu semata-mata. Oleh sebab itulah pada hari ini dari segi pelaksanaan lembu pawah kita pun kita tidak lagi memberi seekor atau dua ekor sebagaimana dahulu. Kita menghulur 10 ekor sehingga 50 ekor agar penternak kita benar-benar dapat menternak secara besar-besaran. Yang demikian itu kita juga menggalakkan penternak-penternak kita menekankan soal-soal pemeliharaan haiwan-haiwan yang lain seperti arnab dan rusa supaya mempertingkatkan lagi bekalan daging di negara kita ini dan bukan hanya bergantung kepada daging lembu semata-mata. Saya ingat di Dewan ini juga, saya telah nyatakan bahawa "cholesterol" yang terdapat dalam daging lembu itu tinggi dan "cholesterol" dalam daging arnab itu, rendah. Lebih munasabah kita pelihara arnab banyak-banyak. (*Tepuk*) Baru-baru ini kita dengar ada sejenis penyakit VHD iaitu "virus haemorrhagic disease". Penyakit ini perlu diawasi. Walaupun belum lagi berlaku di negara kita, kita perlu awasi dari segi pengimportan arnab daripada negara-negara, seperti West Germany, Hungary, Bulgaria dan lain-lain lagi.

Saya berharap penternak-penternak kita melalui Yang Berhormat sendiri memberitahu kepada mereka agar bukan sahaja memelihara, tetapi mengamati dari segi kesihatan haiwan itu sendiri supaya tidak terlibat dengan penyakit-penyakit yang kita ingin jauhi itu.

Dr Abdul Hadi bin Derani: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kota Setar bolehlah tanya mengenai arnab sedikit.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut keterangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, pengimportan daging lembu, kerbau dan kambing yang terbanyak sekali datangnya daripada India. Bagaimanakah India boleh mengeksport daging lembu begitu banyak memandangkan bahawa negara tersebut tidak membenarkan penyembelihan lembu oleh kerana larangan-larangan agama Hindu?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, takrif daging ini, saya telah sebut dalam jawapan saya sebagai lembu-kerbau. Lembu-kerbau itu, bukan lembu sahaja ianya adalah lembu-kerbau. Saya tidak kata, lembu sahaja.

PENANAMAN ROTAN

5. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) berapa banyakkah jenis rotan yang didapati di Malaysia dan apakah jenis-jenis rotan yang boleh digunakan untuk membuat alat-alat perabot; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk menanam pokok-pokok rotan yang berharga di dalam ladang-ladang getah bagi menambahkan pendapatan pekebun-pekebun kecil di luar bandar dan peneroka-peneroka di rancangan-rancangan tanah.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Ada 104 lebih kurang jenis rotan yang terdapat di negara kita dan daripada jumlah tersebut, spesis utama yang digunakan oleh industri perabot tempatan ialah manau, mantang, sega, tanah irit, dahan semambu, dok, batu, udang dan tunggal.
- (b) Penanaman rotan telah pun dijalankan di kebun-kebun getah sejak tahun 1983 oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dengan kerjasama RISDA, FELCRA dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Seluas 10,150 hektar rotan telah pun ditanam di Malaysia iaitu 758 hektar di Semenanjung, 9,387 hektar di Sabah dan 4.9 hektar di Sarawak. Daripada jumlah ini seluas 325 hektar ditanam di ladang getah dan tanah-tanah rancangan. Kerajaan akan terus memperluaskan rancangan penanaman rotan dari semasa ke semasa menurut kehendak pekebun kecil dan penerokaan tanah rancangan.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu iaitu sehingga sekarang bagaimanakah sambutan pengguna-pengguna sama ada daripada dalam negeri dan luar negeri terhadap alat-alat perabot yang dibuat daripada rotan?

Yang kedua, negara manakah yang banyak sekali mengimport alat-alat perabot daripada rotan daripada negara kita?

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, sambutan pasaran dunia terhadap perabot-perabot yang diperbuat daripada jenis rotan cukup baik, bahkan sekarang ini oleh kerana bekalan tidak mencukupi kita telah terpaksa mengambil langkah menyekat pengeksporan rotan untuk memastikan kita dapat mengeluarkan perabot daripada rotan.

Negeri-negeri yang suka sekali mengimport perabot daripada rotan ialah Amerika Syarikat, Jepun dan negara-negara Eropah.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri mengapakah pengeksporan rotan-rotan lain diharamkan sungguhpun ia tidak digunakan secara extensive di dalam negara kita ini?

Keduanya, apakah Kementerianya bercadang mengkaji semula keputusannya untuk mengharamkan pengeksporan semua jenis rotan mentah memandangkan sara hidup 5,000 Orang-orang Asli terjejas akibat pengharaman ini sebab baru-baru ini kita dapati 15 Orang-orang Asli yang menyertai menjadi anggota keselamatan telah terkorban untuk negara dalam satu nahas helikopter Nuri. Jadi kita patutlah jaga kepentingan mereka memberi peluang lebih untuk mereka mencari rezeki. Jadi bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan dan menimbang semula bersabit dengan pengeksporan rotan yang diharamkan itu yang menjejaskan Orang-orang Asli?

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin jawab soalan yang kedua dahulu. Kemalangan nahas yang menimpa helikopter Nuri dan mengorbankan beberapa Orang Asli itu tidak kena-mengena langsung dengan perusahaan rotan (*Tepuk*), apa lagi dengan pengharaman pengeksporan rotan. Pihak Kerajaan tidak bermaksud hendak menimbang semula pengharaman pengeksporan rotan semata-mata kerana ada Orang Asli yang terkorban dalam kemalangan kapal terbang. Kalau ada orang yang kehilangan mata pencarian kerana pengharaman ini, maka mereka harus membuat pilihan untuk mencari pekerjaan lain, lagi pun dengan pengharaman rotan ini bukan bererti pasaran rotan sama sekali telah tertutup. Rotan-rotan masih lagi dikehendaki oleh pasaran tempatan dan Orang Asli atau siapa juga masih boleh mencari rotan dan boleh memasarkan rotan. Sekiranya mereka menghadapi masalah pemasaran, kita boleh tolong.

Mengenai mengapa kita terpaksa mengharamkan pengeksporan rotan ialah untuk memastikan bahawa bekalan rotan mencukupi untuk kegunaan di dalam negeri, lagi pun kita sekarang ini menggalakkan perusahaan perabot yang merupakan perusahaan hiliran untuk mendapatkan lebih nilai tokok kepada barangan utama kita.

DASAR MAKLUMAT KERAJAAN

6. **Dr Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jenis-jenis maklumat yang Kerajaan bersedia untuk memberi kepada pihak swasta apabila pegawai-pegawai awam diseru supaya melucut sikap merahsiakan maklumat Kerajaan; dan
- (b) apakah perhubungan perubahan dalam dasar ini dengan keputusan Kerajaan mengadakan satu dasar Teknologi Maklumat Negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diketahui umum bahawa dasar maklumat Kerajaan termasuk perhubungan dengan mana-mana pihak atau pihak swasta amatlah jelas.

Selain daripada kuasa-kuasa peruntukan pengelasan semula terhadap mana-mana rahsia rasmi yang boleh dibuat pada bila-bila masa sahaja mengikut Seksyen 2C Akta Rahsia Rasmi 1972, maklumat-maklumat Kerajaan boleh disampaikan kepada pihak-pihak tertentu termasuk pihak swasta menerusi salurannya di atas dasar prinsip "Perlu Mengetahui" untuk kepentingan negara dan rakyat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jawapan daripada Yang Berhormat tadi belum lengkap kerana tidak memberi galakan kepada penyampaian maklumat kepada orang-orang swasta yang memerlukan untuk perniagaan dan sebagainya. Jadi, adakah Yang Berhormat bercadang untuk mengadakan Akta Kebebasan Maklumat untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak swasta, kalau tidak, mengapa tidak?

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan Akta yang dicadangkan kerana tidak memerlukan dan kerana Akta yang ada adalah memadai.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Maidom P. Pansai.

(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Maidom P. Pansai tidak hadir).

BELIA-BELIA BEKERJA DI LADANG-LADANG

8. **Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa** minta Menteri Buruh menyatakan masih terdapat belia-belia kita tidak mahu bekerja di ladang-ladang kecil di negara ini. Adakah disebabkan ketiadaan kemudahan-kemudahan asas yang disediakan oleh pihak pengurusan ladang dan majikan. Oleh itu:

- (a) apakah tindakan dan cadangan Kerajaan terhadap ladang-ladang kecil yang tidak mengadakan kemudahan-kemudahan am sesuai dengan zaman ini;
- (b) mengapakah terdapat masih ada ladang-ladang yang tidak memperbaiki atau membina rumah-rumah buruh yang sesuai kepada buruh-buruh mengikut kehendak Kerajaan; dan
- (c) apakah tindakan Kerajaan terhadap ladang-ladang yang mengambil pekerja asing bagi mengelakkan dikenakan bayaran KWSP dan lain-lain faedah jika diambil rakyat negeri ini.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan:

- (a) Keengganan belia-belia bekerja di ladang-ladang kecil bukan dalam fikiran kita disebabkan ketiadaan kemudahan-kemudahan asas sahaja. Salah satu fakta utama wujudnya keengganan ini ialah sikap belia-belia kita memilih pekerjaan khususnya pekerjaan di kawasan-kawasan bandar. Rumah-rumah pekerja yang disediakan di estet-estet, diwajibkan mematuhi peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Akta (Piawaian

Minima Perumahan) Pekerja 1966, termasuk menyediakan kemudahan asas seperti bekalan air, bekalan elektrik, perubatan dan kesihatan melalui dispensari, hospital dan sebagainya dan tempat menjaga kanak-kanak. Bagi ladang-ladang yang ada menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut, termasuk ladang-ladang kecil, Jabatan Buruh menjalankan kegiatan penguatkuasaan untuk memastikan peruntukan-peruntukan Akta berkenaan itu dipatuhi.

Sebagai langkah jangka panjang, Kementerian Buruh sedang mengkaji semula Akta tersebut dengan tujuan menggubal satu undang-undang baru bagi meningkatkan lagi mutu kemudahan-kemudahan asas di sektor perladangan.

- (b) Kementerian Buruh sedar masih terdapat rumah-rumah pekerja yang berada dalam keadaan kurang memuaskan dan perlu diperbaiki. Sejak Akta 1966 itu dikuatkuasakan, sebanyak 55,926 unit rumah yang mematuhi standard yang diwajibkan di dalam Akta itu, telah dibina di estet-estet. Hanya 18% sahaja daripada rumah-rumah pekerja estet itu yang didapati belum mematuhi peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

Keadaan ini wujud disebabkan beberapa faktor, antaranya ialah masalah kewangan yang dihadapi oleh setengah-setengah majikan, khususnya dalam tempoh kemelesetan ekonomi beberapa tahun yang lepas. Terdapat juga tuan empunya ladang yang membuat rancangan untuk mengubah ladang mereka kepada rancangan perumahan dan sebagainya.

- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pekerja-pekerja asing yang mempunyai taraf penduduk tetap adalah diwajibkan mencarum kepada KWSP, sementara pekerja-

pekerja asing yang mempunyai pas pekerjaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen boleh memilih untuk mencarum di bawah Jadual tertentu Akta KWSP 1951. Yang bakinya adalah pekerja-pekerja pendatang tanpa izin.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian Buruh yang telah mematuhi Akta yang telah diadakan di dalam Kerajaan untuk penduduk-penduduk di kawasan-kawasan ladang bagi mendapatkan rumah-rumah yang sesuai, tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar baru-baru ini Kementerian Kesihatan telah mengeluarkan satu laporan yang mengatakan iaitu kita terdapat lebih kurang 80% penduduk-penduduk di ladang-ladang yang mempunyai satu taraf kehidupan yang tidak sesuai dan seterusnya Kerajaan harus mengambil tindakan untuk membaikinya. Saya ingin dapat tahu apakah tindakan pihak Kementerian Buruh akan ambil di atas laporan daripada pihak Kementerian Kesihatan?

Keduanya, saya ingin dapat tahu daripada pihak Kementerian juga, bolehkah pihak Kementerian mengambil tindakan untuk mengadakan satu peruntukan ataupun kemudahan kewangan kepada ladang-ladang yang tidak mempunyai kemudahan kewangan untuk membina rumah-rumah baru seperti pihak Kerajaan Tempatan sedang membuat untuk membina rumah-rumah kos murah di kawasan-kawasan perbandaran.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, laporan dari Kementerian Kesihatan yang saya rasa dibentangkan dalam satu seminar pada hujung minggu yang lepas adalah hasil daripada kajian yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan dan juga hasil daripada kajian yang sama yang dijalankan oleh Kementerian Buruh. Tetapi untuk mengatakan bahawa mereka mempunyai pendapat bahawa 80% daripada penduduk di ladang itu tidak menikmati kehidupan yang memuaskan adalah

suatu yang keterlaluan. Kertas-kertas daripada Kementerian itu adalah lebih spesifik untuk mengatakan bahawa mereka tidak dapat air yang bersih atau menikmati kemudahan yang tertentu atau sebagainya. Tidak ada perbincangan mengenai income atau lain-lain aspek. Kajian mereka adalah spesifik.

Kedua, adakah kita akan dapat peruntukan khas bagi membina rumah, soalnya. Saya rasa tidak, kerana perancangan Kerajaan adalah untuk rumah awam untuk semua golongan masyarakat. Pihak pekerja ladang juga mempunyai peluang untuk mengambil bahagian dalam rancangan perumahan awam. Selain daripada itu perumahan untuk pekerja-pekerja ladang adalah tanggungjawab majikan sendiri.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, rancangan yang telah diisytiharkan oleh pihak Kerajaan satu masa dahulu iaitu untuk mengadakan rumah-rumah bagi pekerja-pekerja ladang oleh majikan adalah merupakan satu servis dan bukanlah sebagai satu rancangan untuk mengaut keuntungan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sekarang ini sudahpun terdapat satu trend di mana majikan-majikan yang seharusnya menjadi majikan contoh seperti Ladang Guthrie sudahpun membina rumah-rumah bukan sebagai satu servis lagi, tetapi sebagai satu rancangan perumahan untuk mengaut keuntungan iaitu dijual kepada pekerja-pekerja mengikut harga pasaran dengan untung yang berlebihan. Ini sudahpun lari daripada tujuan asalnya. Jika sedar, apakah langkah Kerajaan untuk menukar trend yang saya rasa tidak sihat ini?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Baharu Kulim, kerana ada rancangan perumahan seperti itu di kawasan beliau sendiri dalam satu atau dua rancangan. Memang terdapat perancangan di sektor-sektor estet yakni pada masa ini syarikat-syarikat estet yang menganggap bahawa rancangan-rancangan perumahan ini harus juga membawa keuntungan kepada

kegiatan estet itu kerana ini melibatkan modalan dan sebagainya. Tetapi Kerajaan Negeri dan Kementerian Buruh sedang mendesak kepada pihak majikan estet untuk menentukan bahawa perumahan yang didirikan itu adalah dibekalkan kepada pekerja dengan sedikit sebanyak subsidi memandangkan bahawa pekerja-pekerja itu layak mendapat perumahan. Subsidi dari segi harga kosnya apabila dibandingkan dengan harga rumah yang sama untuk orang awam.

Kedua, pihak pekerja yang memilih atau membeli rumah-rumah yang didirikan di bawah rancangan ini memang diberi subsidi sewa yang terkandung dalam perjanjian bersama di antara NUPW dan MAPA, dan peruntukan pada masa ini iaitu subsidi untuk sewa itu adalah lebih kurang \$50.00 sebulan. Jadi, subsidi daripada majikan memang terwujud.

INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA

9. Tuan Teok Teik Huat minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bahawa memandang akan hakikat bahawa salah satu sebab yang menghalang pertumbuhan dan penubuhan pengkalan pengindustrian skil kecil dan sederhana yang kukuh di dalam negara ini ialah penganan syarat penyertaan 30% bumiputera. Sama ada Kementerian ini akan memanjangkan syarat kepada pemilikan ekuiti 100% seperti yang diberi kepada pelabur-pelabur asing yang mengeksport 50% barangan keluaran mereka atau memberi pekerjaan kepada satu bilangan yang tertentu pekerja-pekerja rakyat Malaysia kepada pelabur-pelabur kecil dan sederhana tempatan. Jika tidak, kenapa.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar pelesenan Kerajaan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 mulai dari Oktober, 1986 ialah syarikat-syarikat baru yang mempunyai modal pemegang saham kurang dari \$2.5 juta atau jumlah pekerja kurang dari 75 orang adalah dikecualikan daripada lesen pengilang dan oleh itu ianya adalah

terkecuali dari sebarang syarat pelesenan termasuk syarat ekuiti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga kebanyakan syarikat-syarikat kecil dan sederhana tempatan adalah termasuk dalam golongan modal pemegang saham kurang dari \$2.5 juta atau jumlah pekerja kurang dari 75 orang. Oleh yang demikian, soal memanjangkan syarat ekuiti 100% kepada syarikat-syarikat yang mengeksportkeluarannya lebih dari 50% seperti yang diberi kepada syarikat-syarikat asing tidak timbul kepada syarikat-syarikat kecil dan sederhana.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Mohd. Noh bin Rajab.

(Soalan No. 10 Y.B. Tuan Mohd. Noh bin Rajab tidak hadir)

BAS EKSPRES YANG DIDAFTARKAN

11. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) berapa buah syarikat-syarikat Bas Ekspres yang telah didaftarkan; dan
- (b) adakah syarikat-syarikat Bas Ekspres Bumiputera yang telah diketahui dijalankan operasinya oleh syarikat bukan bumiputera dan apakah tindakan Kementerian.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga ini jumlah syarikat yang mengadakan perkhidmatan bas ekspres ialah 119 buah.
- (b) Ingin dimaklumkan iaitu adalah menjadi satu kesalahan sekiranya pemegang-pemegang lesen bas ekspres membenarkan pihak atau orang lain mengusahakan kenderaan yang telah dilesenkan dan membenarkan pihak atau orang lain mengusahakan perkhidmatan yang

dibenarkan di dalam satu-satu lesen berkenaan.

Sekiranya Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan mendapati bukti yang sah mengenai pelanggaran peruntukan Akta LPKP 1987 mengenai perkara ini, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan akan mengambil tindakan untuk menggantung atau membatalkan lesen, tidak kira sama ada pemegang lesen itu bumiputera atau bukan bumiputera.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejak daripada dahulu iaitu sejak pelaksanaan Akta ini sampai sekarang berapakah tindakan yang telah diambil kepada syarikat bas ekspres yang telah melanggar peraturan seperti jawapan Yang Berhormat di (b).

Kedua, saya rasa berkaitan dengan cara lesen itu dikeluarkan, apakah pihak Kementerian bercadang untuk membekukan terus lesen bas ekspres daripada Perlis ke mana-mana tempat seperti Penang dan Johor Bahru dan kalau tidak adakah lesen ini akan dikeluarkan kepada orang-orang tempatan dan bukan kepada syarikat-syarikat yang dikenali oleh Kementerian.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama, semenjak tahun 1986 hingga 1988, 8 lesen telah dibatalkan. Mengenai pembekuan lesen bas ekspres ianya masih lagi dijalankan. Walau bagaimanapun Kementerian telahpun membuat kajian pada awal Ogos tahun ini untuk menentukan sama ada keperluan bas ekspres ini diperlukan. Mengenai sama ada orang Perlis akan dibenarkan mengusahakan bas ekspres untuk Perlis ke selatan bergantunglah kepada kemampuan ataupun kesediaan pihak-pihak yang memohon dari segi kelayakan dan sebagainya. Tidak ada penentuan sama ada ia dikenali oleh mana-mana pihak daripada Kementerian, perkara itu tidak timbul.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, semalam Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam memberitahu Dewan ini iaitu tentang keyakinan Kementerian terhadap

Syarikat Saujana Car Hire Sdn. Bhd. Saya ingin tahu sama ada Kerajaan bercadang oleh kerana mempunyai keyakinan penuh terhadap Syarikat Saujana ini untuk memberi permit bas ekspres secara "longgok" kepada Syarikat Saujana ini sepertimana yang dibuat tentang teksi.

Dan yang keduanya, berkenaan dengan pembekuan yang baru sahaja disebutkan tadi. Memandangkan bahawa "Visit Malaysia Year" yang akan diadakan pada tahun depan dan juga conference berkenaan Pelastine yang mana saya difahamkan, ramai wakil-wakil akan datang ke negara kita ini, tidakkah kita memikirkan untuk memberi lebih banyak permit bas ekspres ini untuk menyelesaikan masalah pengangkutan.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:

Tuan Yang di-Pertua, sindiran Yang Berhormat mengenai teksi (*Ketawa*) tidak ada kena mengena dengan bas ekspres, oleh sebab itu saya tidak bercadang hendak menjawab.

Mengenai "Tahun Melawat Malaysia" pada tahun hadapan, saya percaya pelancong-pelancong tidak naik bas ekspres. Pelancong-pelancong kita akan menggunakan bas pesisiran ataupun kapal terbang ataupun keretapi, tidak ada bas ekspres. Jadi, walau bagaimanapun. . . .

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, ini ada kesilapan sedikit. Soalan saya tadi walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan satu sindiran tetapi saya hendak tahu sama ada Kerajaan bercadang hendak memberikan permit bas ekspres secara longgok kepada Syarikat Saujana Sdn. Bhd. yang mana Yang Berhormat Menteri telah memberitahu Dewan ini mempunyai keyakinan penuh. Kalau tidak saya hendak tahu mengapa tidak. Adakah kerana Yang Berhormat Menteri tidak mempunyai keyakinan penuh kepada Syarikat Saujana untuk menjalankan usaha bas ekspres. Itu pertanyaan saya.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Syarikat Saujana berkenaan teksi, ini

berkenaan bas ekspres, tidak ada kena mengena.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Itulah saya tanya tadi, saya minta maaf kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ini kurang faham, saya katakan tadi walaupun Saujana Car Hire hari ini menjalankan perusahaan teksi, tetapi saya hendak tahu sama ada Kerajaan bercadang oleh kerana mempunyai keyakinan penuh terhadap Saujana Car Hire itu bercadang untuk memberi pula permit bas ekspres kepada syarikat ini, kalau ya, kata ya, kalau tidak, saya hendak tahu mengapa tidak. Adakah Kerajaan mempunyai pandangan yang lain pula. Itu sahaja.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:

Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak timbul, kerana permit bas ekspres masih lagi dibekukan. Kalau telah dibuka nanti, tengoklah nanti, ini belum dibuka lagi macam mana hendak cerita.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tidak payahlah kata tidak ada kaitan langsung.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:

Ambillah yang kecil-kecil itu. Saya telah menjawab soalan Yang Berhormat, tidak ada lagi yang saya hendak tambah (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7, 10 dan 12 hingga 25 adalah diberi di bawah ini).

SEKOLAH BARU KG. PINOLOBUH DAN SEKOLAH KG. PODOS, SABAH

7. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Pendidikan menyatakan:

(a) bilakah kelas Sekolah Kebangsaan dapat diwujudkan di Kg. Pinolobuh

(sama seperti yang telah dibuat dengan pengwujudan SK. Kg. Podos, Kota Belud). Ini adalah mustahak memandangkan kepada kedudukan Kg. Pinolobuh yang begitu terpencil serta bilangan kanak-kanak yang begitu banyak mencapai umur persekolahan dari tahun ke tahun; dan

- (b) bilakah bangunan sekolah untuk SK Podos dapat dibina.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan mendirikan sekolah baru untuk Kg. Pinolobuh dan SK Kg. Podos, Kota Belud, Sabah akan ditimbangkan semula untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam yang akan dilaksanakan pada tahun 1991. Jabatan Pendidikan Sabah akan membuat kajian tentang keperluan sekolah baru di kawasan yang dimaksudkan.

Cadangan bagi projek di atas tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima kerana baki peruntukan yang ada akan digunakan untuk membiayai projek-projek yang telah komited dan sedang dalam pelaksanaan.

SIARAN LANGSUNG DI MUSIM HAJI

10. **Tuan Mohd. Noh bin Rajab** minta Menteri Penerangan menyatakan mengapakah program siaran langsung mengenai pengerjaan Haji oleh para Jemaah kita di Makkatul Mukarramah tidak diadakan sebagaimana yang diumumkan oleh Menteri Penerangan. Apakah ada rancangan untuk meneruskan semula siaran langsung ini seperti tahun-tahun yang lepas.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dasuki bin Haji Ahmad): Di musim Haji yang lepas, RTM telah merancang hendak menerbitkan beberapa rancangan mengenai Ibadat Haji di Mekah dan Madinah dan menyiarkan siaran langsung dari sana. Di saat-saat akhir

rancangan ini dibatalkan kerana Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Arab Saudi tidak meluluskan pemergian pasukan penggambaran RTM di atas sebab-sebab keselamatan. Dengan demikian, RTM tidak menghantar seorang pegawai pun ke sana untuk tujuan tersebut.

Walau bagaimanapun, dengan bantuan TV Arab Saudi, RTM dapat menyiarkan dua rakaman berikut:

- (a) Upacara Ibadat Haji di Padang Arafah pada Hari Wukuf.
(b) Sembahyang Hari Raya Haji di Masjidilharam Mekah.

RTM akan berusaha lagi untuk mendapatkan kebenaran daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Arab Saudi bagi membolehkan pasukan penggambaran RTM dihantar ke Arab Saudi tahun depan untuk membuat beberapa rancangan mengenai Ibadat Haji untuk disiarkan secara siaran langsung.

UBAT-UBAT YANG DIHARAMKAN

12. **Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian beliau sedar bahawa terdapat jenis ubat-ubatan yang diharamkan dijual di kedai-kedai biasa serta gerai-gerai tepi jalan. Adakah Kementerian beliau akan menimbangkan untuk memperkenalkan satu badan penguatkuasa (ordinan racun merbahaya) untuk menyelesaikan masalah ini. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamad Farid bin Ariffin): Daripada siasatan yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan, tidak ada ubat-ubat yang diharamkan didapati dijual oleh kedai-kedai dan penjual ubat kaki lima. Walau bagaimanapun, Kementerian sedar bahawa ubat-ubat berjadual, iaitu ubat-ubat yang dikawal di bawah Akta Racun 1952, terdapat dijual secara haram di kedai ubat dan penjual ubat kaki lima tanpa mempunyai lesen tertentu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan sudahpun menubuhkan unit penguatkuasa di setiap negeri semenjak tahun 1978. Setakat ini Kementerian mempunyai 62 pegawai penguatkuasa untuk tujuan menguatkuasakan undang-undang yang mengawal ubat-ubatan termasuk penjualan haram ubat-ubat berjadual.

PENANGKAPAN IKAN LAUT DALAM

13. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Pertanian menyatakan:

Berapakah jumlah permit yang dikeluarkan untuk penangkapan ikan laut dalam setakat ini. Dari jumlah yang dikeluarkan berapakah jumlah yang beroperasi. Apakah import ikan dari luar negeri telah berkurangan atau masih ditahap yang sama.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Jumlah kelulusan lesen bot laut dalam yang telah dikeluarkan setakat ini ialah 515 unit. Walau bagaimanapun, bilangan ini tidak termasuk 206 unit kelulusan lesen yang telah ditarik balik oleh Kementerian sebelum ini oleh kerana pemohon tidak dapat membina bot walaupun lanjutan tempoh yang sesuai telah diberikan. Dari jumlah ini sebanyak 305 unit bot sedang beroperasi. Pada tahun 1988 nilai import sebanyak \$385.6 juta dan nilai eksport sebanyak \$507.0 juta iaitu masing-masing meningkat sebanyak 9.2% dan 13.9% berbanding tahun sebelumnya. Jumlah pendaratan bot laju dalam meningkat sebanyak 66% dari 35,126 tan metrik kepada 58,313 tan metrik.

PROGRAM IMUNISASI HEPATITIS B

14. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menapis semua ibu yang mengandung untuk Hepatitis B sebagai sebahagian daripada kempen pesuntikan anti-hepatitis B.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai satu strategi di dalam Program Imunisasi Hepatitis B, ujian penapisan darah bagi ibu mengandung tidak perlu dijalankan. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) juga berpendapat bahawa bagi negara seperti Malaysia, ujian tersebut tidak diperlukan.

Di dalam program ini Kementerian Kesihatan mendapati bahawa adalah lebih "cost-effective" untuk memberi imunisasi kepada semua bayi baru lahir di mana semua bayi akan mendapat perlindungan daripada penyakit Hepatitis B.

PEMBAYARAN EMOLUMEN KAKITANGAN KERAJAAN

15. Tuan Madatang Morejal minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang yang dibelanjakan untuk membayar gaji semua kakitangan Kerajaan Negeri dan Persekutuan bagi tahun 1987 dan 1988.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Jumlah wang dibelanjakan untuk pembayaran emolumen kakitangan Kerajaan Negeri, kakitangan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan bagi tahun 1987 adalah sebanyak \$8,422 juta dan bagi tahun 1988 adalah sebanyak \$8,722 juta. Pecahan-pecahan perbelanjaan adalah seperti berikut:

	1987	1988
Kerajaan Negeri	\$861.499 juta	\$859.316 juta
Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun	\$7,561 juta	\$7,863 juta

PELAN INDUK PENSWASTAAN—KAJIAN

16. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyatakan:

(a) kemajuan yang dibuat setakat ini mengenai kajian Pelan Induk

Penswastaaan dan objektif pelan tersebut;

- (b) bilangan perusahaan milik Kerajaan yang telah dikenalpasti untuk penswastaaan dan jenis perusahaan;
- (c) berapa ramai pekerja yang terlibat dalam langkah penswastaaan ini dan apakah jumlah nilai projek-projek yang diswastakan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):

- (a) kajian Pelan Induk Penswastaaan sudah sampai ke peringkat laporan akhir. Objektif-objektif kajian adalah seperti berikut:
 - (i) mengkaji semula konsep dan objektif penswastaaan;
 - (ii) mengkaji pengalaman penswastaaan setakat ini dan jika perlu memberi syor-syor untuk mengatasi masalah-masalah dalam pelaksanaan dasar penswastaaan;
 - (iii) mengenalpasti agensi-agensi/projek Kerajaan untuk penswastaaan;
 - (iv) mengkaji organisasi bagi pelaksanaan penswastaaan; dan
 - (v) menyediakan satu garis panduan sebagai Pelan Tindakan penswastaaan.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini, 23 perkhidmatan dan syarikat telah diswastakan, manakala 9 masih di dalam peringkat pelaksanaan. Selain dari itu 67 projek adalah dalam pertimbangan Kerajaan. Projek-projek tersebut melibatkan perusahaan-perusahaan pengangkutan, pembinaan, pertanian, pembuatan, kemudahan awam, perhubungan dan perkhidmatan.
- (c) Seramai 30,896 kakitangan adalah terlibat dalam projek-projek yang telah diswastakan dan seramai

41,400 kakitangan akan terlibat dalam projek-projek yang dalam peringkat pelaksanaan. Jumlah nilai projek-projek yang telah diswastakan sebanyak \$9,704.7 juta dan jumlah nilai projek-projek yang dalam peringkat pelaksanaan belum ditetapkan oleh sebab masih dalam perundingan dengan pihak swasta.

PERUNTUKAN KEPADA MARDI/RISDA/FELDA/FELCRA

17. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan jumlah wang perbelanjaan telah diperuntukan kepada MARDI, RISDA, FELDA dan FELCRA sejak ianya ditubuhkan dan sejauh manakah kejayaannya.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Kasitah bin Gaddam): Sehingga tahun 1989, FELDA telah diberi peruntukan sebanyak \$7,823,021,661 untuk melaksanakan aktiviti Pembangunan Tanah dan menempatkan peneroka. Sehingga kini, FELDA telah berjaya memajukan seluas 836,621 hektar dengan menempatkan peneroka seramai 116,366 keluarga.

Program-program yang telah, sedang dan akan dijalankan oleh FELDA adalah memberikan sumbangan secara langsung kearah menyusun semula masyarakat dan membasmikan kemiskinan selaras dengan "mission" penubuhannya, iaitu bagi membuka tanah untuk dijadikan kawasan pertanian dan menempatkan mereka yang berkelayakan dan tidak bertanah, bagi meninggikan taraf hidup mereka melalui cara-cara pertanian moden dan selanjutnya mengurangkan perbezaan masyarakat bandar dan luar bandar.

RISDA pula, jumlah wang yang dibelanjakan olehnya sejak ditubuhkan ialah sebanyak \$4,203,028,425. Program yang dijalankan olehnya adalah selaras dengan "mission" penubuhannya iaitu melaksanakan penanaman semula dan aktiviti

berkaitan secara paling cekap dan berkesan dengan tujuan menyumbang kearah perwujudan masyarakat pekebun kecil yang sejahtera. Bagi mencapai "mission" itu, 3 program telah, sedang dan akan terus dijalankan, iaitu:

A. Program Penanaman Semula

- (i) Dalam bidang penanaman semula setakat 31 Disember 1988, 470,430 orang telah menyertai Rancangan Tanam Semula dengan keluasan yang terlibat adalah seluas 979,649.4 hektar. Dimana seluas 823,823.3 hektar tanam semula kali pertama, 103,892.2 hektar tanam semula kali kedua dan 51,933.9 hektar tanam baru.
- (ii) Setakat 31 Disember 1988, sebanyak 788 rancangan TSB telah dibangunkan yang meliputi kawasan seluas 24,360 hektar dan disertai oleh 15,119 orang pekebun kecil.
- (iii) Bagi Tanam Semula Secara Mini Estet pula, sebanyak 365 Rancangan telah dibangunkan dengan keluasan 39,433.9 hektar yang dimiliki oleh 20,284 orang pekebun kecil. Manakala, keluasan yang telah ditanam semula secara Tanam Semula Serentak (TSS) sehingga 31 Disember 1988 ialah 12,756 hektar yang melibatkan 8,274 orang pekebun kecil.

B. Program Aktiviti Berkaitan

- (i) Dalam usaha untuk memindahkan teknologi supaya mutu getah yang dikeluarkan oleh pekebun kecil bermutu tinggi, RISDA setakat ini telah berjaya membina 3,601 buah pusat memproses Getah Berkelompok dan 49 buah Rumah Asap.
- (ii) Bagi membolehkan pekebun kecil bergiat secara berkum-

pulan bagi menjalankan kegiatan ekonomi, RISDA juga telah berjaya menubuhkan 62 buah Koperasi di peringkat Negeri/Daerah dimana keahliannya setakat 31 Disember 1988 seramai 91,635 orang dengan saham terkumpul sebanyak \$4,884,986.35.

- (iii) Manakala dalam usaha menggalakkan kegiatan sampingan di dalam kebun getah itu sendiri, pekebun kecil juga digalakkan menanam tanaman kontan semasa kebun di tanam semula dan seterusnya menjalankan aktiviti ternakan. Dalam hal ini, pada tahun 1988, sebanyak 37 rancangan Mini Estet telah terlibat dengan menternak biri-biri.

C. Program Perwujudan Masyarakat Pekebun Kecil Yang Sejahtera

Memandangkan kejayaan yang telah dicapai oleh RISDA dalam projek tanam semula dan aktiviti yang berkaitan dengannya, secara langsung atau tidak langsung telah dapat meningkatkan pendapatan pekebun kecil dan seterusnya memberi sumbangan keatas peningkatan kesejahteraan masyarakat pekebun kecil. Hal ini jelas dapat dilihat melalui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima (RML) dimana kadar kemiskinan di kalangan pekebun kecil getah telah menurun dari 58.2 peratus dalam tahun 1976 kepada 42.7 peratus pada tahun 1984 dan seterusnya 40 peratus dalam tahun 1987.

MARDI pula dari tahun 1970 hingga 1989, telah diperuntukan sejumlah \$194.6 juta bagi tujuan pembangunan dan \$835.2 juta sebagai peruntukan mengurus. MARDI telah membangunkan sebanyak 28 buah stesen penyelidikan yang terletak di lokasi yang strategik di serata negara. Stesen-stesen tersebut dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur serta peralatan makmal

dan ladang yang berpatutan untuk menjalankan penyelidikan ke atas komoditi-komoditi pertanian yang telah dipertanggungjawabkan. Sehingga kini, kejayaan penyelidikan yang telah dicapai adalah banyak, di antara yang utama adalah seperti berikut:

- (i) Penyelidikan padi telah berjaya mengeluarkan 17 jenis baru padi yang berhasil dan bermutu tinggi serta mewujudkan teknologi lengkap pengeluaran padi yang lebih cekap dari segi pembajaan, sistem pengairan, pengawalan penyakit dan perosak, dan mekanisasi dalam penanaman dan penuaian. Di samping itu, kejayaan juga telah diperolehi di peringkat lepastuai yang melibatkan aspek-aspek pengendalian, pengeringan, penyimpanan serta penggredan padi dan beras.
- (ii) Kejayaan penyelidikan koko telah secara langsung membantu meletakkan negara ini sebagai salah sebuah negara pengeluaran utama dunia. MARDI sehingga kini, telah mengeluarkan 15 klon koko yang berhasil tinggi serta mewujudkan teknik pemprosesan yang dapat meningkatkan mutu biji koko. Kejayaan juga telah dicapai di dalam mewujudkan teknologi lengkap pengurusan tanaman (pembajaan, pembiakan tampak secara cantuman dewasa, sistem-sistem tanaman di bawah kelapa dan berkepadatan tinggi) dan pengawalan penyakit dan perosak (kawasan penyakit VSD dan perosak "cocoa pod borer").
- (iii) Penyelidikan buah-buahan telah berjaya menghasilkan dan mengenalpasti varieti dan klon beberapa jenis buah-buahan (betik Eksotika, pisang Mas, belimbing B10, mangga Harum Manis) untuk diusahakan secara besar-besaran. Teknologi lepastuai (pembungkusan, penyimpanan dan pengangkutan laut dan udara) yang telah diwujudkan membolehkan buah-buahan tersebut diekspor keluar negara (Hong Kong, Jepun, Eropah) secara komersial.
- (iv) Penyelidikan tembakau secara keseluruhannya telah dapat menyokong pembangunan industri tembakau negara ini. Kejayaan yang telah dicapai termasuklah memperkenalkan varieti TAPM 13, memajukan sistem kejenteraan bagi penanaman di tanah bris, pengesyoran pembajaan serta teknologi pengawitan yang dapat meningkatkan mutu daun tembakau.
- (v) Di dalam penyelidikan sayur-sayuran pula, MARDI telah memperkenalkan varieti-varieti berharga tinggi (high value) yang sesuai ditanam di negara ini seperti kobis, broccoli, cauliflower, asparagus dan sebagainya. Teknologi-teknologi pengeluaran, pengawalan penyakit dan perosak serta pengendalian lepastuai bagi kebanyakan jenis-jenis sayur tanah tinggi dan tanah pamah telah juga diwujudkan.
- (vi) Bagi tanaman ladang, penyelidikan telah dapat menghasilkan beberapa varieti baru jagung manis, ubi kayu dan kacang tanah yang boleh diusahakan secara meluas dinegera ini.
- (vii) Di dalam penyelidikan ternakan, MARDI telah memperkenalkan jenis dan kacukan lembu daging, tenusu, beberi, kambing dan kumpulan poultry yang sesuai diternak di negara ini. Baru-baru ini, teknik pemindahan embrio di dalam pembiakan lembu yang berjaya digunakan di mana lembu jenis Limousin telah dapat dilahirkan. Di samping itu, kejayaan yang telah dicapai di dalam mewujudkan sistem-sistem pengeluaran ternakan secara fidlot dan integrasi dengan tanaman utama (getah, kelapa sawit) serta

teknologi-teknologi penggunaan hasil-hasil sampingan padi, kelapa sawit dan koko sebagai makanan ternakan amatlah berfaedah kepada pembangunan industri ini.

- (viii) MARDI juga telah menghasilkan teknologi-teknologi pengurusan tanah bermasalah seperti tanah berasid sulfat, gambut, bris dan tanah bekas lombong untuk pertanian. Kejayaan juga telah diperolehi di dalam membangunkan jentera dan peralatan ladang (Maltrak, jentera-jentera di dalam pengeluaran padi, tembakau) serta mewujudkan teknik "tissue culture" bagi pengeluaran beberapa jenis tanaman.
- (ix) Penyelidikan teknologi makanan pula telah banyak menghasilkan teknologi-teknologi pemprosesan dan pengeluaran berbagai bentuk produk makanan dari berbagai hasil pertanian dan ternakan. Di samping itu, mesin-mesin pemprosesan khususnya di dalam pengeluaran secara komersial makanan tradisional dan makanan segera telah juga dicipta.
- (x) Dengan hasil-hasil penyelidikan yang telah diperolehi, MARDI telah banyak membantu agensi-agensi awam dan swasta serta membangunkan usahawan dalam bidang tertentu. Sebagai contoh, MARDI telah membantu Syarikat S&P Coconut (pengeluaran serbuk santan), PERDA (pengeluaran jus buah-buahan), Syarikat KOKOMAL (pengeluaran produk-produk dari coklat), Syarikat Brahim (pengeluaran produk dalam retort), Vita Tenggara (estet buah-buahan) Tabung Haji (estet buah-buahan dan ternakan) dan sebagainya.

FELCRA telah ditubuhkan dalam tahun 1966 dan sehingga kini, sejumlah \$1,626 juta bilion telah diperuntukan kepada FELCRA untuk memulih dan memajukan tanah. Dari peruntukan tersebut, seluas 225,867 hektar tanah telah dipulih dan dimajukan oleh FELCRA sehingga kini.

PRESTASI EKONOMI NEGARA

18. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada langkah-langkah yang telah diambil untuk meminimalkan kesan kejatuhan ekonomi antara-bangsa ke atas prestasi ekonomi negara terutamanya melalui dasar pengurusan dan ekonomi itu berupaya menstabilkan ekonomi sepanjang kelewatan 80an;
- (b) apakah kesan langkah-langkah itu.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Ekoran dari kemelesetan ekonomi antarabangsa pada tahun 1985 yang telah menjejaskan ekonomi negara, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah penyesuaian untuk mengatasi kelewatan tersebut. Antara langkah-langkah tersebut ialah langkah meningkatkan peranan sektor swasta menerusi penggalakan pertumbuhan pelaburan swasta dari dalam dan luar negeri melalui pelonggaran ekuiti asing dan memperbaiki sistem insentif cukai, memajukan pasaran modal dan merangka dasar kewangan yang sesuai untuk perkembangan sektor swasta serta melaksanakan dasar perbelanjaan berjimat cermat di sektor awam dan meneruskan program penswastan. Kesan daripada langkah-langkah ini adalah sangat menggalakkan. Seperti yang kita maklum, negara kita telah berjaya mengatasi kelewatan ekonomi tersebut dan pada tahun ini pertumbuhan ekonomi dijangka mencapai paras 7.6 peratus, se-telah mencatat pertumbuhan sebanyak 8.7 peratus dalam tahun 1988, iaitu kadar tertinggi yang pernah dicapai dalam dekad ini. Bagi tahun 1990, pertumbuhan ekonomi terus kukuh walaupun mungkin terjejas sedikit oleh pertumbuhan ekonomi antarabangsa yang lebih perlahan.

Selain daripada pertumbuhan ekonomi, kesan langkah-langkah penyesuaian ini juga dapat dilihat melalui perkara-perkara berikut:

- (a) Keyakinan pelabur telah meningkat. Pelaburan swasta yang telah merosot dalam tahun 1985 dan 1986, telah pulih dalam tahun 1987 dan kini kadar pertumbuhannya sangat menggalakkan, malah mengatasi

kadar pertumbuhan pelaburan sektor awam.

- (b) Jumlah permintaan dalam negeri telah pulih dan merupakan penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi setelah merosot dengan nyata dalam tahun 1985 dan 1986.
- (c) Sektor perkilangan sekarang ini merupakan sektor terbesar dalam ekonomi negara, diukur melalui sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negara Kasar, iaitu kira-kira 23% dalam tahun 1987 dan 26% dalam tahun 1989.
- (d) Hasil dari dasar berjimat cermat Kerajaan ialah kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang telah bertambah baik. Akaun Semasa Kerajaan Persekutuan telah mencatat lebihan dalam tahun 1987 dan lebihan juga dijangka dalam tahun 1989.
- (e) Berikutan prestasi eksport yang masih menggalakkan, kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran negara telah bertambah baik.
- (f) Dengan perkembangan ekonomi yang pesat, kadar pengangguran juga telah merosot, dari sebanyak 8.3% dalam tahun 1986 kepada 8.1% dalam tahun 1988 dan dianggarkan 7.9% tahun ini.
- (g) Sungguhpun pertumbuhan ekonomi semakin pesat, keadaan inflasi dalam negara adalah rendah.

RAKYAT MALAYSIA BEKERJA DI LUAR NEGERI

19. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa banyak rakyat Malaysia sedang mendapat pekerjaan di negara-negara asing dan banyak pula aduan yang diterima berkenaan dengan penindasan dan pengeksploitasian terhadap rakyat kita di negara-negara berkenaan. Jika sedar,

apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memberi perlindungan bagi menjamin kebajikan mereka.

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Kementerian Luar Negeri memang sedar bahawa terdapat sebilangan rakyat Malaysia yang bekerja di luar negeri dan ada di antara mereka yang dilaporkan telah ditindas oleh para majikan. Dalam hal ini sukacita saya maklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian dan Kedutaan-Kedutaan kita sentiasa mengambil berat terhadap kepentingan rakyat Malaysia yang tinggal di luar negeri termasuk mereka yang bekerja di negara-negara asing. Setiap kejadian penindasan dan pengeksploitasian ke atas pekerja Malaysia di luar negeri yang dilaporkan kepada Kementerian dan Kedutaan-Kedutaan kita akan disiasat dengan rapi dan teliti dan hasil daripada siasatan ini akan dilaporkan kepada agensi-agensi Kerajaan berkenaan untuk dibuat tindakan lanjut. Dalam masa yang sama Kedutaan kita akan menggunakan saluran diplomatik untuk mendapatkan kerjasama Kerajaan negara berkenaan supaya tindakan sewajarnya dapat diambil dengan berlandaskan undang-undang negara berkenaan.

Bagaimanapun, sayugia saya nyatakan bahawa tidak semua kejadian penindasan dan pengeksploitasian ini dilaporkan atau sampai kepada pengetahuan Kedutaan-Kedutaan kita. Ini adalah kerana pekerja-pekerja yang terlibat tersebut tidak membuat laporan kepada kita atau kepada pihak berkuasa di negara berkenaan atas sebab-sebab tertentu. Di antara sebab-sebab yang biasa ialah kerana mereka itu bekerja tanpa permit kerja yang sah dan kerana mereka telah melanggar peraturan imigresen negara berkenaan termasuk tinggal melebihi tempoh visa. Mereka bimbang akan dikenakan tindakan undang-undang sekiranya perkara tersebut sampai kepada pengetahuan pihak berkuasa negara berkenaan.

Saya juga ingin memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa jumlah rakyat Malaysia yang bekerja di negara-negara asing sukar diperolehi kerana hanya sebilangan kecil sahaja daripada mereka

yang mendaftarkan diri kepada Kedutaan-Kedutaan kita apabila mereka itu tiba di negara-negara berkenaan. Ramai di kalangan mereka datang dan meninggalkan negara-negara tersebut tanpa memaklumkan kehadiran mereka kepada pihak Kedutaan. Kerana itu kita tidak mempunyai rekod yang lengkap mengenai bilangan dan jenis-jenis pekerjaan mereka.

PENGKALAN TENTERA AMERIKA DI NEGARA ASEAN

20. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian Kerajaan di atas rancangan Pengunduran Pengkalan Tentera Amerika dari negara anggota ASEAN dan seterusnya penubuhan Pangkalan Tentera Amerika di negara anggota ASEAN yang lain. Sejauhmanakah peranan Malaysia dalam penentuan sikap dan Dasar Negara tersebut sebagai salah sebuah negara anggota ASEAN.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Jawapan kepada soalan ini telah pun dijawab di Dewan Yang Mulia ini pada 30hb Oktober, 1989 apabila menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Saya tidak ada apa-apa tambahan terhadap jawapan yang telah diberi itu.

KONSEP ZOPFAN- PENGIKTIRAFAN

21. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Luar Negeri menyatakan setakat mana konsep ZOPFAN dapat dipelihara bahkan diamalkan tanpa pengiktirafan kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan Soviet Union.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Semenjak tahun 1971, apabila ASEAN mengistiharkan hasratnya untuk mewujudkan rantau Asia Tenggara sebagai rantau yang aman, bebas dan berkecuali (ZOPFAN), ASEAN telah mengambil segala kesempatan untuk memajukan

perlaksanaan konsep ini. Pada keseluruhannya masyarakat antarabangsa memberi sokongan terhadap konsep tersebut. Namun pelaksanaannya haruslah mengambil kira perkembangan-perkembangan semasa seperti masalah Kemboja yang masih belum selesai, di mana negara-negara ASEAN akan terus berusaha mencari penyelesaian yang menyeluruh yang saksama dan berkekalan agar menimbulkan satu suasana aman dan stabil demi kepentingan pelaksanaan ZOPFAN. Adalah menjadi hasrat negara-negara ASEAN untuk mendapat pengiktirafan konsep ZOPFAN ini dari seluruh masyarakat antarabangsa, khususnya pengiktirafan dari kuasa-kuasa besar untuk menghormati gagasan tersebut. Bagi tujuan ini negara-negara ASEAN akan terus berbincang dengan negara-negara berkenaan untuk mencapai matlamat tersebut.

PENYAKIT AIDS

22. Tuan Haji Mohamed bin Haji Yaacob minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah pengidap penyakit AIDS seluruh negara setakat ini. Sudahkah Kementerian dapat kesan punca-punca penyakit ini dan apakah langkah-langkah untuk mengatasinya.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah pun dijawab pada 16-10-1989 kepada soalan mulut oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Rahman Bakar dari Marang.

HUTANG NEGARA-NEGARA MEMBANGUN—PANDANGAN NEGARA BERKECUALI (NAM)

23. Tuan Haji Mohamad bin Haji Isa minta Menteri Luar Negeri menyatakan dalam Persidangan Negara-Negara Berkecuali (NAM) Malaysia telah mencadangkan beberapa perkara:

- (a) apakah pandangan Negara-negara berkecuali (NAM) terhadap saranan Malaysia yang diadakan di

Belgrade bersabit ke arah menyelesaikan hutang yang ditanggung oleh negara anggota; dan

- (b) apakah sambutan Negara-negara Anggota NAM terhadap cadangan Malaysia bagi membuat sekatan perdagangan dan kewangan kepada Afrika Selatan bagi menentang polisi apartied.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:

- (a) Kenyataan YAB Perdana Menteri mengenai hutang yang ditanggung oleh negara-negara membangun di Persidangan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di Belgrade pada 4 September 1989, telah mendapat sambutan yang baik dikalangan negara-negara anggota NAM. Masyarakat antarabangsa, terutamanya negara-negara maju, perlu diingatkan tentang betapa seriusnya masalah hutang yang dihadapi oleh setengah negara-negara membangun. Langkah-langkah yang betul-betul revolusionari perlu diambil untuk menolong mengatasi masalah hutang negara-negara itu. Jika tidak, kebijakan, pembangunan dan kestabilan negara-negara itu akan terancam dan ini akan mendatangkan kesan yang negatif terhadap keamanan dunia. Satu daripada langkah-langkah yang dikemukakan oleh YAB Perdana Menteri ialah supaya negara-negara peminjam menimbangkan kemungkinan melupakan sebahagian atau sepenuhnya hutang-hutang luar negara-negara yang benar-benar tidak berupaya membayar balik hutang mereka itu.
- (b) Selain daripada isu-isu ekonomi, kita juga menekankan bahawa regim kulit putih Afrika Selatan perlu dipulau dan dikutuk. Sekatan perdagangan dan kewangan perlu diteruskan lagi kerana terdapat bukti yang nyata di mana sekatan perdagangan mendatangkan kesan

yang positif. Cadangan kita mengenai sekatan perdagangan dan kewangan kepada Afrika Selatan bagi menentang polisi apartied telah disambut baik oleh negara-negara anggota NAM sehingga ia diterima masuk ke dalam Perakuan (Declaration) NAM. Perakuan itu juga bersetuju bahawa apartheid merupakan jenayah terhadap manusia sejagat, dan usaha-usaha sekatan perlu diteruskan dan diperingkatkan lagi.

PEMBAWA AIDS

24. Tuan Michael Asang minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah bilangan dan pembawa AIDS yang terdapat di negara ini sejak tahun AIDS dikesan di negara ini sehingga 16-10-89. Mengikuti negeri sejak 1-1-89 hingga 30-9-89 serta langkah terbaru dan berkesan yang diambil oleh Kementerian bagi mencegah bertambahnya bilangan pengidap dan pembawa penyakit AIDS di negara ini.

Tuan Mohamad Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah pun dijawab pada 16-10-1989 kepada soalan mulut oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Rahman Bakar dari Marang.

**SUKAN SEA XV—
PERBELANJAAN**

25. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) berapakah perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Malaysia di dalam menjayakan Sukan SEA baru-baru ini;
- (b) berapakah jumlah keuntungan yang telah diperolehi oleh negara ini hasil daripada Sukan SEA;
- (c) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian di dalam meningkatkan lagi mutu kesukan antarabangsa di masa hadapan.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan
(Cik Teng Gaik Kwan):**

- (a) Jumlah perbelanjaan mengikut anggaran kasar bagi menjayakan Sukan SEA XV adalah di dalam lingkungan \$13-\$14 juta.
- (b) Perbelanjaan sebenar dan keuntungan akan hanya diketahui apabila penyata akhir terimaan dan bayaran dapat disediakan oleh Jawatankuasa Kewangan Sukan SEA XV.
- (c) Langkah-langkah yang diambil untuk mengekalkan dan seterusnya meninggikan lagi mutu sukan di negara ini adalah melalui:
- (i) Penubuhan Jawatankuasa Pelaksanaan Projek Gemilang '90 pada 2-12-1986. Projek Gemilang '90 adalah merupakan program persediaan latihan jangka panjang untuk meningkatkan lagi prestasi ahli-ahli sukan negara bagi menghadapi Sukan Asia di Beijing pada tahun 1990. Setakat ini seramai 13 atlit individu dan 3 sukan berpasukan telah dipilih untuk menyertai Projek Gemilang '90.
- (ii) Mengadakan Program Latihan Persediaan Ke Arah Sukan SEA Ke 16 di Manila. Program Latihan dua (2) tahun ini akan dilancarkan pada bulan Januari 1990. Program ini akan meliputi persediaan atlit-atlit dari aspek:
- latihan iaitu latihan pusat, pusat cemerlang, latihan luar negeri dan sebagainya;
 - pendedahan-pertandingan tempatan dan pertandingan luar negeri;
 - mengadakan jurulatih-jurulatih asing dan sebagainya; dan

- d. peralatan dan kemudahan sukan.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1990**

DAN

USUL

**ANGGARAN PEMBANGUNAN 1990
Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1990 dan Anggaran Pembangunan, 1990" dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (*Hari Pertama*)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

3.35 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada \$14,786,630,980 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus 1990 di bawah Maksud Bekalan B. 1 hingga B. 54 bagi Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$9,257,427,310 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1990 di bawah Maksud Pembangunan P. 7, P. 8, P. 13, P. 14, P. 16 hingga P. 28, P. 31, P. 33 hingga P. 37, P. 39 hingga P. 42 dan P. 44 hingga P. 55 bagi Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan seperti ditunjukkan dalam Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 1990 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 27/1989 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Saya tidak berhajat untuk memberi ucapan yang panjang dalam peringkat Jawatankuasa ini oleh kerana Yang Berhormat Menteri Kewangan telah pun menghuraikan tujuan-tujuan utama mengenai peruntukan Anggaran Perbelanjaan yang dicadangkan itu dalam ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 27hb Oktober, 1989 yang lalu.

Di samping itu penjelasan-penjelasan lanjut mengenai peruntukan Anggaran Perbelanjaan ini boleh juga didapati dalam penyata daripada Kementerian Kewangan mengenai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 1990 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26/1989.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Maksud B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11 dan B. 12 [Jadual]—

Maksud P. 7 dan P. 8 (Anggaran Pembangunan 1990)—

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B. 1 hingga B. 12 dan Maksud Pembangunan P. 7 dan P. 8 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Dijemput Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

3. 39 ptg

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mencadangkan bahawa perbelanjaan bagi Maksud B. 11 diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak \$10 bagi Butiran 010000 Program Aktiviti Pentadbiran, Kod 10000 Emolumen berkait dengan gaji Ketua Pengerah, Badan Pencegah Rasuah.

Tuan Pengerusi, tidak pernah dalam sejarah negara kita, rasuah telah menjadi jadi di dalam Kerajaan dan kalangan tinggi politik seperti sekarang sungguhpun lapan tahun telah berlalu sejak cogan kata Kerajaan yang dilau-laungkan diperkenalkan iaitu untuk mewujudkan sebuah pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah. Malah, rasuah, pecah amanah dan penyalahgunaan

kuasa telah begitu berakar umbi sehingga ia telah menjadi sebahagian penting budaya politik Kerajaan Barisan Nasional.

Nampaknya kita telah sampai ke satu tahap di mana tiada satu-satu yang penting di negara ini yang tidak disentuh oleh rasuah, pecah amanah atau penyalahgunaan kuasa.

Pada hari esok, seramai 236,320 calon SPM terpaksa mengalami "agony" dengan menduduki semula Kertas Kedua Bahasa Malaysia yang dibocorkan sebelum calon-calon berkenaan mengambil kertas tersebut pada 31hb Oktober. Mereka yang bertanggungjawab atas kebocoran ini semata-mata kerana ingin memperolehi keuntungan kewangan adalah amat tidak bertanggungjawab dan harus dibawa ke muka pengadilan. Akan tetapi, bagaimanakah kita dapat menyampaikan perasaan marah kita terhadap orang-orang ini yang sanggup membocor dan menjual kertas-kertas peperiksaan semata-mata untuk memperolehi keuntungan sedangkan kita melihat di sekeliling kita rasuah, pecah amanah dan penyalahgunaan kuasa berlaku dalam Kerajaan dan kalangan tinggi politik yang mencerminkan budaya dan kelumrahan politik masa kini.

Umpamanya, penswastaan telah menjadi sumber rasuah, pecah amanah dan penyalahgunaan kuasa yang amat sangat. Pada hari semalam kita telah menyaksikan semasa soal-jawab gelagat ganjil Ahli Parlimen MIC yang melahirkan rasa tidak puas hati terhadap terma-terma penswastaan kontrak Lebuhraya Utara-Selatan kepada UEM. Saya mengalu-alukan Ahli Parlimen MIC itu kerana menyertai golongan pengkritik-pengkritik kontrak penswastaan Lebuhraya Utara-Selatan yang diberikan kepada UEM dan PLUS sungguhpun rasa tidak puas hatinya bermula selepas Presiden MIC berpindah daripada Kementerian Kerjaraya. Beliau memberi gambaran jelas bahawa rasa tidak puas hatinya itu disebabkan ketidakupayaan MIC untuk memperolehi bahagiannya daripada, dengan izin, "spoils and spin-off" daripada kontrak

tersebut dan bukan kerana mengambil berat tentang rasuah, pecah amanah dan penyalahgunaan kuasa yang terlibat.

Kontrak penswastan Lebuhraya Utara-Selatan bukan sahaja adalah satu yang ganjil kerana ia telah memaksa pihak MIC bertindak dengan cara yang begitu ganjil, tetapi ia juga adalah hampir-hampir luar biasa dari segi yang lain. Kerajaan telah mempertahankan penswastan Lebuhraya Utara-Selatan atas alasan bahawa Kerajaan tidak mampu membinanya ataupun menyelenggarakan walaupun Kerajaan telah siap membina separuh daripada lebuhraya tersebut. Apa yang diketengahkan ialah bahawa Kerajaan mungkin menjadi muflis sekiranya menanggung beban menyiapkan dan menyelenggarakan Lebuhraya Utara-Selatan.

Namun, kontrak lebuhraya ini telah berjaya menukarkan sebuah syarikat yang hampir-hampir bankrap, iaitu UEM yang tidak pernah membina walau seinci batang jalan atau sekaki jambatan kepada syarikat yang paling bersinar di dalam corporate firmament di mana ia akan bertambah maju lagi apabila ia memulakan urusan, dengan izin, "predatory corporate gobbling".

Persoalan rakyat Malaysia berhak untuk bertanya ialah mengapa pemimpin-pemimpin UMNO (Baru) di dalam Kerajaan dan Kabinet tidak berupaya menjadikan projek Lebuhraya Utara-Selatan suatu projek yang menguntungkan dan sebaliknya pula berjaya menjadikan projek tersebut suatu projek yang begitu menguntungkan apabila mereka mengambil alih projek tersebut atas sifat peribadi dan politik mereka. Dalam Kerajaan projek ini tidak boleh untung, dalam swasta (private) boleh untung, apa sebabnya?

Mungkin, Kementerian Kerjaraya dan malah seluruh Kerajaan Malaysia harus diswastakan (*Tepuk*).

Kesemua ini, Tuan Pengerusi, mempunyai hubungan yang begitu intim dengan rasuah dan ketidakberkesanan Badan Pencegah Rasuah. Sekiranya budaya poli-

tik diresapi dengan rasuah, pecah amanah dan penyalahgunaan kuasa, maka sebuah Badan Pencegah Rasuah yang bertanggungjawab kepada Kerajaan yang memerintah tidak dapat memainkan peranan yang berkesan atau bererti untuk membanteras rasuah.

Apabila saya mencadangkan usul ini untuk mengurangkan gaji Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah, saya tidak meragui kewibawaan atau kehormatan beliau. Saya ingin mengatakan dengan tegasnya di sini bahawa di bawah budaya politik yang wujud ini di mana rasuah, pecah amanah dan penyalahgunaan kuasa menjadi-jadi di kalangan tinggi politik, BPR dan Ketua Pengarahnya tidak dapat memainkan apa-apa peranan yang berkesan atau bererti untuk membanteras rasuah di Malaysia.

Inilah sebabnya BPR tidak menimbulkan sebarang ketakutan kerana ia tidaklah sebuah agensi yang berkesan. Malah, kakitangan-kakitangan Kerajaan boleh memeras ugut BPR. Pada awal bulan Oktober lalu apabila pihak BPR menahan 6 orang pegawai kastam di Kompleks Kastam Tanjong Puteri di Johor Bahru, Pegawai-pegawai kastam telah membalas dengan melakukan hampir satu "go-slow" yang menyebabkan kesesakan lalulintas yang dahsyat serta ketidak-selesaian yang amat sangat terhadap orang ramai.

Pegawai-pegawai kastam berasa mereka didiskriminasikan apabila pihak BPR menangkap ikan bilis tetapi tidak membuat apa-apa terhadap ikan-ikan yu politik (*Tepuk*).

BPR mempunyai rekod yang paling buruk berkait dengan perkara memerangi rasuah politik. Umpamanya, semasa perbincangan Belanjawan yang diadakan pada 26hb Oktober, 1987 iaitu sehari sebelum saya ditahan di bawah Operasi Lallang, saya telah menyeru di dalam Dewan yang mulia ini supaya BPR menyiasat kes kelulusan 2,000 ekar konsesi hutan di negeri Pahang kepada seorang penghuni rumah kos rendah sehari sebelum pilihanraya 1986.

Saya juga telah merujuk kepada sepucuk surat bertarikh 23hb Januari, 1987 (Bil. PHN.PHG. 143/2/3/SK. 18(4)) yang dihandatkan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Pahang, Dato Abdul Latif bin Nordin, kepada seorang bernama Azmi bin Daud beralamat No. 71, Rumah Kos Rendah, Lanchang, Mentakab, yang memberitahu bahawa permohonannya bertarikh 21hb Julai, 1986 untuk mendapat 2,000 ekar konsesi hutan dalam daerah Bentong telah diluluskan oleh Menteri Besar pada 2hb Ogos, 1986. Azmi diberi 30 hari untuk membayar \$260,424.16 sebelum menerima konsesinya.

Saya telah bertanya BPR untuk menyasat bagaimana Menteri Besar Pahang ketika itu, Dato Seri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak, boleh memberi kelulusan secara kilat dalam tempoh masa 12 hari kepada satu permohonan untuk mendapatkan konsesi hutan, terutama sekali memandangkan permohonan tersebut dikemukakan pada ketika Dewan Undangan Negeri Pahang telah dibubar untuk pilihanraya umum di mana hari penamaan calon ialah 24hb Julai dan hari membuang undi ialah 3hb Ogos, 1986. Lanjutnya, bagaimana pemohon tersebut yang tinggal di rancangan perumahan kos rendah mampu membayar \$260,424.16 kecuali beliau adalah nominee orang-orang yang berkuasa dan berpengaruh. Di bawah keadaan sedemikian, saya telah secara spesifik bertanya BPR untuk menyasat sama ada Azmi sebenarnya adalah penama Dato Najib sendiri, satu kes di mana Menteri Besar meluluskan 2,000 ekar konsesi hutan kepada dirinya sendiri sebelum meninggalkan jawatannya 24 jam kemudian.

Pihak BPR menghantar seorang wakilnya ke Parlimen untuk membuat catatan apabila Jabatan BPR disentuh, tetapi saya belum pernah mendengar daripada BPR sama ada ia telah menyasat kes ini. Kalau begitu, apa guna datang ke Parlimen untuk buat catatan? Malah saya tidak akan berasa hairan sekiranya sebuah fail mengenainya tidak dibuka lagi.

Maka tidaklah menghairankan bahawa semasa perbincangan Belanjawan, skandal

Saujana telah dibangkitkan di mana 200 lesen teksi telah diberi kepada sebuah syarikat yang sungguh misteri, sedangkan lesen-lesen tersebut harus diberi kepada pemandu-pemandu teksi. Kes ini berbau politik rasuah sungguhpun disembunyikan secara bijak di mana prinsipal-prinsipalnya berselindung di sebalik proksi-proksi dan nomini-nomini. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri begitu marah kerana nama beliau telah dikaitkan dengan skandal teksi Saujana, di mana beliau mendakwa bahawa terdapat orang-orang yang mendakwa beliau orang di sebalik skandal tersebut.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berhak untuk berasa marah sekiranya beliau tidak terlibat dalam skandal lesen teksi Saujana. Tetapi beliau harus berasa lebih marah dengan skandal tersebut di mana pemandu-pemandu teksi dinafikan hak mereka terhadap lesen oleh sebuah syarikat yang misteri. Apakah beliau akan menggunakan kuasa dan kedudukannya sebagai Timbalan Perdana Menteri untuk mengarah supaya 200 lesen teksi ini dikeluarkan semula kepada pemohon-pemohon atau pemandu-pemandu teksi. *(Tepuk)*

Sekiranya pemberian 200 lesen teksi kepada Saujana dilakukan secara terus terang tanpa sebarang penyelewengan, maka mengapa nama Timbalan Perdana Menteri diheret untuk mencekik bantahan tersebut? Bolehkah BPR mendapat tahu mana satu pemimpin politik atau Menteri Kabinet yang berada di sebalik skandal Saujana ini? Para pemandu teksi khususnya dan rakyat Malaysia pada keseluruhannya berhak untuk mengetahui siapakah "godfather" atau "godmother" di sebalik skandal lesen teksi Saujana. Apakah pihak BPR telah mula menyasat ke dalam skandal Saujana ini? Atau skandal tersebut lebih elok dikendalikan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Rasuah yang diketahui oleh Menteri Pendidikan.

Penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Rasuah merupakan satu pengakuan awam oleh Kerajaan bahawa orang

awam telah hilang kepercayaan dan keyakinan dalam BPR. Juga tidak pernah dide-ngar di mana-mana negara di dunia ini di mana sebuah Jawatankuasa Kabinet Mengenai Rasuah ditubuhkan, di mana Menteri-menteri diminta menyasiat rasuah mereka sendiri. Kalau begitu, lebih elok Ketua Polis Negara melantik Tan Koon Swan (*Ketawa*) untuk menangkap semua pesalah-pesalah politik dan korporat yang berada di dalam semua syarikat dan koperatif yang mempunyai pertalian dengan MCA.

Tuan Pengerusi, skandal politik terbaru sekali yang sampai ke pengetahuan orang ramai

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi

Tuan Lim Kit Siang: . . . ialah skandal UMNO (Baru) di Johor.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Tanjong, sekejap. Yang Berhormat hendak apa? Minta penjelasan.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Minta penjelasan. Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat dari Tanjong telah menyebut bahawa Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Rasuah. Saya ingin mendapat pandangan yang ikhlas daripada Yang Berhormat dari Tanjong, bukankah usaha Kerajaan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet Mengenai Rasuah ini menunjukkan dan membuktikan bahawa Kerajaan benar-benar hendak membasmi-kan rasuah itu? Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat baru balik daripada luar negeri, nampaknya sudah sangat asing dengan keadaan dalam tanahair kita. Penubuhan sebuah jawatankuasa tidak apa makna tanpa ada kuasa untuk membanteras rasuah. Penubuhan satu Jawatankuasa Kabinet Mengenai Rasuah lebih tidak bererti apabila orang-orang patut disiasat ilah Menteri-menteri berkenaan. (*Tepuk*) Bagaimana Menteri-menteri berkenaan yang ada dalam banyak perkara ada mungkin libat dalam perkara-perkara pecah amanah, rasuah atau

penyalahgunaan kuasa, boleh diberi kuasa untuk siasat sendiri? Mana ada sistem keadilan?

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Pengerusi, minta penjelasan sedikit. Tuan Pengerusi, apakah Yang Berhormat dari Tanjong menyedari bahawa Jawatankuasa itu bukan jawatankuasa mengenai rasuah. Yang dibentuk itu Jawatankuasa Pengurusan Kerajaan yang melihat soal pengurusan dan pentadbiran Kerajaan. Soal rasuah adalah tanggungjawab Badan Pencegah Rasuah. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat, apakah faham istilah yang telah dibentuk oleh Kabinet itu?

Tuan Lim Kit Siang: Saya faham. Saya ingat lagi apabila saya dalam tahanan di Kamunting, saya baca ucapan-ucapan Menteri-menteri Barisan Nasional dalam pilihanraya kecil Ampang Jaya di mana ada seorang Menteri Pendidikan dan Pengerusi Jawatankuasa ini yang ada kata bahawa beliau ada kuasa untuk siasat kes-kes rasuah, tetapi kemudiannya kata bukan rasuah. Dalam pandangan Kerajaan Barisan Nasional, rasuah dalam Barisan Nasional bukan rasuah. (*Ketawa*) Itulah ertinya-rasuah dalam Barisan Nasional, bukan rasuah—double standards.

Tuan Pengerusi, skandal politik terbaru sekali yang sampai ke pengetahuan orang ramai ialah skandal UMNO (Baru) di Johor. Pengerusi PSRM Negeri Johor, Razak Ahmad telah pada 5hb November, 1989 membuat laporan berikut kepada BPR dan saya petik empat perenggan.

“Penyelewengan pemberian kawasan balak di Hutan Simpan Ma’okil, Muar.

Saya telah mendapat tahu bahawa wang berjumlah \$1 juta telah diberi kepada Bendahari Perhubungan UMNO Negeri Johor pada 8hb Ogos, 1988 melalui cashier’s cheque, UMBC Cawangan Segamat yang telah dikeluarkan oleh Syarikat Heng Mah Timber Trading Sdn. Bhd.

Saya selanjutnya mendapat tahu bahawa wang berjumlah \$1 juta itu telah diberi kepada Bendahari Perhubungan

UMNO Negeri Johor sebagai wang rasuah supaya Kerajaan Negeri Johor melalui Pengarah Perhutanan Negeri Johor dan juga melalui Yang Amat Berhormat Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin akan meluluskan kawasan balak di Hutan Simpan Ma'okil, Mukim Lenga, Muar, compartment No. 72, 73, 74, 75 dan 76 seluas 1,500 ekar.

Kawasan balak seluas 1,500 ekar itu telah dipohon oleh Syarikat Powerteam (Malaysia) Sdn. Bhd. yang mempunyai pejabatnya yang berdaftar di Lot 203, Tingkat 2, Bangunan UMNO, Jalan Petrie, Muar dan juga di Tingkat 5, Wisma Selangor Dredging Bhd., Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

Syarikat Powerteam (Malaysia) Sdn. Bhd. telah membuat perjanjian pada 11hb Ogos, 1988 dengan Heng Mah Timber Trading Sdn. Bhd. untuk menjual kawasan balak itu dengan harga \$1,600 sekar.”

Mengikut Perjanjian itu juga Syarikat Heng Mah Timber Trading Sdn. Bhd. dikehendaki membayar \$1 juta kepada Bendahari Perhubungan UMNO Negeri Johor melalui Haji A. Kadir Bahrom, (Kad Pengenalan No. 0261895), Pengarah Urusan Syarikat Powerteam (M) Sdn. Bhd.

Apakah pihak BPR berkuasa untuk menyiasat skandal rasuah politik UMNO (Baru) ini di Johor? Harus saya bertanya di sini, apakah kepakaran pihak BPR miliki untuk menghadapi skandal-skandal penswastaaan yang melibatkan berbilion-bilion ringgit? Apakah pihak BPR boleh berbuat untuk memastikan penswastaaan LLN atau Skim Insurans Kesihatan Nasional tidak akan menjadi suatu skandal yang seakan-akan sama dengan skandal Lebuhraya Utara-Selatan?

Sebagai misalan, Menteri Besar Johor, Tan Sri Muhyideen, mengumumkan baru-baru ini penswastaaan \$2 billion DESARU Resort oleh KEJORA yang melibatkan pajakan selama 99 tahun bagi 5,000 ekar tanah, prime resort Kerajaan. Apa yang tidak diketahui ialah Menteri Besar Johor selepas perlantikannya sebagai Pengerusi

KEJORA dalam bulan Februari 1988 telah bertindak dengan tidak mengendahkan langsung segala prosedur yang sedia ada berkaitan dengan penswastaaan Desaru, tidak mempedulikan garis-garis panduan dan taraf penilaian yang KEJORA telah meminta Bank Arab Malaysia Merchants Banking (AMMB) merumuskan dalam tahun 1984 untuk menilai tawaran-tawaran penswastaaan, membuku dan tidak mengendahkan langsung kira-kira 20 tawaran lagi bagi penswastaaan dan dengan sendirinya mendapatkan kelulusan bagi penswastaaan Desaru Resort kepada sebuah syarikat bernama K. & S. International yang diperkenalkannya sendiri sebagai berminat dalam penswastaaan tersebut selepas beliau menjadi Pengerusi KEJORA.

K. & S. International telah mengemukakan cadangan-cadangan awalnya kepada KEJORA dalam tahun 1989. Apabila beliau mengetahui bahawa cadangan-cadangan tersebut tidak akan mematuhi garis-garis panduan dan taraf penilaian yang dirumuskan oleh Arab Malaysian Merchants Banking, Tan Sri Muhyideen sendiri mengarahkan pihak KEJORA supaya tidak mengendahkan penilaian tersebut dan beliau sendiri telah mengeluarkan “Letter of Intent” kepada K. & S. International dalam bulan Ogos, 1989.

Pada 3hb Oktober, 1989, K. & S. International mengemukakan satu cadangan yang lebih komprehensif tetapi kali ini cadangan tersebut dibuat melalui Desaru International Resort Sdn. Bhd. (DIRSB) iaitu sebuah syarikat yang baru diperbadankan dalam bulan September, 1989 dan para pemegang sahamnya terdiri daripada K. & S. International, Kajima Corporation dan orang-orang individu bumiputera yang diwakili oleh seorang yang bernama Haji Esa Mohamed, seorang arkitek berusia awal 30an yang dilahirkan di Muar. Pada 10hb Oktober, 1989 kontrak penswastaaan tersebut telah diberikan kepada DIRSB dengan memetrainya satu memorandum persefahaman.

Penswastaan DESARU Resort merupakan satu lagi contoh di mana sumber-sumber dan hartabenda awam dicabik dan di dalam kes ini, 5,000 ekar tanah prime resort Kerajaan. Dengan tidak mengendahkan prosedur-prosedur tender yang biasa serta garis-garis panduan penilaian KEJORA sendiri untuk penswastaan dan dengan tidak mengendahkan 20 tawaran untuk penswastaan yang dibuat dahulu, campurtangan Eksekutif Menteri Besar Johor menimbulkan persoalan sama ada penswastaan DESARU Resort merupakan satu lagi skandal politik yang besar.

Saya akan menyentuh dengan lebih mendalam soal penswastaan Desaru Resort lain kali tetapi disini saya hanya mengambil berat mengenai aspek rasuah politik dan peranan BPR untuk membanteras jenis kegiatan yang jahat ini di Malaysia. Apakah BRP boleh membuat untuk menyekat dan membanteras bentuk rasuah politik seperti ini?

Dalam jawapannya kepada pertanyaan atau ucapan yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen dari Sandakan, semasa menggulung perbahasan Belanjawan pada hari Jumaat lalu, Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah berkata bahawa antara tahun 1985 hingga bulan September 1989, pihak BPR telah menyasat 39 kes rasuah yang melibatkan pemimpin-pemimpin politik dan daripada ini dua telah dibicara, 18 kes digugurkan kerana tiada bukti berlakunya rasuah, sementara 21 kes masih berada dalam siasatan.

Saya mempunyai bersama saya di sini longgokan laporan mengenai rasuah di Sabah yang melibatkan Menteri-menteri Negeri dan pemimpin-pemimpin politik peringkat tinggi.

BPR juga mempunyai dokumen-dokumen ini tetapi tidak ada apa-apa tindakan susulan langsung yang diambil oleh BPR. Saya bersetuju dengan satu perenggan ini yang termuat di dalam dokumen-dokumen mengenai rasuah di Sabah yang berbunyi, dengan izin:

“Corruption in Sabah is so open now—there is evidence everywhere for every-

one to see. Ministers who were elected to power only three-and-a-half years ago and civil servants who rightly should have nothing more than their salaries are living in palatial homes and driving flashy cars. Many of them have also been awarded timber concessions. In short, all of them are living beyond their means in the eyes of the public.”

Tetapi, Tuan Pengerusi, malangnya pihak BPR mempunyai “knack”, kebolehan istimewa untuk tidak melihat apa yang boleh dilihat oleh semua orang. (*Tepuk*)

Kecuali terdapat kemahuan politik yang kuat untuk membanteras rasuah, BPR cuma merupakan suatu “window-dressing”. Tidak akan wujudnya kemahuan ataupun komitmen politik untuk membanteras rasuah sedangkan Kerajaan Barisan Nasional bergelumang dalam skandal-skandal kewangan dan rasuah politik. Bukan sahaja berlakunya skandal BMF bernilai \$2.5 billion tetapi skandal kedua Bank Bumiputra telah pun sampai dan nampaknya seolah-olah ini akan menjadi satu siri yang panjang dan kita tidak pula tahu bilakah kita akan mendengar tentang skandal ketiga Bank Bumiputra.

Saya difahamkan bahawa suatu lagi skandal bank sedang berdetik seperti bom jangkamasa iaitu Bank Pertanian, hampir-hampir akan runtuh di mana pinjaman-pinjaman lapuk sebanyak \$440 juta terpaksa dihapus-kira dan banyak daripada pinjaman-pinjaman ini diberikan kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah serta kawan-kawan mereka termasuk suatu pinjaman yang melebihi \$100 juta. Saya tidak tahu sama ada Kerajaan akan mengesahkan bahawa Bank Pertanian sedang memohon untuk mendapatkan \$500 juta untuk rancangan penyelamatnya.

Keadaan telah menjadi begitu buruk sehingga pemimpin-pemimpin Barisan Nasional menggunakan rasuah di dalam pilihanraya umum dan pilihanraya-pilihanraya kecil untuk membeli undi rakyat dengan menggunakan segala bentuk sogokan dan pujukan. Sehingga

dalam pilihanraya kecil Sungai Besar baru-baru ini, Menteri Besar Selangor ada dikesan dengan \$200,000 tunai pada pagi awal sebelum masa membuang undi. Rasuah sudah jadi kelaziman biasa. Dengan adanya budaya politik rasuah politik ini, apakah kegunaan Badan Pencegah Rasuah?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Ahli dari Tanah Merah bangun.

Tuan Hashim bin Safin: Bolehkah minta penjelasan masalah \$200,000?

Tuan Lim Kit Siang: Dengan adanya budaya politik . . .

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Wakil Semangat 46 boleh beri jalan?

Tuan Hashim bin Safin: Kalau boleh, berilah kepada UMNO.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Beri kepada siapa, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Semangat 46 boleh (*Ketawa*).

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Pengerusi, saya dengar ucapan Yang Berhormat dari Tanjong tadi mengenai dengan skandal yang mungkin menjadi satu "time bomb" kepada Bank Pertanian. Saya ingin mendapat penjelasan, adakah ini satu rekahan ataupun ianya merupakan satu fitnah yang sengaja hendak ditonjolkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong ini, ataupun ianya akan merupakan satu kenyataan yang menjadikan Barisan Nasional tidak akan menjadi satu Kerajaan yang bersih dan tidak cekap dan tidak amanah lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Ini kita tunggulah jawapan daripada Menteri-menteri yang bertanggungjawab dalam perkara ini. Saya percaya sungguhpun mereka tidak ada di sini, mereka ada dalam tempat-tempat di mana mereka boleh dengar apa disuarakan dalam Dewan yang mulia ini.

Dengan adanya budaya politik rasuah, apakah kegunaan Badan Pencegah Rasuah?

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun. Hendak apa?

Tuan Hashim bin Safin: Minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Pengerusi, baguslah; satu lambung, satu smash macam itu. Pakatan antara DAP dengan Semangat 46 satu lambung, satu smash macam main sepak takraw.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Jangan sentuh macam itu. Minta penjelasan.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat dari Tanjong mengenai tuduhan yang mengatakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor membawa wang sejumlah \$200 ribu pada malam akhir pengundian. Apakah Yang Berhormat atau wakil atau agen Yang Berhormat sempat membilang wang tersebut sehingga berani mengatakan jumlahnya tepat \$200 ribu ataupun merupakan satu fitnah? Dan kalau berani buat tuduhan di luar. (*Tepuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Laporan ini sudah keluar dalam suratkhbar. Kalau berani ambil tindakanlah terhadap suratkhbar. Kita sudah lihat bahawa kepada pemimpin-pemimpin dan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, korupsi bukan korupsi. Korupsi amalan biasa.

Tuan Pengerusi . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang bangun.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Penjelasan. Berilah!

Tuan Lim Kit Siang: Bolehlah. (*Ketawa*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak tanya tukang fitnah ini, suratkhobar mana? Watankah, DAPkah atau yang mana?

Seorang Ahli: Rokat!

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Roketkah? Minta tukang fitnah jawab.

Tuan Lim Kit Siang: Ahli Parlimen pun tidak baca suratkhobar, tidak layak duduk dalam Dewan ini. (*Ketawa*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat Tanjong dia fitnah sahaja, sebab itu tidak berani, tidak ada tanggungjawab

Tuan Lim Kit Siang: Orang yang tidak membaca suratkhobar, tidak perlu

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dia tidak berani. Tak usah cakaplah, keluar Dewanlah dan buat tuduhan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sudah Yang Berhormat, minta teruskan Yang Berhormat dari Tanjong.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Roket, penipu, bohong!

Tuan Lim Kit Siang: Begitu illiterate, tidak payahlah!

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, saya minta dia tarik balik perkataan itu.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Apa itu?

Tuan P. Patto: Penggunaan perkataan "penipu", "pembongong". Kalau Tuan Pengerusi benarkan, maka orang lain pun boleh guna.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Nantilah Yang Berhormat, kita belum buat keputusan. Yang Berhormat dari Marang, adakah Yang Berhormat gunakan perkataan itu?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dia pekak, sebab itu saya cakap macam itu.

Tuan P. Patto: Dia mengaku dia tidak gunakan?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya tidak berapa dengar Yang Berhormat. Saya mesti minta Yang Berhormat tarik balik kalau dia mengaku sebutkan perkataan itu. Kita tidak boleh periksa *Hansard* sekarang.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak apalah. Orang yang tidak menganggap korupsi sebagai korupsi tidak ada maruah. (*Tepuk*)

Tuan Pengerusi, dengan adanya.....

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, tukang buat fitnah lagi tidak ada maruah.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang tidak boleh buat begitu. Nanti Yang Berhormat minta point of order ataupun minta jalan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya minta jalan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Minta penjelasan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tunggu.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak beri.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Dia tidak beri. Duduk Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Orang-orang yang baru layak dalam reform school. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, dengan adanya budaya politik rasuah politik ini, apakah kegunaan Badan Pencegah Rasuah? Malah saya fikir Badan Pencegah Rasuah lebih baik dibubarkan kerana ia tiada mempunyai apa-apa peranan atau fungsi langsung dalam membanteras rasuah di dalam Kerajaan dan tempat-tempat tinggi politik di bawah Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang yang diperuntukkan bagi Kepala B. 11 dikurangkan sebanyak \$10 berkenaan dengan Butiran 010000 dalam Anggaran Perbelanjaan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Arau.

4.16 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menentang Usul ini dan sebaliknya mencadangkan supaya gaji Ketua Pengarah BPR dinaikkan kepada \$2,500 dan dipotong gaji Ketua Pembangkang yang akan saya cadangkan supaya dimansuhkan jawatan tersebut di Parlimen ini.

Tuan Pengerusi, sejak Badan Pencegah Rasuah ditubuhkan daripada tahun 1967 sehingga sekarang Badan ini, mengikut laporan daripada pembacaan akhbar dan sebagainya—Ahli Barisan Nasional bukan bodoh sampai tidak baca suratkhbar seperti yang telah dituduh oleh Ahli Yang Berhormat tadi, tetapi saya percaya yang belah sana banyak yang tidak baca akhbar-akhbar yang mereka rasa tidak menyokong mereka—telah mencapai tahap kematangan dan juga kebolehan serta kepakaran yang amat tinggi malah kalau boleh saya katakan di sini sampai ke tahap yang amat membanggakan.

Banyak kes-kes yang telah diselesaikan oleh BPR termasuklah kes-kes yang melibatkan orang-orang politik, pegawai-pegawai Kerajaan dan juga mana-mana pihak yang dianggap terlibat dengan rasuah. Telah terbukti dan ternyata banyak kes-kes termasuklah saya terpaksa sebutkan di sini kes Dato' Harun yang mana telah pun diselesaikan oleh pihak BPR dan banyak kes-kes lain.

Tetapi satu constraint, dengan izin, yang dihadapi oleh BPR dan juga mana-mana Jabatan Kerajaan bahawasanya mereka tidak boleh, orang kata, respond, dengan izin, kepada mana-mana kritikan atau mana-mana aduan yang dibuat dan selepas itu membuat hukuman. Kalau sekiranya BPR

berbuat demikian rupa, saya akan menjadi orang yang pertama di Parlimen ini untuk mencadangkan supaya badan ini ditutup. Tetapi badan ini adalah satu badan keadilan yang terpaksa mencari bukti yang secukupnya sebelum mereka membuat penyiasatan.

Saya kagum semua yang telah disebutkan oleh pihak Pembangkang tadi, saya percaya Pembangkang tidak payah sebut, BPR telah pun mengetahui daripada awal lagi dan mereka membuat penyiasatan. Tetapi penyiasatan yang dibuat bukan mereka yang akan menjatuhkan hukuman tetapi pihak mahkamah. Kalau sekiranya semua aduan kedai kopi, kalau semuanya kritikan kedai kopi seperti yang dibawa oleh DAP dan juga Ketua Pembangkang, dijatuhkan hukum ataupun dibuat siasatan dan kemudian dibawa dengan segera mengikut dengan kehendak mereka, maka badan ini sudah tidak adil. Badan ini harus mengikut keutamaan. Yang dahulu didahulukan, yang kemudian dikemudiankan ataupun yang kemudian itu kalau sekiranya memang penting dan demi kepentingan negara perlu didahulukan, akan didahulukan. Saya menaruh kepercayaan kepada BPR dan pegawai-pegawainya terutama Ketua Pengarahnya yang saya rasa telah menjalankan kerja tepat dan juga baik ke arah untuk menjalankan keadilan.

Kalau sekiranya mereka sentiasa mendengar aduan, kritik daripada DAP atau mana-mana pihak yang saya anggap sebagai kritik kedai kopi ataupun aduan kedai kopi sehingga ianya dibetulkan atau disahkan sebagai salah atau tidak salah.

Sebagai seorang loyar, dahulu dia menuduh loyar dari Bakri lulusan Timbuktu, dan pada hari ini dialah loyar dari Timbuktu sama seperti yang dia buat tuduhan dahulu iaitu seperti kata orang seorang peguam yang tidak berfikir bahawa perkara ini memerlukan penyiasatan.

Apakah dengan mudah pihak BPR boleh mengambil kes ini dan terus mengikut kehendak mereka? Kalau begitu, buatlah Kerajaan sendiri, buatlah Kerajaan DAP.

Malah kalau Kerajaan DAP yang memerintah sekarang ini, saya rasa ia akan menutup BPR dan dia sendiri akan menjadi Hakim dan dia sendiri akan menjadi Badan Penyiasat, lebih diktator, lebih teruk lagi daripada apa yang mereka fikirkan. Bukan sekarang, apa yang mereka fikirkan, apa yang mereka angan-angankan, apa yang mereka mimpi-mimpikan dan apa yang mereka gila-gilakan. Jadi ke arah tersebut kita melihat bahawa Badan ini sebenarnya kita tahu bahawa mereka memang mempunyai kuasa menyiasat tetapi siasatannya kita sedia maklum haruslah mempunyai bukti yang secukupnya sebelum mereka membawa kes ini untuk ditentukan oleh mahkamah.

Berhubung dengan perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ketua Pembangkang tadi, saya bersetuju kalau sekiranya kes ini sebenarnya melibatkan rasuah. Siapa rakyat Malaysia yang bersetuju dengan rasuah? Kerajaan Barisan Nasional mana yang bersetuju dengan rasuah? Kalau kita bersetuju dengan rasuah, mengapa kita mengambil tindakan kepada Dato Harun, mengapa kita mengambil tindakan kepada seorang arwah bekas Ketua Menteri Melaka? Mengapa kita mengambil tindakan kepada seorang Wakil Rakyat, seorang Exco di Kedah? Kalau sekiranya kita memihak kepada Wakil Rakyat yang terlibat dengan rasuah, mengapa kita mengambil tindakan kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat dengan rasuah, kalau sekiranya kita menyokong rasuah? Yang penting sekali ialah mengapa kita menubuhkan BPR, kalau sekiranya kita menyukai rasuah? Semuanya ini adalah tidak dinampak kerana mereka buta dan tidak mendengar kerana mereka pekak, wailun dan bodoh dalam perkara ini.

Saya bukan mengatakan mereka bodoh, tetapi mereka bodoh dalam pemikiran, tidak mengetahui betapa ikhlasnya Kerajaan Barisan Nasional ke arah untuk membersihkan Kerajaan ini dari segala aspek rasuah termasuk tindakan yang telah di-ambil kepada bekas Ketua MCA. Semua yang terlibat dengan rasuah kita ambil tindakan. Tetapi tindakannya tidak boleh diambil dengan kehendak dan selera kita.

Kalau hendak ikut kehendak dan selera kita, kita boleh buat Kerajaan sendiri di tempat lain. Tetapi kalau buat di Malaysia, kita terpaksa masuk ke dalam penjara. Tetapi kalau kita fikir bahawa kita sudah tidak boleh hendak selesai untuk membentuk satu Badan Pencegah Rasuah mengikut kehendak kita, maka buatlah sendiri Badan Pencegah rasuah di rumah, berpakat-bapa menjadi Perdana Menteri, yang lain jadi ahli Badan Pencegah Rasuah dan sebagainya. Itu boleh. Tetapi untuk Kerajaan yang melibatkan rakyat secara keseluruhan, yang mana majoriti rakyat menyokong Kerajaan Barisan Nasional, inilah jalan yang ada. Cuma kita hendak perbetulkan dari masa ke semasa, kalau sekiranya terdapat sistem ataupun terdapat ada kekurangan, kita boleh memperbetulkan dari masa ke semasa. Kita boleh cadangkan supaya peruntukan ditambah, pegawai-pegawai ditambah untuk disesuaikan dengan kehendak keadaan.

Dalam keadaan sekarang, ahli-ahli Barisan Nasional dan juga Kerajaan Barisan Nasional cukup berpuashati tentang tindakan yang telah diambil oleh BPR. Kalau sekiranya BPR pula pada hari ini hanya menerima aduan-aduan daripada Ketua Pembangkang dan juga DAP, kami sendiri akan marah kepada BPR kerana BPR tidak menjalankan keadilan. Yang harus ditekankan di sini ialah BPR harus mengikut landasan keadilan.

Berhubung dengan Jawatankuasa Kabinet mengenai rasuah tadi dan tuduhan bahawa Menteri-menteri Kabinet menubuhkan badan ini untuk menyiasat rasuah yang dibuat oleh mereka, ini tuduhan yang boleh dibuat oleh sesiapa pun. Dalam Parlimen yang mulia ini bolehlah bercakap dengan bebas. Kalau ada bukti yang terperinci siapa Menteri-menteri yang terlibat dengan rasuah, pergi keluar bercakap, tuduh, sudah berani sangat. Ini di tempat yang kita mendapat perlindungan undang-undang, kita boleh bercakap. Kalau kita bercakap dengan tidak tentu fasal tanpa apa-apa bukti, kita jadi orang gila. Kita tidak mahu jadi orang gila di Parlimen yang mulia ini. Kita

mahu jadi orang yang siuman, yang mahu bercakap. Saya sendiri kalau sekiranya tidak betul, saya cakap. Banyak perkara-perkara yang kawan-kawan saya bercakap. Fasal kes Saujana, walaupun dibawa oleh Ahli dari Bukit Bintang, tetapi siapa yang secara menonjol yang menimbulkan kes Saujana? Orang tidak kenal Ahli Bukit Bintang, orang lebih kenal Ahli Batu Berendam. Dia secara terbuka berdepan dengan Menteri dan juga Kerajaan menuduh mengapa perkara ini terjadi.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ya, Yang Berhormat dari Tanah Merah.

Tuan Hashim bin Safin: Dia sudah beri jalan, Tuan Pengerusi. Penjelasan. Mengenai Jawatankuasa Pengurusan Kerajaan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan di mana salah satu kerjanya ialah untuk memastikan bahawa Badan Pencegah Rasuah boleh menjalankan tindakan mengikut lunas-lunas peraturan, prosedur tertentu dan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa tersebut telah mengisytiharkan bahawa untuk memastikan perkara ini bebas untuk BPR melaksanakan tugas masing-masing, beliau menawarkan untuk disiasat. Soalan, apakah Yang Berhormat sedar bahawa Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa tersebut telah meminta bekas-bekas Menteri yang pernah berada dalam Barisan Nasional untuk mengisytiharkan dan disiasat oleh BPR. Kenapa sehingga sekarang tidak mengisytiharkan? Apakah Yang Berhormat dari Arau dapat memberi penjelasan dalam perkara ini?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Arau, sila sambung.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sebenarnya, apa Yang Berhormat cakap itu saya setuju sebagai Barisan dengan Barisan, kalau DAP bercakap, saya tidak setuju.

Macam manapun di sini saya hendak tunjukkan bahawa Jawatankuasa Kabinet

mengenai rasuah itu yang ditubuhkan, dia tidak memilih bulu, dia tidak kira sama ada masih berkhidmat sekarangkah ataupun bekas Menterikah ataupun yang pernah berkhidmat dengan Kerajaan, harus mengisytihar harta mereka dan selepas itu terpujang kepada Badan Penyiasat iaitu BPR sendiri untuk menyiasat dan selepas itu membawa perkara itu kepada Jawatankuasa berkenaan untuk diambil tindakan selanjutnya.

Saya hendak sebut sekali lagi fasal Saujana tadi. Dia menyebut yang Saujana ini terlibat. Soal rasuah ialah soal yang harus disiasat oleh BPR, soal yang kita timbulkan sekarang ialah soal dari segi prinsip. Tetapi yang kita hendak tunjukkan bahawa kalau sekiranya perkara ini kita anggap tidak betul, tidak payah DAP, kita daripada Barisan Nasional pun akan menimbulkan perkara ini. Walaupun semalam disebutkan peraturan tidak membolehkan PAC mengeluarkan berita ini sebelum dibawa kepada Majlis, PAC yang mana majoriti ahlinya adalah daripada Barisan Nasional dengan secara terbuka mendedahkan satu perkara yang walaupun agak melanggar peraturan, tetapi kita mendedahkan perkara tersebut untuk mencari keadilan. Apakah ini Pembangkang tidak puashati lagi dengan apa yang berlaku sekarang?

Sudah banyak perkara-perkara termasuk yang Ketua Pembangkang sebut, ahli daripada MIC yang telah menunjukkan rasa tidak puashati tentang projek Lebuhraya Utara-Selatan. Ini semua hendak menunjukkan bahawa soal rasuah bukan sahaja ditentang oleh Pembangkang tetapi ditentang oleh semua pihak. Tidak payah lagi kita cuba hendak jadi hero, hendak jadi champion, yang kita sahaja yang berjuang fasal rasuah, orang lain ini semuanya rasuah. Melihat kami ini seolah begitu jijik, semua ini terlibat dengan rasuah, yang mereka itu bersih. Mari kita londeh, tidak boleh gunakan perkataan lain daripada "londeh". Siasat betul-betul siapa yang sebenarnya bersih dalam perkara ini. Soal bersih ini bukan soal yang kita lihat fasal rasuah sangat, lihat diri sendiri itu bersih

ataupun tidak, termasuklah kalau sekiranya, kalau dia ikhlas, dia menerima elau Ketua Pembangkang itu untuk apa? Kalau kami yang bangun membangkang ini mana elau kami? Adakah dia seorang sahaja yang patut mendapat elau sebagai Ketua Pembangkang? Makna kata, mereka tidak ada maruah dan tidak bersih. Dengan itu saya cadangkan supaya elau Ketua Pembangkang termasuk jawatan Ketua Pembangkang itu di dalam multi-party system seperti di Malaysia ini dimansuhkan. Kita bukan seperti Great Britain yang hanya ada dua parti. Kalau ada dua parti, bolehlah di sana Perdana Menteri dan di sini Ketua Pembangkang. Di sini ada berapa parti? MIC, MCA, DAP, PAS, Semangat 46, SUPP dan lain-lain lagi. Kita hendaklah pakai Ketua Pembangkang?

Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang sudah keluar tadi, kalau tidak, saya hendak tanya dia mana dia maruahnya yang membenarkan Ahli dari Tanjong menjadi Ketua Pembangkang? Kita hendak tunjukkan bahawa dalam keadaan sekarang BPR telah pun menjalankan tugasnya sesuai dengan yang dikehendaki oleh peraturan dan juga Akta iaitu mencari keadilan. Bukan hanya mendengar pendapat dan kritikan daripada satu pihak seolah-olah mereka sahaja yang sentiasa mengetengahkan perkara-perkara berhubung dengan rasuah dan juga ketidakadilan.

Perdana Menteri sendiri, sebagaimana kita sedia maklum dari semasa ke semasa tidak mahu terlibat kalau sekiranya ada ahli-ahli politik ataupun ahli Kabinet terlibat dengan rasuah. Itu sebab dua orang bekas Ketua Menteri dahulu telah diambil tindakan. Perdana Menteri dengan cara terbuka tidak mahu terlibat. Kalau sebenarnya mereka terlibat dengan rasuah, mereka harus diambil tindakan. Begitulah adilnya Perdana Menteri dan juga Kerajaan Barisan Nasional. Sampai seumur hidup di dalam dunia ini tidak boleh mendapat Kerajaan seperti Kerajaan Barisan Nasional yang ada sekarang. Itu saya hendak cerita.

Jadi, kalau sekiranya, Tuan Pengerusi, BPR sebagai satu badan Kerajaan sekarang ini, kita menganggap bahawa seluruh badan

yang ada di dalam BPR ini tidak menjalankan tugas, saya ingat tidak benar. Ia satu Jabatan Kerajaan, ia menjalankan tugas. Apakah kepentingannya kalau ia tidak menjalankan tugas? Ia mempunyai kepentingan yang cukup penting kalau sekiranya ia menjalankan tugas.

Sebagai pegawai Kerajaan dan sebagai bekas pegawai Kerajaan, saya tahu, kalau saya menjalankan tugas, saya rasa gaji saya dibayar dan saya cadangkan Tuan Pengerusi, supaya semua sekali gaji pegawai-pegawai BPR ini dinaikkan sesuai dengan kehendak dan juga tugas yang berat yang mereka harus tanggung untuk menyiasat dengan seadil-adilnya sebelum mereka membawa perkara ini ke mahkamah. Kita tidak mahu BPR ini pula kalau sekiranya belum habis penyiasatan, belum cukup bukti mengambil tindakan, selepas itu membawa perkara ini ke mahkamah. Kita kena ingat kes-kes yang teraniaya. Contohnya, seorang yang tidak berpuas hati dengan seorang yang lain, ia memberitahu BPR mengatakan orang yang berkenaan meminta duit, tetapi di dalam keadaan yang sebenarnya, ia meradang kepada orang yang berkenaan, jadi BPR pun beri sogokan untuk menangkap orang yang berkenaan. Ini juga BPR harus siasat. Bukan boleh tangkap sebab dia memegang wang itu, orang itu sudah bersalah. Kenalah lihat latar belakang orang yang membuat aduan dan juga latar belakang orang yang menerima wang tadi.

Terdapat satu kes di Perlis di mana Penghulu dan juga tuan tanah terlibat di dalam perkara ini yang saya anggap sebagai kes aniaya dan BPR belum lagi mengambil tindakan untuk menyiasat seadil-adilnya sebelum kes ini dibawa ke mahkamah. Demikian juga dengan kes-kes lain seperti kes kebocoran kertas soalan dan semuanya. Saya bersetuju BPR kita sekarang dalam siasatan. Kes ini baru dua minggu ditimbulkan, BPR boleh mengambil tindakan ke mahkamah untuk memuaskan hati Ketua Pembangkang dan "geng-geng"nya dalam DAP. Kalau perkara itu dibuat oleh BPR, saya rasa BPR tidak adil.

Polis juga mengambil masa yang tertentu untuk membuat penyelidikan. Begitu juga pihak BPR harus mengambil masa tertentu untuk membuat penyelidikan sebelum tindakan diambil. Kalau sekiranya kita membuat perkara yang tergesa-gesa, saya takut orang ini akan teraniaya, ataupun ada orang yang sebenarnya kita hendak tangkap, orang lain yang kena.

Jadi, ke arah tersebut, BPR ini oleh kerana tiap-tiap kali kalau saya tidak silap, sepanjang sudah tiga tahun saya di Parlimen ini, setiap kali dibawa usul untuk memotong gaji Ketua Pengarah BPR sebanyak \$10.00. Saya mencadangkan kepada kawan-kawan saya—sebab hari ini kita tidak sempat-kerana kita sibuk untuk menyediakan ucapan mengenai Jabatan Perdana Menteri, kalau tidak kita boleh membuat cadangan supaya memotong gaji Ketua Pembangkang, diberi kepada Ketua Pengarah BPR yang telah menjalankan kerja lebih daripada Ketua Pembangkang yang hanya mencari cacat-cela orang lain, tetapi BPR mencari keadilan yang harus kita fikir. Jadi, mereka ini cuma apa yang mereka tidak puas hati mesti mengikut kehendaknya. Pembangkang apa kalau begitu? Anak saya pun boleh menjadi pembangkang, tidak payah menunggu DAP untuk menjadi pembangkang. Tetapi pembangkang yang siuman, yang waras ialah pembangkang yang hanya membangkang dan mengkritik serta menegur dengan cara yang membina, itulah pembangkang.

Kalau semua tidak betul, apa yang mereka buat betul, itu bukan pembangkanglah, itu budak-budak. Budak-budak ini anak saya pun boleh menjadi pembangkang. Itulah saya hendak sebutkan bahawa dalam keadaan ini, saya tidak bersetuju dan menentang seratus peratus usul yang dibawa oleh Ketua Pembangkang. Tetapi sebaliknya mencadangkan supaya gaji Ketua Pengarah BPR dinaikkan ataupun diberi elaun kesusahan ataupun “hardship allowance” seperti yang diberikan kepada Jurutera-jurutera JKR yang berkhidmat dalam lebuhraya-lebuhraya pada masa yang lepas, iaitu elaun kesusahan kerana terpaksa menjalankan tugas siang dan malam

dan kadang-kadang lebih daripada ahli politik untuk menentukan keadilan, untuk membersihkan Kerajaan daripada rasuah. Pegawai dan kakitangan BPR memang layak mendapat elaun kesusahan dan untuk Ketua Pengarah, elaun Ketua Pembangkang itu kita ambil dan beri kepada Ketua Pengarah kerana beliau bekerja lebih daripada Ketua Pembangkang.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya menentang usul yang berkenaan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Ampang Jaya.

4.26 ptg.

Tuan Ong Tee Keat (Ampang Jaya): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan usul ini dan saya rasa usul yang dibawa oleh Ketua Pembangkang kali ini adalah yang paling lucu sekali. Inilah sandiwara politik yang harus diberi anugerah oskar politik jika ada, sebab orang yang kononnya memperjuangkan anti-rasuah dan “public accountability”, dengan izin, partinya sendirilah yang turut terlibat dalam kemungkaran sedemikian (*Tepuk*).

Sebagai contoh, parti DAP pernah menubuhkan banyak tabung-tabung kutipan derma orang ramai seperti apa yang digelar sebagai tabung menyelamatkan Bukit Cina, Melaka. Perkara ini pernah saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, tetapi malangnya setakat ini tiada sesiapa pun dari DAP, termasuk Setiausaha Agungnya yang pernah berterus-terang memberi penjelasan tentang beberapa soalan. Misalnya sama ada tabung kutipan wang derma itu didaftarkan secara rasmi dengan pihak yang berkenaan?

Yang kedua, berapakah wang yang telah dikutip dan berapa pula yang disalurkan kepada kegunaan yang dihasratkan?

Yang ketiga, adakah segala akaunnya pernah diaudit oleh juru audit luar? Kalau Ketua Pembangkang kita selama ini ghairah sangat menggesa Kerajaan supaya menubuhkan “royal commission”, dengan izin, maka saya rasa ini adalah peluangnya

untuk berbuat yang sama, tetapi nampaknya beliau semata-mata membisu sahaja dalam hal ini dan kali ini, Tuan Pengerusi, usul DAP ini mungkin mempunyai makna yang tersirat kerana ianya semata-mata bertujuan mempersendakan pihak BPR kerana sehingga kini masih belum ada sebarang tindakan tegas yang diambil terhadap DAP atas skandal tabung tersebut.

Tuan Pengerusi, seperti mana yang disebutkan tadi oleh Ketua Pembangkang yang juga merangkap ahli dari Tanjong, beliau berkata Barisan Nasional bergelumang dengan skandal, tetapi nampaknya parti DAPlah yang bergelumang dengan skandal-skandal yang bermacam-macam jenis selain daripada apa yang saya sebutkan tadi, Ketua Pembangkang kita juga pernah mengumumkan penubuhan satu tabung biasiswa untuk pengajian tinggi yang kononnya akan mendatangkan manfaat kepada pelajar-pelajar miskin tanpa mengira kaum. Pengumuman tersebut sebenarnya dibuat pada bulan Oktober tahun 1986 di Pulau Pinang oleh Setiausaha Agung DAP sendiri.

Kalau tidak percaya saya boleh tunjukkan semua bukti-bukti yang ada, termasuk liputan akhbar yang tersiar dalam semua akhbar berbahasa Cina. Katanya beliau sanggup menyumbang wang pencennya sebagai bekas ADUN dari negeri Melaka kepada tabung tersebut. Saya memang tidak berhasrat menyoal keikhlasan beliau dalam perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*).

Tuan Ong Tee Keat: Tidak beri jalan. Sekiranya beliau mengotakan kata-kata beliau dengan menyumbang wang pencen sebanyak \$1,000 sebulan, maka dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini iaitu mulai bulan Oktober 1986 hingga sekarang, jumlah sumbangannya sendiri patutlah meningkat kepada \$36,000.

Tuan Lim Kit Siang: Berani bangkit, tidak berani beri. Penakut, pengecut.

Seorang Ahli: Coward!

Tuan Ong Tee Keat: Refer to your own self, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan

Tuan Ong Tee Keat: Tidak beri.

Tuan Lim Kit Siang: Dia berani bangkit, dia patut beri jalan. Dia penakut, tidak ada maruah, pengecut.

Tuan Ong Tee Keat: Orang berbudi, saya berbahasa, orang berkasar, maka saya pun buat yang sama (*Ketawa*). Biar saya teruskan, Tuan Pengerusi. Kalau. . . .

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta penjelasan. Tidak hirau dia. Saya minta penjelasan, dia tidak mahu beri. Rubbish!

Tuan Ong Tee Keat: Kalau takut saya bongkarkan cakaplah terus-terang. Jangan cuba berselindung.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanjong, jangan mengganggu.

Tuan Ong Tee Keat: You are worst than a naughty boy. Saya teruskan, Tuan Pengerusi.

Tuan P. Patto: Sangkaan jahat 36 (6). Tarik balik.

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, saya teruskan.

Tuan P. Patto: Naughty boy, apa ini? You are a small boy.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Ipoh, duduk! Yang Berhormat, sila sambung.

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, sekiranya mengikut perkiraan yang saya sebutkan tadi, maka setakat ini jumlah sumbangannya sendiri patutlah menjangkau \$36 ribu. Sebab sudah 3 tahun berlalu tetapi malangnya setakat ini tabung biasiswa DAP tersebut rupa-rupanya sudah lenyap sama

sekali. Tiada siapa yang mengetahui keadaan yang sebenarnya tentang tabung tersebut melainkan Setiausaha Agung DAP sendiri. Orang ramai khususnya pelajar-pelajar miskin. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, on a point of order. Duduk sekejap.

Tuan Sim Kwang Yang: 36 (1), Tuan Pengerusi. Seorang Ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja. Perkara yang dibincangkan sekarang adalah wang \$10 yang akan dipotong kepada BPR, peruntukan bagi BPR bukan ke atas perlakuan Ketua Pembangkang. Kalau "small boy" tidak faham, keluar dari Dewan ini dan balik jadi jurutera. Tidak payah datang ke sini. Tuan Pengerusi, saya minta ruling.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya biar dia sambung.

Tuan Ong Tee Keat: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, orang ramai khususnya pelajar-pelajar miskin masih tertanya-tanya. Yang pertama, berapakah jumlah kumpulan wang yang telah dipungut selain dari \$36 ribu yang patut disumbangkan oleh Setiausaha Agung DAP sendiri? Yang keduanya, berapakah pelajar miskin yang telah diberi bantuan kewangan selama ini dan apakah garis panduan dalam penentuan penerima biasiswa tersebut? Yang ketiga, siapakah orangnya yang mengelolakan tabung itu, adakah DAP sendiri ataupun pihak-pihak yang berselindung? Tiada siapa yang tahu tentang perkara ini. Yang keempat, adakah pernah tabung biasiswa itu ditubuhkan mengikut lunas-lunas peraturan yang dikehendaki oleh pihak berkuasa?

Tuan Pengerusi, 36 bulan telahpun berlalu tetapi sindrom membisu pihak DAP masih juga berterusan. Mungkin mengharapkan masyarakat umum terlupa mengenainya. Apakah. . . .

Tuan Lee Lam Thye: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang Berhormat hendak apa?

Tuan Ong Tee Keat: Tidak beri. Walaupun kawan tetapi tidak beri juga.

Tuan Lee Lam Thye: Saya bangun atas point of order. Saya hendak menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada 36 (6). Seorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli yang lain. Apa yang diucapkan sekarang oleh wakil dari Ampang Jaya dengan terangnya mengandungi perkara-perkara yang boleh disifatkan sebagai satu sangkaan jahat terhadap Ketua Pembangkang merangkap Ahli bagi kawasan Tanjong. Oleh sebab itu, tadi Yang Berhormat dari kawasan Tanjong merangkap Ketua Pembangkang telah bangun dan cuba untuk meminta penjelasan akan tetapi Yang Berhormat enggan berbuat demikian dan terus membuat ucapan yang boleh disifatkan sebagai tohmahan-tohmahan yang tidak berasas. Saya hendak minta ruling dari Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Ampang Jaya, jangan sentuh perkara-perkara yang personal. Terhadap parti boleh.

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Pengerusi, untuk makluman Tuan Pengerusi dan Dewan ini, sukalah saya menegaskan apa yang saya sebutkan tadi sebenarnya memang berniat baik demi kepentingan orang ramai dan saya di sini hendak bangkitkan perkara yang berkenaan supaya dapat dijawab oleh pihak DAP sebab sudah berkali-kali dibangkitkan di luar. . . .

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta penjelasan, dia tidak berani. Pengecut! Apa? Dia kata saya bisu. On a point of order, 36 (1). Dia mahu saya jawab, dia kata saya bisu. Saya mahu jawab, dia tidak berani, pengecut. Ini adalah sandiwara MCA. Adakah dia berani? Penjelasan!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari

Tanjong, ini pilihan dia. Kalau dia tidak hendak beri jalan, itu pilihan dia.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, kalau begitu jangan cabar. Dia boleh cabar tetapi orang pengecut tidak boleh cabar. Coward mahu cabar, mana boleh?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sesiapapun boleh.

Tuan Ong Tee Keat: Saya teruskan. Apakah. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanjong, jangan begitu.

Tuan Ong Tee Keat: Nampaknya orang lama dalam Dewan ini tidak tahu peraturan. *(Tepuk)*

Tuan Pengerusi, apakah ini dia prinsip anti-rasuah dan public accountability DAP? *(Tepuk)* Jika benar, itu amatlah memalukan kita dan memalukan Dewan yang mulia ini. Mungkin orang yang perlu dipotong gaji itu bukannya Ketua Pengarah BPR tetapi Ketua Pembangkang sendiri. *(Tepuk)*

Berhubung dengan dakwaan-dakwaan lapuk DAP terhadap pembabitan beberapa orang bekas pemimpin MCA dalam kesalahan komersial, ingin saya menegaskan bahawa orang-orang yang terlibat telahpun diberhentikan keahlian MCANYA. Lebih-lebih lagi mereka juga telah menjalani hukuman penjara yang sewajarnya. Manakala pemimpin-pemimpin DAP yang terlibat secara halus dalam skandal-skandal tabung tersebut yang saya sebutkan tadi masih belum diheret ke mahkamah. Malah, seringkali bertopengkan public accountability di kalangan rakyat. Itu hipokrat namanya. Biar pun penyelewengan kewangan DAP dibuat secara halus sehingga susah dikenakan tindakan perundangan tetapi dari segi moral, mereka yang terlibat itu tetap korup dan berdosa.

Saya memang bersetuju bahawa budaya politik rasuah dan hipokrat ini terutama yang ditaja oleh DAP dan Setiausaha Agungnya patut dibanteras samasekali. Dalam hubungan ini, pihak BPR, haruslah mempertingkatkan lagi usahanya supaya

masyarakat kita dapat menghala ke arah bersih dan bermaruah. Dengan ini, saya menentang Usul ini. *(Tepuk)*

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kepong.

4.46 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, hujah daripada Ahli dari Ampang Jaya dan juga. . . .

Beberapa Ahli: *(Menyampuk)*

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat semua, diam.

Dr Tan Seng Giaw: Yang Berhormat dari Arau menunjukkan sekali mereka ini berlidah dengan lidah orang dan dicucuk orang hidungnya. Terutamanya Ahli dari Ampang Jaya dicucuk orang hidungnya yang baru sahaja dipilih sebagai Ahli Parlimen dengan menggunakan wang yang begitu banyak dan patutlah satu siasatan dibuat untuk mengetahui atau mendapat hakikat di mana ada ataupun tidak rasuah mengenai Ahli dari Ampang Jaya dipilih sebagai Ahli Parlimen. Itu satu langkah yang pertama, hendaklah dibuat oleh BPR untuk mempertahankan bagaimana bersih, cekap dan amanah BPR ini.

Tuan Pengerusi. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kepong, Yang Berhormat dari Tanah Merah minta penjelasan.

Tuan Hashim bin Safin: Penjelasan. Itu saya setuju langkah pertama, siasat fasal pilihanraya di Ampang. Langkah kedua, bolehkah Yang Berhormat dari Kepong bersetuju untuk disiasat tabung biasiswa DAP. Kalau setuju. . . .

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya boleh bersetuju kalau hendak ada Suruhanjaya DiRaja untuk menyiasat tabung DAP, boleh pada hari ini tetapi Suruhanjaya DiRaja itu hendaklah

digunakan untuk menyasat semua aktiviti Barisan Nasional kerana terlibat dengan budaya rasuah. Itu termasuk Tanah Merah-UMNO baru. Kegiatan-kegiatan UMNO baru sekarang dengan perniagaan politik ini banyaknya termasuk masalah pembelian senjata tornado iaitu skandal tornado. Adakah Yang Berhormat dari Tanah Merah bersetuju untuk menubuhkan Suruhanjaya DiRaja untuk menyasat kegiatan seperti skandal tornado dan sebagainya?

Saya mempunyai banyak lagi untuk perhatian, Tuan Pengerusi, di mana kerja, fungsi dan keberkesanan BPR yang belum diperlihatkan. Selain daripada BMF yang amaunnya lebih dari \$3 billion dan U.A.B (United Asian Bank), entah lebih daripada \$1/2 juta dan juga Perwira Habib Bank dan banyak lagi, Sabah Bank, Bank Negara sendiri, Oriental Bank, C.C.B (Co-operative Central Bank) dan banyak syarikat-syarikat kewangan. EPF, MAKUWASA, MAMINCO, PAN Electric dan banyak lagi, Tuan Pengerusi, termasuk K.S.M.

Yang Berhormat dari Ampang Jaya adakah dia sanggup menerima Suruhanjaya DiRaja untuk menyasat semua syarikat yang dimiliki oleh MCA sekarang?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang minta penjelasan, beri atau tidak?

Dr Tan Seng Giaw: Kita sebutkan hal MCA, bagaimana dia hendak jawab.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dia geng saya, kawan saya.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Beri atau tidak?

Dr Tan Seng Giaw: Kita sebutkan MCA sekarang, syarikat-syarikat MCA, adakah dia salah satu Pengarah di dalam. . . .

Tuan Ong Tee Keat: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat jangan pertikaian, beri atau tidak?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bodohnya!

Dr Tan Seng Giaw: Saya beri MCA sekarang.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bodohnya!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak berilah maknanya.

Dr Tan Seng Giaw: Saya beri MCA.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Dia tidak beri Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Pengecut.

Dr Tan Seng Giaw: MCA.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Penakut!

Tuan Ong Tee Keat: Terima kasih diucapkan kepada Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat dari Kepong, jarang-jarang ada peluang macam ini. Berbalik pada soalan saya, selama ini Yang Berhormat melaung-laungkan perjuangan untuk kepentingan orang ramai khususnya masyarakat Cina. Kalaulah terdapat kemungkaran yang dituduhkan itu, sudahkah Yang Berhormat membuat aduan ataupun laporan rasmi kepada pihak yang berkuasa supaya dapat menjalankan satu siasatan yang menyeluruh terhadap syarikat-syarikat tajaan MCAkah, bukan MCAkah, DAP atau bukan DAP itu tidak kisah. Yang penting itu prinsip itu patut disanjung.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, nampaknya dia tidak jawab apa-apa cuma dia hendak berlagak seperti "seludang menolak mayang" yang tidak tahu apa cakupannya. Tabung DAP kita sudah jelas beberapa kali, dia pilih sengaja dia tidak dengar. Tabung-tabung sama ada Bukit China, itu telah dijelaskan beberapa kali.

Kita tidak takut, itupun berapa ribu ringgit sahaja, ini berjuta-juta ringgit, KSM, M.P.H.P. dan entah berapa syarikat lagi, Co-operative Finance dan banyak lagi. Adakah dia sanggup menerima Suruhanjaya Diraja untuk menyasiat semua syarikat MCA ini.

Tuan Ong Tee Kiat: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat!

Tuan Ong Tee Keat: Minta penjelasan. Terima kasih. Nampaknya soalan saya ini belum dijawab lagi dan saya dengar ada kunci-kunci yang memberi saranan kepada beliau supaya membangkitkan Tabung "Chong Ming Tian". Saya hendak tahu sama ada pihak DAP sedar atau tidak sejauh manakah Tabung ataupun Yayasan Chong Ming Tian itu dijalankan. Sama ada diketahui faedahnya telahpun meningkat ke tahap \$7 juta. Kalau jahil, cakap jahil, jangan berlagak-lagak.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, dia pekak! (*Ketawa*). Saya tidak sebutkan nama itu, tetapi dia sendiri sebutkan di sini.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Pengerusi. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

Tuan Sim Kwang Yang: Minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat dari Kepong bersetuju MCA bukan "Malaysian Chinese Association", dia "Money Collection Agency". Itu sahaja. (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, itu diketahui orang ramai sejak ditubuhkan MCA, (*Ketawa*) kerana ditubuhkan dengan cabutan lottery-nya sampai sekarang tidak henti-henti.

Tuan P. Patto: Penjelasan. Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat dari Kepong bersetuju bahawa memang sudah menjadi budaya MCA untuk mengutip wang, dan juga untuk mengendalik-

seberapa banyak bolehnya judi-judi secara halal atau haram.

Dr Tan Seng Giaw: Perjudian itu budaya MCA, kita tahu dah! Itu memang tabiat biasa. . . .

Tuan P. Patto: Penjelasan! Apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa MCA itu bukan lagi "Malaysian Chinese Association" dan sudah tambah daripada "Money Collection Agency" kepada Malaysian Corruption Association". (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Itu jelas menunjukkan, Tuan Pengerusi, daripada. . . .

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Pengerusi. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanah Merah.

Dr Tan Seng Giaw:berbagai skandal co-operative. . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, saya dengar dia main sandiwara.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tanah Merah dahulu.

Tuan Hashim bin Safin: Penjelasan!

Dr Tan Seng Giaw: Saya hendak tahu Yang Berhormat dari Tanah Merah itu sekarang. . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Marang!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Nanti dahulu Yang Berhormat, beri atau tidak?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ini budak dua orang itu main sandiwara.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Nanti Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, kerana kita bincangkan hal MCA. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kepong, you beri jalan atau tidak.

Dr Tan Seng Giaw: Tidak, kecuali MCA.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Duduk Yang Berhormat. Dia tidak beri.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Pengecut.

Dr Tan Seng Giaw: Kecuali MCA, kalau Marang Ahli MCA boleh.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Itu tidak boleh, Yang Berhormat hanya boleh kata “ya” atau “tidak”, jangan komen.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya jadi Ahli MCA sekejaplah.

Tuan Ong Tee Keat: Saya bangun dahulu.

Dr Tan Seng Giaw: MCA boleh.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ampang Jaya.

Tuan Ong Tee Keat: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Adakah Yang Berhormat serta semua pemimpin-pemimpin DAP sedar bahawa tanpa penubuhan MCA pada tahun 1949, mungkin setakat ini hak kerakyatan, status kewarganegaraan anda semua tidak akan diperolehi? *(Tepuk)*

Dr Tan Seng Giaw: Oh! Tuan Pengerusi. . . . itu Ha! Ha!—kalau tidak ada MCA lebih banyak faedah yang diperolehi, Tuan Pengerusi. *(Tepuk)*

Tuan Pengerusi, saya sekarang kerana . . .

Tuan Haji Abdul Rahaman bin Bakar: Tuan Pengerusi. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang!

Dr Tan Seng Giaw: Itu bukan Ahli MCA daripada situ.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak beri Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Susah hendak beri jalan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Minta izin sedikit boleh?

Dr Tan Seng Giaw: Itu termasuk MCA sekarangpun saya tidak beri, kerana dia tidak. . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh pinjam tak, jadi Ahli MCA sekejap sahaja *(Ketawa)*.

Dr Tan Seng Giaw: Tidak boleh.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Hendak pinjam.

Dr Tan Seng Giaw: Sekejap atau selama-lamanya tidak boleh.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Kalau sewa sekejap boleh tak? Sewa Ahli MCA.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang duduk!

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Okay.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, kerana itu kelakuan Ahli-ahli termasuk Ahli daripada MCA ini “Bagai tagar di Pulau Sembilan”. Sayapun tidak mahu beri sekarang. “Bagai tagar di Pulau Sembilan”.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sambung Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, sepertimana yang saya sebutkan pelbagai organisasi termasuk K.S.M., M.P.H.P., K.U.B. SHAMLIN, RASA, M.O.I.C., United Motor Works, Emporium dan Supermarket Holdings Group, Paper Product Malaya, Malaysia Resources Corporation, Yuyi Supermarket, Gula Perak, PERNAS, HICOM dan lebih 300 syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan dan sebagainya. Ini lebih daripada \$18 billion amaun wang yang terlibat di dalam skandal-skandal. . . .

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya pun sebutkan tadi, saya tidak beri kerana semua ini “bagai tagar di Pulau Sembilan”.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya bangkit, sebab dia sebut K.U.B.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Bolehkah atau tidak Yang Berhormat?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Saya hendak minta penjelasan, Tuan Pengerusi, sama ada Ahli dari Kepong sedar atau tidak bahawa K.U.B. hari ini diuruskan oleh Ahli-ahli yang terdiri daripada anggota Semangat 46 yang sekarang ini bekerjasama dengan DAP (*Tepuk*).

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, yang saya sebutkan KUB yang masalah itu dibangkitkan oleh Ahli-ahli UMNO Baru, yang masalah-masalah itu ditimbulkan oleh Ahli-ahli UMNO Baru mengenai KUB. Itu masalah yang sebenar, dia buat acuh tak acuh sahaja, cuma hendak salahkan orang lain.

Tuan Pengerusi, jadi syarikat-syarikat yang telah saya sebutkan di sini berlakunya banyak penyelewengan dan setakat ini saya tidak nampaklah kesan dan fungsi BPR yang dapat menyiasat dengan lebih berkesan dan selepas itu dapat menghadapkan orang-orang yang bersalah yang terlibat dengan syarikat-syarikat tersebut dapat dihadapkan ke mahkamah, kerana peratusan itu sangat kecil. Saya percaya bahawa proses keadilan dan penyiasatan dan pengesahan bukti-bukti hendaklah dijalankan dengan betul, itu kita semua setuju, tetapi selain daripada itu baiklah prestasi BPR itu dikemukakan, dipertunjukkan bagaimana prestasi. Sebab itulah saya bersetuju dengan Ahli dari Tanjong yang mencadangkan usul tersebut.

Selain daripada itu, Ahli dari Arau menyebut mengenai keutamaan untuk menyiasat. Jadi beliau adalah tidak begitu wajar untuk mengatakan perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong tidak patut diberi keutamaan. Sebenarnya ini isu yang pokok, isu pokok yang hendaklah diambil berat oleh pihak BPR dan saya berharap BPR itu selepas Ketuanya dikurangkan gaji \$10 hari ini, boleh mempergiatkan, boleh meningkatkan keberkesannya dan prestasinya untuk menyiasat semua skandal yang terdapat di negara ini untuk memelihara keadilan, untuk memelihara kemanfaatan untuk rakyat dan untuk keselamatan negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang.

5.03 ptg.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Pengerusi, saya ingin ber-bahas kepada syor di bawah Peraturan Mesyuarat 66 (15) cadangan Ketua Pembangkang mencadangkan pindaan Belanjawan 1990 dipertimbangkan di bawah Jawatankuasa bahawa perbelanjaan bagi Maksud B.11—Badan Pencegah Rasuah diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak \$10 bagi Butiran 010000, Program/Aktiviti Pentadbiran, Kod 10000 Emolumen berkaitan dengan gaji Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah.

Saya kadang-kadang kalau lihat perangai budak-budak DAP ini rasa hendak tergelak.

Seorang Ahli: Meluat!

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Meluat itu memang sudah lama! Seolah-olah Dewan yang mulia ini hendak diperbodoh-bodohkan. Saya yang bercakap pun dikatakan budak-budak sekolah—tunggu masa saya!

Tuan Pengerusi, kalau kita lihat apa yang dinyatakan tadi—itu rasuahlah, kanan rasuah, depan rasuah, belakang rasuah, atas rasuah, bawah rasuah—seolah-olahnya pihak pemerintah, pihak Kerajaan ini memang tidak betul, memang salah semua, dia sahaja

yang betul, pihak DAP sahaja yang betul. Semuanya ini kita tahu, yang dia hendak cerita sangat ini bukan hendak potong gaji \$10 tetapi hendak cari publisiti murah sebab mudah sahaja, sudah tidak ada isu lain. Isu yang dulu semua isu-isu basi, tak laku, lapuk dek zaman, ditelan dek arus, orang sudah tidak percaya. Isu demi isu yang dikemukakannya tidak laku, maka timbulah isu baru, konon-kononnya hendak carilah, hendak suruh suratkhobar siar, suratkhobar pun tidak bodoh; hendak suruh mass media siar, hendak suruh TV lapor, tunjuk muka Ketua Pembangkang, tunjuk anak-beranak, suka muka masuk TV—itu perangai dia. Ini macam kanak-kanak berlakunlah budak-budak DAP ini.

Seorang Ahli: Mini Parlimenlah!

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Macam mini Parlimenlah, dalam rumah terbalik (*Tepuk*). Saya ingin jelaskan kalau setakat kita mencari publisiti murah untuk menyatakan bahawa kita ini Pembangkang—tidak ada makna. Pembangkang yang sihat adalah Pembangkang yang rasional, Pembangkang yang sihat ialah Pembangkang yang boleh mengkritik sesuatu dengan cara yang adil. Dalam DAP bukan semua tak bagus, dalam DAP ada yang bagus, contohnya DAP Wakil dari Bukit Bintang, Yang Berhormat Saudara Lee Lam Thye (*Tepuk*). Tengok-dia senyum, handsome dan lawa!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sudahlah, Yang Berhormat!

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sudah, Tuan Pengerusi. Jadi kita lihat dari segi keadaan semula Badan Pencegah Rasuah, kita kena faham apa itu BPR yang orang bercakap, dia tak faham, maka dia menyalahkan BPR. Kalau tak tahu, saya beritahu. Pertama, fungsi BPR adalah untuk merisik maklumat-maklumat mengenai perlakuan rasuah. Dia risik dahulu, dia kaji dahulu, dia risik dahulu; macam orang hendak meminang juga, bukan pergi kepada wanita: "Hey, mari kahwin dengan aku". (*Ketawa*) Yang ini dia siasat dahulu, dia risik dahulu, bukan terus hentam macam dalam Dewan ini. Ini tak ada risik,

tak ada apa, terus hentam. (*Ketawa*) Kalau orang kata bodoh—marah, tetapi saya tidak kata, kalau orang kata; bukan saya kata, kalau orang kata.

Kedua, kalau ada kebenaran, selepas daripada risik, siasat. Macam mana hendak siasat yang disebut-sebut itu, fasal tidak ada kebenaran. Selepas disiasat, apa dia buat? Saudara DAP gerun—mendakwa di mahkamah, dia dakwa. Bukan terus dia risik, risik, risik, risik terus dia dakwa. Selepas dirisik, siasat; selepas disiasat, dakwa. Kalaulah sesuatu itu hendak didakwa tidak ada asas, tidak ada bukti, buat apa dakwa. Habis duit, habis pitih, habis wang ringgit, habis masa, habis tenaga, habis fikiran. Orang kita ini tidak bodoh macam Pembangkang. Saya tidak kata DAP bodoh, "macam Pembangkang".

Yang keempat, menutup kalau tidak ada bukti. Saya pun hendak sebut tak erti—UEM, kemudian KUB, MPH, KSN, Perwira Habib Bank, Oriental, CCB, MAKU-WASA, Pan-electric, macam-macam. Adakah bukti, adakah facts yang tertentu—tidak ada, jadi kalau tidak ada, tutup. Okay, selepas daripada itu apa lagi—kemukakan laporan tatatertib kepada Jabatan-jabatan Kerajaan di mana pegawai-pegawai itu terlibat, dikemukakan. Saya hendak tanya pihak Pembangkang, dalam yang disebut tentang syarikat-syarikat yang ada, berapa orang Pengarah-pengarah yang ada itu telah diambil tindakan tatatertib daripada apa yang dilaporkan itu? Tidak ada, cakap ikut sedap, untuk cari publisiti dalam suratkhobar, hendak tunjuk "Akulah Pembangkang, hero, Ketua Pembangkang"—saya pun boleh jadi Ketua Pembangkang! Bukan saya tak erti bercakap, saya ingat saya lebih terror daripada dia lagi kalau saya bercakap. Siapa yang pilih Ketua Pembangkang ini? Sepatutnya kalau macam ini saya lihat, tak payahlah, saya syorkan digugurkan, lantik Ketua Pembangkang dari Semangat 46 yang baru ini—orang hendak lantik dia tak ada dalam Dewan! (*Ketawa*)

Kemudian, fungsi yang lain, BPR beri ceramah-ceramah kepada masyarakat umum, kepada kakitangan Kerajaan untuk

benci rasuah, di mana-mana ada atas meja pegawai ada, “Hindarkan Rasuah”, “Jauhkan Rasuah”, tangan digari macam-macam, duit ditolak dan sebagainya. Kalau macam ini yang dia buat, kita hendak potong lagi gaji \$10? Sepatutnya kita potong gaji Ketua Pembangkang \$10. Saya ingat Yang Berhormat dari Bukit Bintang setuju—tengok, dia diam itu, setujuh!

Selepas daripada itu, kenaikan pangkat pegawai-pegawai BPR ini pula, dia tapis, BPR ada peranan untuk tapis naik pangkat. Jangan tak erti, ada fungsinya, ada peranannya, dan kalau pegawai-pegawai yang disebutkan tadi, entah macam-macam syarikat itu, kalau rasuah, saya hendak tanya DAP, fasal apa pangkat dia terus naik daripada tahun ke tahun, sejak daripada tahun 1967 sampai sekarang terus dinaikkan?

Ini menunjukkan sangkaan-sangkaan yang dibuat itu adalah sangkaan-sangkaan jahat, sangkaan-sangkaan yang tidak betul sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat segala-segalanya jelas BPR merupakan satu badan yang mencari proses keadilan, untuk mencari bukti-bukti yang betul supaya tidak ada berlaku penyelewengan, tidak ada berlaku rasuah, tidak ada segala-galanya. Kalau saya hendak nyatakan tentang kerja-kerja BPR ini adalah satu kerja yang sangat mulia. Saya merasa sangat kecewa di atas pengetahuan yang cetek oleh Pembangkang, terutamanya Ketua Pembangkang untuk potong gaji \$10.00 ini saya rasa sangatlah kecewa. Saya bercakap bukan ikut emosi, walaupun kadang-kadang nampak marah sahaja, tetapi ada relax. Saya bukan ikut emosi, sebab ini saya hendak beri bukti. Saya hendak tanya DAP kalau boleh tanya. Boleh tanya Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak boleh.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak boleh—sorry. Satu bulan 1,000 maklumat atau 1,000 kes rasuah yang BPR terima, kalau setahun? Setahun $x 12 = 12,000$ kes. Kalaulah Badan Pencegah

Rasuah seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Arau yang handsome ini, ditubuhkan pada tahun 1967, 1989 tolak 1967 bererti Badan Pencegah Rasuah telah pun ditubuhkan 22 tahun yang lalu. Kalau 22 tahun yang lalu kali dengan 12, bererti kes itu beratus ribu. Berapa? 264,000 kes maklumat. Saya hendak tanya DAP, walaupun Tuan Pengerusi tidak benarkan, tetapi ini dia benarkanlah. Kalau 264,000 tahukah berapa kes-kes yang lekat? Bangunlah kalau tahu.

Tuan Chian Heng Kai: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak boleh.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak boleh! duduklah, duduk, duduk!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang, tidak boleh sebut orang naik atau duduk.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak boleh—duduklah, duduk, duduk! Saya tidak benarkan, fasal tidak boleh.

Tuan Chian Heng Kai: Minta penjelasan, bolehkah?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Minta penjelasan boleh.

Tuan Chian Heng Kai: Tadi Yang Berhormat itu berkata satu bulan BPR terima banyak aduan. Kenapa begitu banyak? Saya ingin tahu sama ada “something wrong” (*Ketawa*), dengan izin, oleh kerana kes rasuah itu memang sudah terlalu banyak.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Fasal banyak itu, fasal tidak sedikitlah—fasal tidak sedikit, sebab itu banyak. Jadi, daripada 264,000 kes ini, kes-kes yang boleh diambil serta menjadikan kes itu lekat ialah antara 10% hingga 20%. Kalaulah kita ambil kes itu lekat 10% daripada berapa 264,000—bererti lebih kurang 26,000 kes-kes itu lekat. Kalau 26,000 kes itu lekat, kalau kes itu 20% bererti 520,000 kes-kes yang lekat.

Persoalan saya sekarang, tadi saya dengar bukan main sibuk Dewan ini ditonjolkan kes-kes, kononnya rasuah. Antara

yang dia sebut UEM, tentang di Johor, tentang di Sabah, tentang kertas periksa, tentang Kastam di Johor, tentang tanah Dato' Najib, tentang lesen Saujana Car Hire, tentang KSN, tentang UAB, tentang Co-operative Finance, tentang MPH, tentang KUB, tentang Gula Perak, Pemas, HICOM, Perwira Habib Bank, Oriental, CCB, Makuwasa, Pan-electric dan lain-lain. Saya cuba bilang, tidak sampai pun 30 kes. Saya hendak bangun tadi hendak tanya dia, tetapi dia tidak beri. Kalaulah kes yang tidak sampai 30 jenis kes, sedangkan kes yang telah lekat yang dibuat semenjak tahun 1967 sehingga hari ini lebih daripada 260,000 kes, saya hendak tanya apakah BPR tidak berfungsi?-jawablah. Kita bercakap ini biar rasional, biar ada hujah, jangan hendak cari publisiti murah, jangan kerana hendak sedap bercakap sahaja. Kalau sudah 260,000 kes yang lekat, apalah halnya yang kononnya 30,000. Maknanya Kerajaan bukanlah satu Kerajaan yang mengamalkan rasuah, bukan membiarkan rasuah, kalau dibiarkan rasuah, tentu yang dibiarkan 260,000 itu.

Sudah bertukar-ganti 6 Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah. Kalau tidak tahu saya bilang.

- (i) Yang Berbahagia Encik Arif namanya.

Seorang Ahli: Dato Harun Hashim.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Maaf, Yang Arif Dato Harun bin Hashim, saya ingat orang tidak sedar, rupanya ada orang yang sedar. Itu yang pertama, kes yang diambil iaitu pada tahun 1967—Dato Harun Hashim.

Seorang Ahli: Harun Idris.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Harun Idris itu yang kena tangkap. Dato Harun Hashim, Ketua Pengarah.

- (ii) Tan Sri Ibrahim Saleh;
 (iii) Dato' Abdullah Ngah;
 (iv) Dato' Abdul Aziz bin Ahmad;
 (v) Tuan Haji Abu Bakar bin Mohd. Nor;

- (vi) yang ada sekarang ini ialah Tuan Haji Zulkifli Mahmood.

6 Ketua Pengarah BPR. Daripada enam-enam Ketua Pengarah ini kita kira ketika zamannya beribu kes. Orang ini tidak gopoh macam DAP, tidak gopoh macam Pembangkang, dengar sahaja terus naik panas, melenting, macam budak-budak, cucuk sedikit-melenting, cucuk sedikit-marah, tidak steady, tidak relax, ikut perasaan, macam budak-budak sekolah. Dia siasat, ada "stage", ada tahap dia. Kalau kes ini tidak berasas, tidak mempunyai kenyataan, hanya sekadar untuk bercakap, membazirkan wang, waktu, masa, tenaga dan sebagainya, tidak ada makna.

Contohnya, hari ini kita sudah berbahas selama dua, tiga jam, tetapi oleh kerana gatal sangat hendak membuat usul, kita bahas, ini tidak ada benda. Berilah keyakinan kita kepada BPR, satu badan yang berfungsi. Saya hendak buka macam mana Badan Pencegah Rasuah ini berfungsi begini; BPR ini ditubuhkan pada tahun 1967. Namanya memang BPR. Pada tahun 1973 dia tukar daripada Badan Pencegah Rasuah menjadi BSN (Biro Siasatan Negara), bukan Bank Simpanan Nasional (Yang Berhormat Zubir Embong punya). BSN ini fungsinya macam-macam, bukan rasuah sahaja, macam-macam. Fikir punya fikir, kaji punya kaji, selidik punya selidik, tengok punya tengok, bedah punya bedah BSN tidak jadi, tidak berkesan, sebab bukan tidak berkesan kerana tugasnya, tetapi namanya besar sangat (Biro Siasatan Negara), maka tukar daripada Biro Siasatan Negara kepada Badan Pencegah Rasuah balik.

Tahun-kalau DAP hendak tahu, saya hendak "royak"-kepada Yang Berhormat dari Ipoh yang duduk menulis, ia menjadi BPR balik pada tahun 1982. Sebab apa dia tukar daripada BSN menjadi BPR, sebab hendak suruh fungsinya berkesan. Tujuh, lapan perkara yang saya bentangkan tadi hendak suruh effective, hendak suruh berkesan. Dia tukar untuk tekankan masalah rasuah.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Sebab itu bila dia tukar, dia tidak takut apa, dia jalankan tugas, engkau orang UMNOkah, engkau orang PASKah, engkau orang DAPkah, engkau orang politikkah, engkau tidak politikkah, dia tangkap. Sebab itu kita tidak hairan Menteri Besar Selangor ketika itu, Dato' Harun Idris pun kena berihat. Bukan sahaja Dato' Harun Idris, malah orang lain pun kena juga seperti Haji Mohd. Muslim daripada Kedah-bukannya koman-koman orang, bukan macam Yang Berhormat dari Arau kecil tetapi dia lebih besar daripada itu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat jangan kata macam itu.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sorry, sorry. Termasuk jugalah bekas Yang Berhormat Abdul Ghani bin Ishak dari Melaka. Saya hendak bertanya pihak Pembangkang yang membawa usul ini, adakah itu tidak adil, apakah itu tidak rasional, apakah BPR ini makan bilis sahaja? Tidak, BPR ini bukan makan bilis sahaja, jerung pun baham, lagi sedap, buaya, naga pun baham. Ini dengar cerita hendak baham lagi. Jadi, tidak usahlah kita cari sangat publisiti murah, kita sudah beri tugas dan amanat kepada dia, tanggungjawab serta peranan, berilah kepercayaan, tidak usah gatal-gatal sangat hendak "question", dia tahulah buat kerja, dia bukan cari publisiti murah, dia amanat. Saya hendak syorkan kepada DAP ini buatlah kerja, kempenlah bila balik kampung itu, seperti Yang Berhormat-Yang Berhormat yang ada ini tengok sedikit kawasan, tengok orang-orang Melayu yang ketinggalan, tengok pembangunan luar bandar daripada hendak cari cerita-cerita yang macam ini-bila orang kata, senyap.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, saya melihat perkara-perkara yang seperti ini bolehlah saya katakan cadangan ini ada tujuan, ada undang di sebalik batu. Cadangan untuk memotong

gaji sebanyak \$10 ini atau dikurangkan \$10 bagi Butiran 010000 ada muslihat. Muslihatnya senang, iaitu hendak mendapatkan sokongan daripada sesama mereka sebagai Ahli-ahli DAP.

Saya percaya selepas ini DAP akan bermati-matian, orang dia akan bangun lagi, bercakap lagi, satu demi satu hendak beri sokongan kepada Ketua Pembangkang, Ahli-ahli Yang Berhormat DAP yang ada itu, kalau tidak sokong walaupun salah, walaupun tidak betul mungkin tidak akan dipilih dalam pilihanraya kali ini. Mungkin tidak akan dicalonkan, kalau dicalonkan pun mungkin tidak akan disokong. Kalaulah itu matlamat yang DAP memperjuangkan, DAP tidak mempunyai hati yang murni, tidak ada prinsip, kerana hendak "bodek" Ketua Pembangkang. Saya, walaupun saya Ahli UMNO, walaupun saya Ahli Barisan Nasional, lihat *Hansard*, yang kita semua baca, kita semua ada, termasuk Ahli Yang Berhormat dari Arau, termasuk Ahli dari Tanah Merah, termasuk Ahli dari Kuala Kerai, kalau salah, kita tegur, kalau tidak betul, kita katakan tidak betul. Saya duduk di sini bukan hendak jadi "Pak turut" ataupun "Pak angguk". Kita bercakap perkara yang rasional tetapi dalam sejarah perbahasan semenjak kita masuk di sini, tahun 1986, saya tidak pernah lihat, tidak pernah dengar DAP menceritakan suatu yang betul, yang baik, sokong membuta tuli kecuali Yang Berhormat dari Bukit Bintang, saudara Yang Berhormat, minta izin hendak sebut nama, Tuan Lee Lam Thye.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, jangan sebut nama.

Tuan Lee Lam Thye: (*Bangun*).

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Jangan sebut nama, tidak boleh beri jalan, sila duduk.

Tuan Lee Lam Thye: Point of order.

Tuan Pengerusi: Point of order. Apa dia point of order itu?

Tuan Lee Lam Thye: Point of order 36 (1) di mana dikatakan, "Seseorang Ahli hendaklah menghadkan percakapannya

kepada perkara yang dibincangkan sahaja.” Apa yang dibincangkan sekarang ialah berkenaan dengan Badan Pencegah Rasuah, tetapi Yang Berhormat tadi berucap mengenai pemilihan calon-calon untuk bertanding dalam pilihanraya akan datang, rasa saya ini tidak ada berkaitan langsung dengan tajuk yang dibincangkan sekarang. Bolehkah buat satu ruling, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta bercakap berkenaan dengan rasuah.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Contoh sahaja, Tuan Pengerusi. Jadi, kalau kita lihat Usul yang dikemukakan ini, saya mintalah Usul ini kita undi terus. Tidak ada apa yang kita hendak istimewa, tidak ada apa yang kita hendak pertimbangkan. Saya mempunyai hujah-hujah yang sangat konkrit, bukti-bukti yang sangat nyata tentang peranan serta fungsi Badan Pencegah Rasuah semenjak ia ditubuhkan pada tahun 1987 sehingga kini sudah melebihi 22 tahun, sudah ada 6 orang Ketua Pengarah, sudah ada lebih kurang 13 pejabat-pejabatnya di seluruh negeri, sudah ada mempunyai 1,000 lebih kakitangan BPR, saya cukup yakin, saya cukup percaya bahawa masalah penyelesaian, masalah korupsi yang ada serta wujud ini tidak payahlah orang-orang lain hendak mengada-adakan. Kalau mahu mengada-adakan hanya memberikan syor, memberikan pandangan, memberikan nasihat-nasihat, bukan kutuk, bukan hendak malukan orang, bukan hendak cari publisiti murah. Kalaulah ini yang dapat dibaiki, yang dapat dipertingkatkan oleh pihak DAP, saya percaya satu hari nanti DAP akan mendapat tempat tetapi kalau ini yang diamalkan, cara dan style ini, maka saya rasa rakyat tidak akan memberikan perhatian kepada DAP. Maka tidak usah risaulah kalau sekiranya kenapa rakyat tidak sokong kerana style dan caranya mencari publisiti murah, iklannya lebih, cakupannya berdegang-degang tetapi bila kita hendak bersemuka, hendak berbahas, hendak berhujah secara intelektual, maka apa yang saya perolehi ialah diam, membisu seribu bahasa.

Tuan Pengerusi, saya bangkang sama sekali tentang Usul yang dibawa oleh Ketua Pembangkang ini. Sekian, terima kasih.

Berapa Ahli: (Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab? Kita telah sampai sehari berkenaan perkara ini, saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Kita ada 16 hari dan kita ada beberapa Kementerian. Kalau diuntukkan sehari di atas satu perkara, hanya bagi satu Usul hendak mengurangkan gaji \$10 kita memakan masa sehari, saya ingat kita tidak boleh habiskan perbahasan kita seperti yang ditetapkan di dalam Peraturan Mesyuarat dalam masa 16 hari. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila menjawab.

5.26 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed): Tuan Pengerusi, saya sama-sama bersependapat dengan Tuan Pengerusi mengenai masalah tersebut.

Tuan Pengerusi, saya bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk menjawab usul yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang yang mencadangkan gaji sejumlah \$10 bagi Ketua Pengarah, Badan Pencegah Rasuah dikurangkan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang yang telah membawa cadangan itu. Bagaimanapun, saya menganggap bahawa tidak ada sebab mengapa Usul yang sedemikian patut diterima kerana ianya tidak mempunyai sebarang justifikasi sedikit pun—sama ada legal justification mahupun moral justification, tidak ada. Saya melihat bahawa usul yang dikemukakan oleh Ketua Pembangkang itu adalah semata-mata lebih bersifat politik daripada rasional dan dalam usaha untuk menjadikan BPR sebagai “kambing hitam” ke arah mencapai tujuan politik beliau. Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Ampang Jaya bahawa terdapat adanya adegan drama swasta di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, saya sukalah hendak menasihatkan Ketua Pembangkang, walaupun kita berlainan pegangan politik

tetapi kita sama-sama mempunyai social responsibility, dengan izin. Kita tidak boleh membuat sebarang dakwaan, membuat sebarang tuduhan secara melulu, yang boleh membangkitkan emosi rakyat jelata. Segala tuduhan, segala dakwaan yang tidak ada asasnya akan membawa akibat yang tidak baik kepada ketenteraman awam.

Tuan Pengerusi, saya melihat bahawa usul yang dicadangkan itu lebih berbau politik daripada niat ikhlas untuk menonjolkan sesuatu yang tidak betul di dalam Dewan yang mulia ini. Saya hendak beritahu kepada Ketua Pembangkang bahawa kita semua sedia maklum dan kita terima BPR mempunyai kebebasan sepenuhnya, mempunyai kuasa menurut undang-undang untuk menangkap, untuk menyiasat dan mendakwa sesiapa yang didapati bersalah. Tetapi kita boleh bercakap, kita boleh membuat tuduhan, apakah tuduhan itu, Ketua Pembangkang dan Ahli-ahli DAP sanggup menjadi saksi di mahkamah untuk menunjukkan kejelasan daripada tuduhan-tuduhan yang dibuatkan itu.

Tuan Pengerusi, usaha mencari maklumat, saya hendak beritahu, tentang rasuah yang dijalankan oleh pegawai-pegawai BPR adalah dengan penuh tanggungjawab, dengan penuh disiplin dan cara berfikir yang konstruktif. Walau bagaimanapun, saya hendak terangkan bahawa BPR tidak dapat menjalankan tugasnya dengan sempurna kalau ia tidak mendapat kerjasama dari orang ramai. Ia tidak dapat kerjasama dari orang yang menuduh dengan secara membabi buta atau melulu.

Yang Berhormat Ketua Pembangkang dari kacamata saya lebih gemar membuat tuduhan, seperti yang saya sebut sama ada fitnah atau tuduhan melulu, tetapi apakah kesediaan Yang Berhormat di dalam 6 buah kes yang dikemukakan tadi di dalam usul tersebut mahu bertindak menjadi saksi di mahkamah. Saya hendak beritahu bahawa 6 buah kes yang disebut oleh Ketua Pembangkang termasuk Saujana Taxi Licence Scandal, setakat ini tidak ada orang yang terlibat membuat laporan rasmi kepada BPR, tidak ada. Kita boleh sebut tetapi

kalau tidak ada satu laporan rasmi kepada BPR, BPR tidak boleh bertindak, itu pun kerana ada kerjasama dengan masyarakat dan orang yang membuat laporan itu bersedia menjadi saksi di mahkamah.

Berkaitan dengan kes yang telah disebut soal pemberian balak di Muar, saya suka hendak menjelaskan bahawa seperti yang telah dinyatakan sebelum ini dalam beberapa kenyataan, sekiranya ada fakta dan maklumat yang boleh dipertanggungjawabkan kita mengundang supaya ianya dilaporkan kepada BPR agar Badan Pencegah Rasuah ini boleh mengambil tindakan undang-undang dan kita tidak memilih bulu jika didapati mana-mana pihak, sama ada daripada Barisan Nasional ataupun Pembangkang, kita tidak ada pilih bulu, mereka hendaklah diseret ke mahkamah dan berdepan dengan pengadilan. Barisan Nasional tidak mengamalkan budaya politik rasuah seperti yang disebut oleh saudara Ketua Pembangkang. Tuduhan itu sengaja diketengahkan supaya untuk discredit Kerajaan Barisan Nasional. Ini lebih bersifat seperti saya sebut awal-awal tadi, Tuan Pengerusi, lebih bersifat politik daripada usaha untuk membetulkan keadaan jika ia terdapat sebarang perkara yang tidak diingini di negara ini.

Tuan Pengerusi, konsesi balak yang disebut yang telah mengkaitkan nama bekas Menteri Besar Pahang, Yang Amat Berhormat Dato' Najib dahulu, saya hendak sebut bahawa kes ini tidak ada sebarang perbuatan rasuah yang berlaku menurut undang-undang pemerintah, tidak ada pada masa ini. Segala pemberian konsesi balak di negeri Pahang adalah mengikuti peraturan dan undang-undang dan keputusan untuk memberi konsesi balak ini keputusan ditentukan oleh sebuah jawatankuasa yang wujud bukan dengan keputusan individu. Ini saya hendak tegaskan, saya hendak memberi keyakinan bahawa ia tidak sama sekali keputusan individu atau keputusan Menteri Besar tetapi. . . .

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan. Adakah BPR siasat perkara ini dan adakah jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sekarang ialah bagi pihak

BPR atau bagi pihak bekas Menteri Besar Pahang.

Kedua, bukankah amalan itu salah, baik pun daripada segi moral atau undang-undang oleh kerana ini dibuat 24 jam sebelum beliau tahu beliau akan meninggalkan jawatannya. Dan apa mesyuarat diadakan pada 2hb Ogos apabila beliau tentulah dengan lain-lain Ahli-ahli Exco sangat sibuk campaigning untuk pilihanraya besar masa itu.

Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Ketua Pembangkang sendiri yakin bahawa saya berdiri di sini menjawab bagi pihak BPR dan Kerajaan. Saya hendak beritahu bahawa Badan Pencegah Rasuah telah membuat siasatan. Kalau Ahli Yang Berhormat Ketua Pembangkang tidak puas hati bolehlah melaporkan kepada pihak BPR, tetapi saya hendak beritahu bahawa ia tidak dibuat dengan keputusan individu tetapi oleh sebuah jawatankuasa dan tidak ada sebarang penyelewengan seperti yang dituduh oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan pen-swastaaan Desaru yang dikemukakan di dalam usul ini, saya sukalah hendak jelaskan bahawa sesuatu kes rasuah itu perlu dilaporkan terlebih dahulu kepada BPR dan ini memberi penjelasan bahawa kes ini tidak mendapat sebarang laporan. Jika ada usaha untuk melaporkan, maka tentulah pihak BPR akan menjalankan tanggungjawab sepenuhnya untuk menentukan bahawa tuduhan itu sama ada benar-benar menyeleweng atau tidak. BPR adalah satu badan yang mempunyai disiplin dan timbangrasa, ia tidak bertindak terhadap tuduhan secara melulu, ia kena siasat kerana implikasi terhadap satu-satu kes ini boleh membawa keburukan jika terdapat kesalahan yang dibuat oleh pihak BPR.

Dalam keenam-enam kes ini, Tuan Pengerusi, BPR ada membuat siasatan, sedang membuat siasatan, seperti Kertas Kedua Bahasa Malaysia SPM yang didakwa telah bocor adalah sedang dibuat siasatan dan lain-lain adalah perlu satu laporan dibuat kepada BPR.

Saya rasa, Tuan Pengerusi, setakat itu dan saya suka hendak beritahu bahawa usul ini tidak mempunyai asas atau justifikasi apa-apa dan ia perlulah ditolak oleh Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Dr Goh Cheng Teik: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Saya sudah beri keputusan tadi, saya hendak habiskan perkara ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah satu usul yang dibawa oleh Ketua Pembangkang yang berbunyi:

Bahawa perbelanjaan bagi Maksud B. 11 Badan Pencegah Rasuah diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak \$10 bagi Butiran 010000, Program/Aktiviti Pentadbiran, Kod 10000 Emolumen, berkait dengan gaji Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah dikurangkan sebanyak \$10.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Maksud B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11 dan B. 12 (Jadual)—

Maksud P. 7 dan P. 8 (Anggaran Pembangunan 1990)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan semula Kepala B. 1 hingga B. 12 dan Kepala Pembangunan P. 7 dan P. 8 dibuka untuk dibahas.

5.39 ptg.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Pengerusi, ingin saya merujuk kepada Butiran 010000 Urusan Parlimen.

Tuan Pengerusi, saya sebagai seorang anggota Parlimen merasa puas hati dengan perpustakaan yang berada di Bangunan Parlimen ini. Pada hemat saya, tempat yang dipilih untuk menjadi perpustakaan amatlah sesuai, cukup luas, buku pun cukup banyak, kakitangan pun cukup ramai. Tetapi ada satu kekurangan, Tuan Pengerusi, iaitu Perpustakaan Bangunan Parlimen

Malaysia tidak ada satu, dengan izin, "research service" atau "perkhidmatan penyelidikan" seperti yang berada di Bangunan Parlimen Britain atau di Bangunan Kongres Amerika Syarikat.

Ingin saya mengambil peluang ini mencadangkan kepada Kerajaan supaya mengadakan, memperkenalkan satu "research service", satu kemudahan perkhidmatan penyelidikan kepada Perpustakaan Parlimen. Kami Wakil-wakil Rakyat perlu bahan-bahan yang sesuai untuk menyediakan ucapan di Dewan yang mulia ini. Oleh kerana masa kami terhad dan ucapan pun harus disediakan dalam masa yang singkat, kami tentu akan berbahas dengan lebih bermakna sekiranya bahan-bahan ini dapat dicari, dikumpul dan dianalisis bagi kami oleh pegawai-pegawai yang terlatih di Perpustakaan Bangunan Parlimen. Jadi, saya cadangkan perkhidmatan ini diperkenalkan dan pegawai-pegawai yang sesuai dari Parlimen dihantar kepada Parlimen Britain atau Kongres Amerika Syarikat untuk dilatih. Itu sedikit pandangan saya, Tuan Pengerusi.

Saya juga ingin merujuk kepada Butiran 020000, Urusan Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam. Tuan Pengerusi, beberapa tahun yang lalu Kerajaan memperkenalkan konsep "Malaysia Incorporated" atau Persyarikatan Malaysia. Namaknya konsep ini telah membawa banyak faedah kepada negara kita dan telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi tanahair kita, dan juga memperbaiki hubungan sedikit-sebanyak antara sektor swasta dan sektor awam. Sebagai satu langkah untuk meningkatkan kejayaan konsep ini, saya ingin mengesyorkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam mengkaji satu sistem insentif kepada pegawai-pegawai, baikpun pegawai biasa mahupun pegawai-pegawai kanan atau anggota Kerajaan biasa, yang bekerja bersungguh-sungguh membantu sektor swasta dan secara tidak langsung membantu Kerajaan, membantu negara menguntungkan hasil. Jadi, saya cadangkan bahawa orang yang bantu sektor swasta, baikpun secara langsung mahupun secara tidak langsung untuk menajayakan perniagaannya dan dengan

demikian menguntungkan hasil cukai bagi Kerajaan, diberi bonus dalam bentuk wang atau diberi increment. Pertumbuhan ekonomi kita sekarang telah sampai ke satu tingkat yang crucial dan critical. Saya percayalah sekiranya sektor awam dan sektor swasta dapat bekerjasama dengan baik, kami dapat mencapai matlamat ekonomi kita. Itulah cadangan saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap.

5.45 ptg.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya menarik perhatian kepada mukasurat 32 di bawah tajuk Bekalan B. 7, Butiran 040000, di bawah tajuk Keselamatan Negara, yang diberi peruntukan sebanyak \$30,010,100.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada soal keselamatan negara pada masa ini, khususnya di dalam soal ancaman komunis. Pada masa ini kita sedia maklum di negara kita ini khususnya dan di dunia ini amnya bahawa ancaman komunis militan mulai berkurangan. Malah di negara kita ini bolehlah disifatkan sebagai satu teladan ataupun contoh yang mana kita telah menewaskan ancaman komunis militan. Yang ada hanyalah saki-bakinya sahaja yang tidak menjadi satu ugutan besar kepada keselamatan negara.

Tuan Pengerusi, walaupun ancaman militan ini tidak ada, komunis di dalam menifestonya yang ingin mengongkong dunia di bawah ideologinya akan terus cuba menawan dan menakluki semua rakyat di dunia ini. Apabila mereka kalah dari segi militan, mereka akan mengubah strategi dakyah-dakyahnya iaitu dari perjuangan bersenjata kepada gerakan-gerakan sivil. Kita sedia maklum, kalau kita baca communist manifesto dan kalau kita baca karya-karya Lenin, karya-karya Engels, kita dapati bahawa jikalau mereka tidak dapat mempengaruhi melalui satu cara, mereka akan cuba memasuki pertubuhan-pertubuhan sivil, malah menyerap di dalam agama-agama yang ada sekalipun, walaupun mereka tidak mempercayai adanya Tuhan.

Oleh itu, saya menyeru dan mencadangkan kepada pihak Kerajaan supaya peka terhadap masalah ini dan response ataupun tindak balas Kerajaan mestilah disesuaikan dengan keadaan sekarang. Saya ingin mencadangkan supaya kawasan-kawasan hitam di negara kita ini ditafsirkan secara lain.

Pada masa ini, Tuan Pengerusi, kawasan-kawasan hitam ini ditafsirkan sebagai kawasan-kawasan yang mempunyai anasir-anasir komunis militan. Apa yang berlaku di kawasan-kawasan ini yang mana kebanyakan penduduk-penduduknya adalah orang-orang miskin terus mencengkam dan menahan kemaraan pertumbuhan ekonomi negara kita. Misalannya, Tuan Pengerusi, di kawasan Timur Laut Kedah iaitu di kawasan Kubang Pasu, Padang Terap dan kawasan Sik, yang mana pembangunan-pembangunan ekonomi melalui pembukaan tanah, yang mana Gula Padang Terap dan Gula Perlis telah pun menjalankan usaha-usaha untuk meningkatkan ekonomi di kawasan itu, masih lagi tidak dapat dirasakan oleh penduduk-penduduk miskin yang berada di sekitar itu. Penduduk-penduduk itu akan terus miskin, kerana pertama sekali, Tuan Pengerusi, mereka tidak akan dapat peluang bergerak dengan lebih lancar, bergerak untuk mengambil peluang-peluang ekonomi yang telah disediakan melalui syarikat-syarikat ini dan juga pihak Kerajaan.

Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya cadangkan supaya kawasan-kawasan hitam yang mana sudah ada pembangunan seperti ini diputihkan semula dan diwujudkan infrastruktur-infrastruktur yang penting seperti di bawah kategori infrastruktur pertahanan negara. Misalannya, Tuan Pengerusi, di dalam kawasan-kawasan seperti ini juga perlu diwujudkan hamlet-hamlet ataupun kampung-kampung pertahanan kerana melalui pertahanan seperti inilah kita akan dapat mengurangkan ongkos Kerajaan di dalam bidang pertahanan. Pertahanan yang saya maksudkan ialah pertahanan melalui pembangunan yang mana di kawasan-kawasan ini diwujudkan kampung-kampung yang dirangkaikan dengan sesuatu aktiviti politik

yang mana orang-orang kampung itu dijadikan mata dan telinga Kerajaan di dalam menumpaskan ancaman-ancaman komunis ini.

Tuan Pengerusi, saya sedar bahawa pihak Kerajaan melalui Jabatan Perdana Menteri mempunyai program KESBAN yang dijalankan pada masa ini tetapi, Tuan Pengerusi, KESBAN pada saya adalah satu program *ad hoc* yang tidak ada kaitan di antara satu sama lain, ia hanya dijalankan melalui berlainan agensi dan tidak ada kordinasi dan tidak ada kekesanan yang pasti membawa penduduk-penduduk miskin keluar daripada kemiskinannya. Perlu diwujudkan program KESBAN yang memberi lebih authority kepada satu-satu badan, yang mana badan itu sahaja yang menentukan corak-corak pembangunan dan corak-corak kependudukan di kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi.

Saya ingin pula menarik perhatian Dewan ini kepada mukasurat 34 di bawah Maksud B. 7, Butiran 150000 Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) yang diberikan peruntukan sebanyak \$7 juta.

Tuan Pengerusi, Lembaga Urusan dan Tabung Haji adalah satu badan yang perlu diberikan segala pujian di atas kerja-kerjanya bukan sahaja mengurus pemerhatian jemaah-jemaah haji, malah di dalam meningkatkan ekonomi rakyat yang beragama Islam. Saya mencadangkan untuk membaiki pengurusan haji kepada pihak LUTH supaya pertama sekali menyewa kapalterbang-kapalterbang baru pada musim haji tahun hadapan kerana saya dapati kebanyakan kapalterbang-kapalterbang yang disewa oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji melalui MAS adalah kapalterbang yang buruk dan kebanyakannya adalah modal DC10, yang di dalam tahun ini juga telah menunjukkan ada technical flaw yang kemungkinan terjadi kemalangan kepada kapalterbang-kapalterbang yang lebih 20 tahun umurnya. Kejatuhan kapalterbang-kapalterbang di Amerika dan di tempat-tempat lain yang melibatkan model DC10 ini telah pun kita baca pada tahun ini. Saya dapati kebanyakan kapalterbang-kapalterbang itu ditambah kerusinya

sehingga sesak seperti sardin kita duduk dalam kapalterbang itu dan pada saya ini adalah satu risiko yang besar yang telah diambil oleh pihak LUTH dan juga pihak MAS yang menjalankan urusan membawa jemaah-jemaah haji ke tanah suci.

Saya fikir kalaulah disewa kapalterbang-kapalterbang yang lebih baru dan lebih selamat dan dikurangkan bilangan kerusi-kerusinya tidak akan berlaku peningkatan kos yang tinggi, malahan kalau berlaku peningkatan kos sekalipun saya fikir jemaah-jemaah haji akan berasa lebih selesa dan lebih selamat di dalam perjalanan mereka ke tanah suci. Sebelum berlaku apa-apa kemalangan yang besar, Tuan Pengerusi, saya menyerulah kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji supaya menerima cadangan saya ini agar tidak berlaku apa-apa kemalangan di hari muka.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan kepada LUTH supaya mewujudkan banyak lagi pekej-pekej yang lain daripada muassasah kerana, Tuan Pengerusi, kita dapati bahawa jemaah-jemaah haji yang pergi ke Mekah, pada mereka kos ataupun perbelanjaan tidaklah penting. Yang penting ialah kebolehan mereka memilih pekej yang memberi lebih keselesaan daripada sistem yang ada iaitu sistem muassasah. Jikalau ada banyak jemaah-jemaah haji yang masih mahu tinggal di dalam sistem muassasah biarkan, tetapi ada segelintir yang mungkin significant dari segi bilangannya yang mahukan pekej-pekej yang lebih selesa dan lebih meraberi kesempurnaan kepada mereka di dalam mengerjakan ibadah haji.

Yang ketiga saya ingin mencadangkan kepada pihak LUTH supaya memberi ingatan ataupun maklumat yang lebih lengkap kepada jemaah haji dari luar negeri. Kerana, Tuan Pengerusi, kebanyakan jemaah-jemaah haji dari luar negeri tidak tahu bahawa huluran khidmat daripada LUTH kepada mereka di dalam menghadkan perkhidmatan ini adalah satu huluran diplomasi ataupun satu huluran untuk menolong. Saya biasa di dalam tahun ini, di dalam jemaah tahun ini, saya telah bercakap dengan seorang jemaah haji dari

Australia yang berbangsa Arab yang telah menuduh bahawa LUTH membuat keuntungan yang besar. Padahal kalau beliau pergi haji melalui saluran yang biasa, beliau sendiri tahu bahawa beliau akan membayar lebih dua kali ganda daripada apa yang dibayar melalui LUTH. Ada juga segelintir jemaah haji daripada luar negeri itu yang menuntut perkara-perkara yang bukan-bukan misalannya mereka menuntut makanan mereka yang bercorak Barat perlu disediakan. Mereka tidak mahu makanan yang disediakan oleh pekej Tabung Haji iaitu makanan Malaysia. Sudah tentu kosnya akan meningkat kerana makanan yang bercorak Barat mengandungi bahan-bahan protein dan bahan-bahan lain yang lebih mahal. Jadi, saya harap pihak LUTH mengambil ingatan dalam hal ini supaya mana-mana jemaah haji daripada luar Malaysia yang hendak menyertai perkhidmatan yang kita beri ini supaya faham benar-benar dan menerima kehendak kita dan bukan kita menerima kehendak mereka.

Tuan Pengerusi, saya menarik perhatian pula kepada muka surat 36 di bawah tajuk Maksud Pembangunan P.7, Butiran 03200 di bawah tajuk Hakisan Pantai Negara yang mana diperuntukkan sebanyak \$11 juta. Saya memuji langkah Kerajaan kerana akhirnya menyedari bahawa pantai negara sedang dihakis khususnya pantai barat Semenanjung yang bermula dari Perlis sehingga ke kawasan Kukup di Johor. Apa yang kita sedih dan kita musykilkan ialah tidak ada pengetahuan dan ilmu serta teknologi untuk mengatasi masalah ini. Ini telah diakui sendiri oleh Ketua Pengarah Jabatan Parit dan Saliran di dalam akhbar tidak berapa lama dahulu. Soal hakisan pantai ini bukanlah soal baru.

Saya masih ingat lagi 15 tahun atau 17 tahun yang lalu di dalam masa pihak MADA meminta pinjaman daripada Bank Dunia, satu daripada elemen yang diminta ialah menahan hakisan pantai. Tetapi malangnya pada masa itu kedua-dua pihak Bank Dunia dan Kementerian Pertanian tidak memandang berat tentang hakikat ini. Tetapi selepas 6 dan 7 tahun MADA dijalankan, pantai di kawasan MADA iaitu di kawasan Perlis di

Sungai Berembang telah dihakis terlalu banyak sehingga satu kampung jatuh dalam laut, Tuan Pengerusi. Kawasan ini adalah di dalam kawasan Parlimen Arau. Kawasan-kawasan lain seperti di Kuala Kedah, di kawasan Yan sedang dihakis walaupun tidak seserius apa yang berlaku di kawasan pantai Berembang di kawasan Arau.

Jadi, di sini saya ingin memberitahu Dewan, walaupun kita telah sedar tetapi saya fikir tidak terlambat kerana pada masa itu apabila perkara ini dibawa kepada pengetahuan pihak Kerajaan, telah dicari teknologi-teknologi dan cara untuk mengatasi masalah ini. Tetapi malangnya sehingga kini belum dapat dicari. Kita telah memanggil pakar-pakar dari Jepun, pakar-pakar dari Korea untuk mengkaji masalah hakisan pantai dan apa yang mereka beritahu kepada kita ialah bahawa satu solution atau satu cara penyelesaian yang standard tidak ada, kerana tiap-tiap pantai itu dia mempunyai sifat-sifatnya sendiri dan tiap-tiap kawasan itu mempunyai arus (current) ombak yang berlainan daripada satu dengan yang lain. Jadi, dalam perkara ini saya harap pihak Kerajaan dengan pemberian \$11 juta ini akan dapat menolong pihak Jabatan Parit dan Saliran mewujudkan teknologi ini dan menghantar lebih banyak pegawai keluar negeri untuk mempelajari ilmu ini kerana kalau kita biarkan perkara ini berlanjutan kemungkinan keseluruhan pantai kita di Semenanjung khususnya di Pantai Barat akan dibawa oleh laut, akan ditenggelami oleh laut ataupun dimakan laut.

Yang kedua, berkaitan dengan hakisan pantai ini, Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian lagi sekali mengenai penjagaan ekologi hutan gelam atau mangrove swamp. Saya memuji pihak Kerajaan kerana menyedari hakikat ini. Tetapi kita masih ada lagi perkara-perkara yang kita tidak ingini kerana kita masih lagi membenarkan penebangan pokok-pokok gelam ini. Saya tahu bahawa di dalam penebangan ini ada kaedah-kaedah iaitu kaedah yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Hutan. Tetapi akhir-akhir ini kita tahu bahawa walaupun kaedah itu diwujudkan, kebanyakan kaedah ini dilanggar dan

kecurian-kecurian pokok-pokok gelam dan juga pokok-pokok di dalam hutan berlaku secara berleluasa.

Saya mencadangkan kepada pihak Kementerian supaya mengharamkan terus pengambilan kayu-kayu gelam daripada hutan gelam ini. Kerana, hakisan pantai yang saya sebutkan tadi adalah disebabkan oleh ketiadaan atau kepupusan hutan gelam yang menjadi benteng kepada kuasa arus (current) laut yang menyebabkan hakisan pantai. Saya harap ini akan diambil secara serius kerana walaupun kita masih banyak pohon-pohon gelam ataupun kawasan-kawasan kayu gelam tetapi seharusnya kita haramkan sepertimana juga kita haramkan pembunuhan atau pemburuan binatang-binatang yang akan pupus. Dengan itu saya menyokong peruntukan ini.

Tuan Pengerusi: Kubang Krian. Nanti sekejap, bukan Kubang Krian, Pengkalan Chepa. Sudah dua kali saya sebut silap macam itu.

6.05 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang ini untuk menyentuh beberapa masalah yang saya fikir perlu dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan ini. Saya ingin menyentuh muka surat 23, B.1, Butiran 010000, Urusan Parlimen, Butiran Kecil 010200, Mengurus dan Mentadbirkan Hal-hal berkaitan dengan Persidangan Dewan Negara dan Dewan Rakyat—peruntukan \$11,949,000.

Saya mencadangkan peruntukan ini perlu ditambah bagi menampung keperluan mengurus sidang Dewan Negara dan Dewan Rakyat bermula dari pukul 10.00 pagi sepanjang membincangkan urusan Belanjaan. Saya pernah menyuarakan supaya sidang Parlimen dijalankan semula dari pagi tetapi tidak pernah mendapat perhatian. Kali ini saya mencadangkan supaya sidang dimulakan dari pukul 10.00 pagi juga khusus untuk membincangkan Belanjawan yang memerlukan penyertaan dari seramai-ramai Ahli dan seserius yang boleh. Ketika membahaskan Ucapan

Belanjawan, Menteri Kewangan bagi bacaan kali pertama yang baru sahaja berakhir ternyata masa terlalu tidak cukup. Saya diberi masa hanya 25 minit sahaja pada hari yang ketiga se-telah tidak dapat pada hari pertama dan hari kedua. Apa yang dapat, saya hendak bahaskan, Tuan Pengerusi, ucapan dasar Kerajaan dalam tempoh 25 minit itu? Mengapa Tuan Speaker tidak membenarkan saya bercakap sampai satu jam ataupun dua jam sama seperti wakil Kerajaan dari Kuala Terengganu yang sampai tiga jam membuang masa dengan berbagai-bagai fitnah dan tuduhan. Sedangkan saya mewakili sebuah parti politik

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat hendak berucap begitu, Yang Berhormat kena bawa satu usul hendak mengemukakan keputusan yang telah pun dibuatkan oleh Tuan Speaker itu. Tidak boleh begitu, kerana apa yang dibuat itu kerana dia terpaksa buat demikian. Masa diberi 11 hari dan yang hendak berucap banyak. Jadi terpaksa dibuat demikian. Dalam Peraturan Mesyuarat pun ada kuasanya berbuat demikian melainkan kalau sekiranya Peraturan Mesyuarat ini dipinda supaya masa membahaskan itu dipanjangkan. Itu tidak mengapa. Maka Speaker akan menjalankan kuasa seperti yang diberi di dalam Peraturan Mesyuarat itu.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya membangkitkan perkara ini sebagai memberi pandangan. Walaupun mengikut Peraturan itu terpaksa membawa Usul tetapi bagi Tuan Speaker boleh memberi masa terutama sekali sebagaimana pernah saya kata dan pada petang ini pun saya cuba memberi sedikit pandangan.

Saya mewakili sebuah parti politik yang terbesar di kalangan orang Melayu dan umat Islam di Malaysia ini. Adilkah, demokraskah tindakan Tuan Speaker menghadkan masa pada saya pada hari yang ketiga lagi

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, jangan berucap macam itu. Dengan kerana

tiap-tiap seorang Ahli di sini mewakili parti yang besar dan yang menang daripada parti Yang Berhormat itu ialah seorang. (*Tepuk*) Ada Ahli parti-parti yang tidak dapat berucap pun. Dan saya menjalankan tugas sahaja sebagaimana diberi di dalam Peraturan Mesyuarat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak tuju kepada Tuan Pengerusi sebenarnya. Saya cerita apa yang berlaku dalam Dewan.

Tuan Pengerusi: Kalau hendak berucap, berucaplah cara lain, minta masa daripada Kerajaan supaya Kerajaan memindahkan Peraturan Mesyuarat supaya masa perbahasan ini dipanjangkan. Begitu bolehlah. Jadi, kalau sekiranya diberi 11 hari, Speaker mana pun yang duduk di sini akan menghadkan masa; kalau tidak, ada Ahli-ahli yang tidak boleh berucap langsung. Ahli yang tidak berucap langsung akan bangun berucap macam mana Yang Berhormat berucap pula. Adakah begitu?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, maksud saya begini, saya tidak hendak mengganggu Tuan Pengerusi menghadkan masa, cuma saya hendak memberitahu bahawa saya sebagai mewakili satu parti, berpandukan kepada demokrasi, patutlah diberi peluang kepada saya lebih sedikit, sebab kalau saya seorang tidak dapat menyampaikan maksud

Tuan S. S. Subramaniam: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Hulu Selangor bangun.

Tuan S. S. Subramaniam: Minta jalan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tidak beri, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Kalau Tuan Pengerusi izinkan, boleh saya sambung.

Tuan Pengerusi: Baiklah. Yang Berhormat berucap perkara yang lain, ya? Jikalau Yang Berhormat hendak berucap

meminta masa lebih diperuntukkan, dalam Peraturan Mesyuarat, boleh. Tetapi jangan mengkritik kerja-kerja yang dijalankan oleh Speaker. Kalau begitu ia adalah salah mengikut Peraturan Mesyuarat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Atas pandangan pun salah juga?

Tuan Pengerusi: Kalau seperti percakapan Yang Berhormat tadi, itu mengkritik perbuatan Speaker. Itu tidak boleh. Apa Yang Berhormat hendak ialah untuk meminta pinda supaya masa lebih diberi kepada ahli-ahli bermesyuarat daripada 11 hari kepada sebulan, tiga bulan, itu tidak menjadi hal kepada Speaker. Speaker akan menjalankan tugas-tugas seperti yang diperintahkan di dalam Peraturan Mesyuarat. Peraturan-peraturan Mesyuarat ini dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sini mengikut suara ramai.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, minta maaf. Saya bukan bermaksud hendak meminda Peraturan Mesyuarat dan saya difahamkan untuk meminda Peraturan Mesyuarat terpaksa membawa usul. Saya cuma hendak menegur sedikit, kuasa yang ada pada Tuan Speaker itu patut diberi pertimbangan kepada saya yang mewakili sebuah Parti Pembangkang, itu sahaja. Kalau orang lain boleh diberi satu jam . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kalau sekiranya sudah sampai masa telah dihadkan masanya, kemudian selepas daripada itu Yang Berhormat bangun hendak berucap, hendak beri keistimewaan kepada Yang Berhormat, tidak boleh kerana tiap-tiap orang telah pun dihadkan masa. Tiap-tiap orang mesti dihadkan masa. Itu dia keadilan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih. Tuan Pengerusi, sehubungan dengan itu saya suka juga menarik perhatian Dewan pada petang ini supaya Kerajaan melalui Parti Whip di dalam Dewan mengambil langkah-langkah tertentu bagi menjaga kehadiran anggota-anggota Dewan semasa persidangan berjalan, jangan sampai meninggalkan kerusi

kosong dan hari-hari tidak cukup kuorum dan hendaklah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah ini mengambil tindakan memperbaiki tingkah laku setengah-setengah anggota Dewan yang biadap yang suka mengganggu dan mengacau orang yang sedang berucap . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya tidak benarkan Yang Berhormat bercakap begitu. Yang Berhormat tidak boleh berucap begitu. Apa yang Yang Berhormat hendak katakan itu tidak boleh disampaikan secara begitu. Jikalau sekiranya menggunakan perkataan yang lain, cara parliamentary, seperti perkataan "tidak elok" dan sebagainya, itu bolehlah. Tetapi perkataan "biadab" itu adalah unparliamentary.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tarik balik, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, dia sudah tarik balik.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: . . . suka mengganggu dan mengacau orang yang sedang berucap dan mengemukakan pandangan-pandangan yang baik dan ikhlas kepada Kerajaan. Berikanlah didikan moral yang tinggi kepada mereka yang suka hendak datang ke Dewan ini, bawalah akal fikiran dan ilmu pengetahuan. Jangan bawa perangai dan kelakuan yang tidak baik. Saya faham, Tuan Pengerusi, di dalam Dewan ini tidak ada budak-budak nakal dan broker-broker politik yang mengejar pangkat, tetapi yang hadir di dalam Dewan ini ialah pemimpin-pemimpin yang berwibawa, yang bertanggungjawab yang menjadi contoh dan ikutan kepada semua lapisan masyarakat di dalam segenap hal yang dilakukan.

Buktikan juga kepimpinan melalui teladan. Tunjukkanlah sikap amalan bersih dan amanah serta ingatlah isi kandungan doa yang dibacakan setiap kali hendak bermesyuarat di Dewan ini. Tuan Pengerusi, saya petik balik separuh daripada doa itu:

"Ya Allah, kami sekalian hambaMu yang diperkenankan menjadi Ahli

Dewan Rakyat, menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan . . . berkat-Mu ke atas kami berhimpun dipohon anugerahkan, taufikMu, hidayatMu, dipohon menyuluh memandukan, pada ketika kami berunding, menimbang bertukar fikiran, pada segala perkara yang dibentangkan . . .”

Ini lah separuh isi kandungan doa yang dilafazkan setiap hari sebelum sidang ini dimulakan. Tetapi doa ini tidak menunjang ke lubuk hati Ahli-ahli Dewan kerana mereka tidak dapat mengisi kehendak doa mereka sendiri, bagaimana hendak menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan? Mengapakah sebab dipohon taufik, hidayat dan berkat dari Tuhan? Tidakkah hidayat, taufik dan berkat itu telah ditutup dan digam Tuhan terhadap orang-orang yang zalim, fasik dan kufur nikmat-nikmat Tuhan? Apakah perlunya doa dipohon kalau kita hendak melakukan sesuatu yang buruk dan menyeleweng? Saya mengesyorkan kepada pihak Kerajaan supaya memperbetulkan segala penyelewengan dan kecurangan yang berlaku dalam Dewan yang mulia ini sesuai dengan usaha Kerajaan menerap nilai-nilai Islam. Teraplah ke dalam Dewan ini dahulu sebelum diterapkan ke luar Dewan dan teraplah kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan sendiri sebelum diterap kepada orang yang dipimpin.

Tuan Pengerusi, beralih saya kepada B.4, muka surat 26, Butiran 010000, Butiran Kecil 010200-Operasi Pilihanraya yang diperuntukkan sejumlah \$5,505,000.

Saya ingin menarik perhatian agar Suruhanjaya Pilihanraya mendapatkan pandangan dari pihak polis bagaimana peraturan selepas pukul 12.00 malam menjelang pagi mengundi dapat dipatuhi oleh setiap pihak yang terlibat bagi mengelakkan kejadian buruk dan bagi mengelakkan tidak berulang lagi kejadian menahan dan menyerahkan Menteri Besar Selangor kepada Polis seperti yang berlaku dalam pilihanraya kecil di Sungai Besar pada 1hb November lalu.

Tuan Pengerusi, waktu dinihari seperti ini adalah waktu yang paling sensitif dalam

kempen pilihanraya bila-bila masa juga. Waktu ini orang hendak membinasakan poster-poster parti lawan dan kadang-kadang pondok panas parti lawan yang lemah hilang setelah didirikan sehari sebelumnya. Ketika ini jugalah parti yang bermaharajalela menyebarkan risalah-risalah beracun dan yang tidak beracun yang dijadikan senjata terakhir kononnya bagi menjamin kemenangan masing-masing, malah ada yang berkelahi secara beradu tenaga. Jangan disebut lagi perbuatan menabur wang bagi membeli undi bagi pihak yang boleh dibeli.

Oleh kerana peraturan undang-undang dan Perlembagaan itu tidak dihormati dan pihak yang menentukan keselamatan menganggapkan remeh, lalu rakyat mengambil langkah menjaga sendiri keselamatan poster-poster, pondok panas mereka dan berusaha . . .

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun. Hendak beri jalan pada dia?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tidak beri.

Tuan Pengerusi: Tidak beri, sila teruskan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: . . . dan berusaha menghalang sesiapa sahaja yang mencabul peraturan itu. Itulah yang dilakukan oleh petugas-petugas PAS dan Semangat 46 di Sungai Besar sehingga tertangkapnya Menteri Besar, pengantin baru yang sangat dikenali itu.

Saya dukacita bahawa Dewan yang mulia ini telah dicemari oleh putar-belit Ahli dari Sepang yang membangkitkan perkara itu di Dewan ini ketika beliau membahaskan ucapan Belanjawan Menteri Kewangan. Sama ada beliau mendapat gambaran yang palsu dari rakan-rakannya atau dari bacaan atau dari pendengaran melalui mass-media yang telah memberikan gambaran yang salah di atas kejadian tertangkapnya pengantin itu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat berucap itu bukan bersangkut dengan peruntukan yang diminta tetapi Yang Berhormat berucap di atas satu kejadian. Yang Berhormat kena berucap di bawah Jawatankuasa yang bersangkut dengan wang yang hendak dipergunakan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, saya bangkitkan ini ialah berkaitan dengan pilihanraya sebagaimana Ahli dari Sepang bangkitkan baru-baru ini.

Tuan Pengerusi: Itu di dalam dasar, ini Jawatankuasa, Yang Berhormat. Dasar dan Jawatankuasa berbeza.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Jadi tidak boleh saya menceritakan?

Tuan Pengerusi: Tidak boleh, Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh berucap di bawah Jawatankuasa berkenaan dengan peruntukan yang diminta. Bercakaplah mengenai perkara-perkara itu.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kalau saya tidak dapat menceritakan apa yang berlaku, saya percaya apa yang dibangkitkan oleh wakil Sepang baru-baru ini akan ditelan bulat-bulat oleh orang yang tidak tahu, sedangkan perkara itu tidak sebenar. Sebab itu pada awal saya minta peruntukan yang diperuntukkan kepada pilihanraya itu dapat diberi perhatian oleh pihak yang berkenaan supaya apa yang berlaku dalam pilihanraya tidak akan berlaku lagi.

Tuan Abdul Raman bin Suliman:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat di sana bangun. Hendak beri jalan pada dia atau tidak?

Tuan Abdul Raman bin Suliman:
Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, perkara Yang Berhormat dari Pengkalan Cepa cakap tadi saya kata tidak relevant,

tidak bersangkutan. Jikalau Yang Berhormat hendak bertanya di atas perkara itu tidak bolehlah sebab perkara itu tidak bersangkutan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak beri, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Dia sudah duduk Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, saya beralih kepada muka surat 31, B.7, Butiran 010000, Butiran kecil 010100, Pentadbiran dan Kewangan yang diperuntukkan \$46,832,400, muka surat 404, buku Program dan Prestasi Belanjawan mencatatkan tentang lawatan Ketua-ketua Negara Kerajaan Asing ke Malaysia yang dijangka sebanyak lapan kali tahun 1990 nanti.

Saya mengingatkan Kerajaan supaya memastikan bahawa sekiranya pemimpin negara ini berupaya menjadi tuan rumah yang baik dan dapat mengatur program yang selesa dan menyenangkan tetamu negara asing itu. Saya mengingatkan ini kerana kita mendapat maklumat betapa Baginda Ratu Elizabeth dari Britain telah tidak diberi layanan yang wajar sebagai Ketua Negara Britain. Sambutan yang diberikan kepada Baginda tidak padan dengan sifatnya sebagai Ketua Komanwel. Ada akhbar-akhbar kononnya cara layanan yang diberikan menyebabkan Baginda acap gering. Apa yang paling mengaibkan ialah kenderaan yang saya tahu yang membawa Baginda dalam salah satu acara rasmi itu rosak di tengah-tengah jalan hingga menyebabkan perjalanan tergendala. Untung juga didatangkan segera kenderaan khas Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Kita diberitahu bahawa negara telah berbelanja besar untuk CHOGM yang antaranya termasuk persiapan kunjungan rasmi Baginda Ratu. Maklumat yang tersebar, perbelanjaan mengubahsuai bangunan Carcosa, bekas kediaman rasmi Pesuruhjaya Tinggi British yang diambil alih semula menelan belanja sekitar \$20 juta semata-mata untuk penginapan Baginda selama sidang CHOGM. Kita tidak faham mengapa ubahsuai memakan

belanja begitu mahal sedangkan Ratu Elizabeth memilih persemayaman di bahtera Baginda sendiri.

Yang menjadi kemusykilan kita, ialah Carcosa yang diubahsuai itu rupanya dijadikan hotel antarabangsa yang dikenaldikan oleh pakar perhotelan dari Switzerland beberapa hari setelah Baginda Ratu berangkat pulang. Yang menjadi tandatanya ialah apakah pemimpin negara ini mengambil kesempatan dari pengubahsuaian bangunan itu kerana kunjungan Ratu Inggeris, tetapi tujuan sebenarnya perbelanjaan tadi dicurahkan adalah untuk menjadikannya sebuah hotel utama. Saya bimbang keengganan Baginda menginap di situ boleh jadi kerana Baginda telah mencium yang Baginda hendak diperlihatkan oleh pemimpin Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, bagaimanapun PAS berpendapat kunjungan Baginda Ratu Elizabeth ke negara kita ini tidak sesuai dengan masanya. Sepatutnya pemimpin Malaysia tidak menggalakkan Baginda ke negara kita ketika CHOGM berlangsung, sekalipun Baginda Ketua kepada Komanwel.

Tuan Pengerusi, di muka surat 404 juga didapati perkara Aktiviti-Urusetia Kabinet yang tujuannya antara lain adalah untuk memberi khidmat urusetia kepada Jawatankuasa Kabinet dalam prestasi aktiviti di muka surat 11, terdapat beberapa Jawatankuasa Kabinet dicatatkan, tetapi malangnya tidak terdapat nama Jawatankuasa Kabinet mengenai Penyelewengan. Jawatankuasa Kabinet Mengenai Penyelewengan yang dipengerusikan oleh Menteri Pendidikan itu telah mendapat banyak publisiti ketika dibentuk dahulu, tetapi apakah sebabnya . . .

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Safin: Penjelasan dan sekadar hendak membetulkan satu kesilapan yang dibuat oleh pemimpin utama PAS ini, Tuan Pengerusi. Bolehkah atau tidak?

Tuan Pengerusi: Hendak benarkan atau tidak?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tidak payah, Tuan Pengerusi.

Tuan Hashim bin Safin: Silap itu.

Tuan Pengerusi: Tidak payah, katanya.

Tuan Hashim bin Safin: Kalau tidak payah, dia terus silap macam parti PAS.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Kalau silap, tunggulah dalam jawapan untuk diperbetulkan.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Jawatankuasa Kabinet Mengenai Penyelewengan yang dipengerusikan oleh Menteri Pendidikan itu mendapat banyak publisiti ketika dibentuk dahulu, tetapi apakah sebabnya maka prestasinya tidak dicatatkan langsung. Adakah Jawatankuasa ini tidak punya apa-apa fungsi atau ia tidak dibenarkan berfungsi disebabkan terlalu banyak penyelewengan yang dilakukan di negara ini.

Saya mengalu-alukan perkara ini tidak dimasukkan di dalam buku Belanjawan, kerana saya tidak bersedia memberi persetujuan sekiranya Menteri Kewangan meminta diberi peruntukan kepada Jawatankuasa ini disebabkan ia tidak akan mampu menjalankan tugasnya dalam dunia dan Kabinet yang penuh dengan imej penyelewengan.

Tuan Pengerusi, sehingga ini Jawatankuasa ini tidak membuat apa-apa tindakan terhadap pembelian senjata Tornado, perbelanjaan besar untuk CHOGM, berdiam diri terhadap sikap Menteri Besar Selangor yang melanggar peraturan nikah negeri Selangor dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, muka surat 408 masih dalam Butiran kecil 0108000, iaitu Aktiviti-Biro Tatanegara yang diperuntukkan \$5,022,000. Saya cadangkan supaya tidak ada sebarang peruntukan diberikan

kepadanya. Kalau perlu adalah wajar bahagian ini digantung kegiatannya ataupun dimansuhkan sahaja. Walaupun Biro Tatanegara ini mempunyai tujuan atas kehendak Kerajaan, ia lebih bermotif dan menjalankan kerja-kerja UMNO. Segala kegiatan baik latihan dan pendidikan yang dijalankannya adalah untuk memastikan UMNO menang dalam pilihanraya dalam sebarang pilihanraya besar ataupun kecil yang lebih awal datang dari orang UMNO. Ia tidak mendidikan rakyat lebih sedar dan insaf tentang politik. Ia tidak mengajar rakyat berani mempertahankan hak masing-masing seperti menerangkan bahawa undi adalah rahsia, rasuah politik adalah salah, menakut-nakutkan pengundi dan sebagainya itu adalah penyelewengan.

Sepanjang hubungannya dengan pemimpin-pemimpin UMNO, tidak nampak BTN ini telah berjaya menjadi orang UMNO lurus dalam politik. Di hadapan BTNlah berlaku pembunuhan Memali dan di hadapan BTN jugalah berlaku pemecatan Tun Salleh Abas sebagai Ketua Hakim Negara dan di hadapan BTN juga berlaku skandal pembelian senjata Tornado dan sebagainya.

Kita tidak nampak rakyat dapat disedarkan oleh pewujudan BTN. Oleh itu adalah merugikan negara dan juga rakyat apabila dibenarkan peruntukan kepadanya kerana ia membuat kerja UMNO. Beri sahajalah tugas BTN ini kepada UMNO, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, panjang lagikah? Yang Berhormat telah berucap selama 25 minit.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Boleh saya sambung besok?

Tuan Pengerusi: Boleh.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.